



www.mara.gov.my

MARA 2018



JABATAN
KETUA
PENGARAH



SEKTOR
PENDIDIKAN



SEKTOR
KHIDMAT
PENGURUSAN



Rasional Muka Depan

Konsep kulit muka Laporan Tahunan MARA 2018 menggunakan pendekatan geometrikal dan digital. Sejar dengan era masa kini iaitu 'Era Digital & Teknologi', elemen tangan robotik yang terdapat ikon bangunan MARA di tengah-tengah telapak tangan robotik itu menggambarkan bahawasanya MARA sekarang sudah melangkah ke aras yang lebih tinggi, melangkaui sempadan selari dengan peredaran zaman yang serba moden, 'Cutting Edge Technology' atau 'Teknologi Canggih'.

MARA telah mengimplimentasikannya dalam segala bentuk pengurusan, pentadbiran korporat serta di institusi-institusi pengajian tinggi di bawahnya, baik dari segi 'branding' atau penjenamaan mahupun etika kerja.

SEKTOR
KEUSAHAWANAN



SEKTOR
PELABURAN




AJIAN
ENILAH
DIGITAL



PERISTIWA
KORPORAT



TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT



MARA 2018

PERNYATAAN KORPORAT	VII
PELAN STRATEGIK MARA 2016-2020	VIII
MAKLUMAT KORPORAT	1
Majlis MARA	1
Kewajipan dan Kuasa-kuasa Majlis	1
Pengerusi & Ahli Majlis MARA	2
Perutusan Pengerusi	3
Ringkasan Maklumat Korporat MARA	5
Carta Organisasi	6
Ahli Pengurusan MARA 2018	8
Pusat Pentadbiran MARA	12
Ringkasan Prestasi dan Kedudukan Kewangan MARA berakhir pada 31 Disember 2018	13
Laporan Pengurusan Ketua Pengarah	14
JABATAN KETUA PENGARAH	17
Bahagian Perancangan Strategik	18
Bahagian Perundangan	23
Bahagian Komunikasi Korporat	25
Unit Penyelaras	27
Unit Urus Setia Majlis	28
Unit Penyelidikan & Inovasi	30
Bahagian Audit Dalam	34
Unit Integriti	37
Unit Audit Negara	39
SEKTOR KEUSAHAWANAN	40
Bahagian Pembangunan Usahawan	42
Bahagian Infrastruktur Komersial	47
Bahagian Pembiayaan Perniagaan	49
SEKTOR PENDIDIKAN	60
Bahagian Pendidikan Menengah	62
Bahagian Kemahiran dan Teknikal	71
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	75
GIATMARA	80
German-Malaysian Institute (GMI)	84
Bahagian Pendidikan Tinggi	87
Kolej Poly-Tech MARA	91
UniMARA	93
Bahagian Penganjuran Pelajaran	94
Bahagian Teknologi Kreatif dan Multimedia	98

SEKTOR PELABURAN	102
Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari	104
Bahagian Kawalan Kredit	106
Bahagian Industri Pengangkutan	108
Pelaburan MARA Berhad	110
Rural Capital Berhad	112
Asia Aerotechnic Sdn.Bhd.	113
MARA Incorporated Sdn. Bhd.	115
Harta Prima Realities Sdn. Bhd.	117
MARA Corportion Sdn. Bhd.	119
Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC)	122
Pusat Teknologi Industri Perabot (FITEC)	125
MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd.	129
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN	131
Bahagian Sumber Manusia	132
Bahagian Kewangan	137
Bahagian Aset dan Perolehan	138
Bahagian Teknologi Maklumat	140
Bahagian Binaan dan Selenggaraan	141
Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat	142
KAJIAN PENILAIAN OUTCOME	143
Program Pembangunan Staf Menerusi Platform <i>Flexible Learning Environment Experience (FLEx)</i>	144
Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan atau <i>Business Advancement and Standard Development (BASE)</i>	145
Program Kimpalan 6G MARA-PETRONAS	146
Kajian Keberkesanan Program Usahawan Teknikal (PUTEK)	147
Program DwiSijil SPMRSM IGCSE, MRSM Tun Abdul Razak	148
Program Penyewaan Premis Perniagaan di Arked & Bazar MARA	150
Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres GLC (SPIKE GLC)	151
Program PUTRA	153
Projek Pembinaan Kompleks Perniagaan, Jalan Tuanku Abdul Rahman Wilayah Persekutuan (MENARA MARA)	154
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT	156
Yayasan Pelajaran MARA	158
PERISTIWA KORPORAT	163
PENYATA KEWANGAN	166

PERNYATAAN KORPORAT

VISI

Menjadi organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa

MISI

Menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti bumiputera

OBJEKTIF

- Membangunkan usahawan yang berjaya dan inovatif
- Melahirkan modal insan global dan berintegriti
- Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- Memudahkan sistem penyampaian

MOTO


Keusahawanan dan Pendidikan Global

NILAI BERSAMA

Amanah rakyat



PELAN STRATEGIK MARA 2016-2020



Majlis Amanah Rakyat (MARA) ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 melalui Akta Parlimen sebagai sebuah Badan Berkanun. Objektif utama penubuhan MARA adalah untuk membangunkan usahawan yang berjaya dan inovatif, melahirkan modal insan global dan berintegriti, menyumbang kepada pemilikan ekuiti dan memudahkan sistem penyampaian kepada rakyat. Visi MARA ialah menjadi sebuah organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa seiring dengan misi MARA untuk menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan terhadap penguasaan ekuiti bumiputera.


MAJLIS MARA

Majlis MARA ialah badan tertinggi dalam struktur organisasi MARA yang berperanan untuk merangka dasar-dasar seiring dengan visi dan misi MARA. Ahli Majlis dilantik oleh Menteri dengan tempoh keahlian bagi setiap lantikan pertama adalah selama dua (2) tahun. Ahli Majlis terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dengan ahli-ahli lain tidak kurang daripada lima (5) orang dan tidak lebih daripada sembilan (9) orang iaitu sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai awam.

KEWAJIPAN DAN KUASA-KUASA MAJLIS

Majlis MARA berkewajipan untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia khususnya di kawasan luar bandar antaranya seperti yang berikut:

- menjalankan segala usaha, khususnya pembangunan perusahaan komersial dan perindustrian yang berfaedah dan bersesuaian termasuk pembuatan, pemasangan, pemprosesan, pembungkusan, peningkatan dan pemasaran produk, penyelidikan dan latihan;
- mempromosikan aktiviti melalui penubuhan atau bantuan kepada individu / badan-badan yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan aktiviti tersebut termasuk bantuan kewangan;
- menjalankan aktiviti secara gabungan dengan individu, pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau pihak lain sebagai ejen mengurus bagi pihaknya atau sebaliknya;
- membeli, menjamin tanggungan kerugian atau dengan menggunakan cara lain bagi memperoleh saham dan sekuriti kepada mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau badan lain, dan untuk menjual, memegang atau mengeluarkan semula, dengan atau tanpa jaminan, saham dan sekuriti sedemikian atau sebaliknya melupuskan atau berurusan dengannya; dan
- menubuhkan, mengendalikan dan menanggung institusi latihan dan pendidikan serta melakukan semua perkara yang bermanfaat atau secara munasabah, perlu atau berkaitan pelaksanaan fungsi ini.



PENGERUSI & AHLI MAJLIS MARA



YBHG. DR. HASNITA BINTI DATO' HASHIM
Pengerusi MARA



YBHG. DATO' DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMED YUNUS
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan
Luar Bandar
01/10/2018 – 30/09/2020



YBHG. DATUK SITI ZAUYAH BINTI MD DESA
Timbalan Ketua Setiausaha
Perbendaharaan (Dasar)
Kementerian Kewangan Malaysia
14/04/2015-13/04/2017
14/04/2017-13/04/2019



YBHG. DATO' AZHAR BIN ABDUL MANAF
Ketua Pengarah MARA
24/04/2017 – 30/09/2018
01/10/2018 – 30/09/2020



YBHG. PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI BIN ABDUL RAZAK
01/10/2018 – 30/09/2020



YM TENGKU TAN SRI (DR.) MAHALEEL BIN TENGKU ARIFF
01/10/2018 – 30/09/2020



YBHG. DATUK WIRA (DR.) HAJI AMEER ALI BIN MYDIN
01/10/2018 – 30/09/2020



YBHG. DATUK SYED TAMIM ANSARI BIN SYED MOHAMED
01/10/2018 – 30/09/2020



YBHG. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI
01/10/2018 – 30/09/2020



YBRS. ENCIK ZAKRI BIN MOHD KHIR
01/10/2018 – 30/09/2020



YBRS. TUAN HAJI AHMAD BAZLAN BIN CHE KASIM
01/10/2018 – 30/09/2020

PERUTUSAN PENERUSI



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana tahun 2018 merupakan detik permulaan yang bermakna kepada saya kerana telah diamanahkan untuk memacu MARA bagi memastikan kedudukannya sentiasa ke hadapan, dengan memainkan peranan yang signifikan sebagai agensi pembangunan sosioekonomi (*socioeconomic engine of change*). MARA telah terbukti berjaya meningkatkan status ekonomi bumiputera dan menampilkan organisasi ini sebagai sebuah institusi amanah yang berintegriti serta mengamalkan ketelusan dalam apa jua tindakan yang dilakukan.

Usaha ini akan diteruskan melalui *The New Way Forward* dengan menyusun, mencipta dan mengubah (*realign, reinvent and reposition*) matlamat dan hala tuju strategik supaya selari dengan asas penubuhannya yang asal iaitu membangunkan modal insan yang berprestasi tinggi bagi menyokong agenda pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang. Usaha ini dilakukan melalui pendekatan dalam bidang pendidikan mahupun keusahawanan dan tidak tersasar daripada matlamat asal MARA.

Tanggungjawab untuk mencapai hasrat ini bukan sahaja terletak di bahu pihak Majlis MARA semata-mata malahan terletak di bahu setiap warga kerja MARA. Hal ini kerana setiap warga dan seluruh komuniti MARA mempunyai peranan yang unik dan tersendiri, tanpa mengira jawatan atau di mana mereka bertugas. Kita perlulah lebih peka terhadap tuntutan persekitaran, terutamanya evolusi teknologi yang menghambat perubahan dasar atau polisi kerajaan. Secara langsung atau tidak, perubahan ini menuntut kepada perubahan fokus tugas, cara bekerja dan penyampaian perkhidmatan, demi melaksanakan fungsi dan peranan MARA secara efektif. MARA kini telah berubah seiring dengan tuntutan Revolusi Teknologi 4.0 atau IR 4.0. Kita juga memastikan bidang keusahawanan terlibat dalam revolusi industri yang bernilai tinggi dan telah pun mengambil langkah awal memperkenalkan program-program latihan kemahiran berteraskan IR 4.0. Usaha ini perlu diteruskan kerana sejajar dengan dasar *Industry Forward* yang diperkenalkan kerajaan untuk menjadikan Malaysia muncul sebagai negara maju dengan keupayaan teknologi dalam pelbagai bidang. Salah satu objektif penubuhan MARA itu sendiri ialah membangunkan bumiputera dan golongan berpendapatan rendah menerusi pendidikan. Oleh itu, MARA melalui sistem pendidikan dan latihannya telah memperkasakan pelbagai program pendidikan untuk melahirkan





RINGKASAN MAKLUMAT KORPORAT MARA



lebih ramai bumiputera berkemahiran dalam pelbagai bidang teknologi tinggi. Kita bukan sahaja mementingkan kuantiti tetapi juga kualiti. MARA menawarkan peluang pendidikan kepada pelajar cemerlang di dalam negara melalui penajaan bagi melanjutkan pengajian di 10 buah universiti terkemuka dunia seperti Universiti Oxford, Harvard, Cambridge dan Yale.

Sektor Keusahawanan MARA merupakan sektor utama yang menjadi teras kepada dua (2) sektor yang lain iaitu Pendidikan dan Pelaburan. Pelaksanaan program keusahawanan adalah berdasarkan tiga Teras Strategik utama yang telah dikenal pasti iaitu:

- PROTECT** - Kelestarian usahawan sedia ada untuk memastikan mereka mampu untuk berdaya tahan di dalam industri dan MARA berperanan untuk memastikan kelangsungan usahawan ini dengan membantu dari pelbagai aspek termasuk latihan keusahawanan, pembangunan perniagaan serta menyediakan pelbagai kemudahan sokongan termasuklah pembiayaan, premis perniagaan dan khidmat nasihat.
- SCALE UP** - Pertumbuhan perniagaan merangkumi peningkatan kapasiti syarikat dari aspek operasi (pengeluaran), pemasaran dan pengurusan perniagaan. Usahawan bumiputera akan terus disokong melalui latihan keusahawanan, pembangunan perniagaan (capaian kepada jaringan industri) dan pelbagai kemudahan sokongan termasuklah pembiayaan, premis perniagaan dan khidmat nasihat.
- START UP** - Melahirkan usahawan baharu terutamanya daripada ekosistem pendidikan MARA sendiri. Sasaran bagi pewujudan usahawan baharu adalah dalam kalangan graduan institusi pendidikan yang telah mempunyai pengalaman dalam industri berkaitan.

Sektor pelaburan pula memfokuskan kepada usaha memperkukuh operasi perniagaan anak-anak syarikat MARA dengan tumpuan diberikan kepada aktiviti utama syarikat, meneroka bidang baharu yang memiliki kebolehpasaran tinggi (*demand driven*) dan berteknologi tinggi selaras dengan Revolusi Industri 4.0. Pelaburan utama memfokuskan sektor pendidikan dan keusahawanan di samping menubuhkan dana kumpulan wang pembiayaan (*endowment*) yang merupakan usaha dan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta. Jelas sekali MARA ialah agensi pembangunan sosioekonomi bumiputera dalam usaha memartabatkan sektor pendidikan, keusahawanan dan pelaburan. Kejayaan MARA selama 52 tahun penubuhannya ini ditunjangi oleh barisan pemimpin dan kekuatan jenteranya yang mampan dan didokong oleh warga kerja MARA yang komited dan berintegriti.

Akhir kata, saya dan semua ahli Majlis MARA berharap dan mendoakan agar MARA sentiasa relevan dan utuh bagi memartabatkan perjuangan MARA dalam mencipta kejayaan berprestij di persada dunia.

YBHG. DR. HASNITA BINTI DATO' HASHIM
Pengerusi MARA

PENGERUSI

YBhg. Dr. Hasnita binti Dato' Hashim

KETUA PENGARAH

YBhg. Dato' Azhar bin Abdul Manaf

TIMBALAN KETUA PENGARAH (KEUSAHAWANAN)

YBhg. Dato' Zulfikri bin Osman

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENDIDIKAN)

YBhg. Dato' Mohamed Roseli bin Dol

TIMBALAN KETUA PENGARAH (KHIDMAT PENGURUSAN)

YBhg. Dato' Abdul Rashid bin Mohd Said

PENGARAH KANAN (PELABURAN)

YBhg. Datin Junaidah binti Abdul Majid

SETIAUSAHA MAJLIS

Haji Soffian bin Haji Mustafa

JURU AUDIT DALAM

Bahagian Audit Dalam

JURU AUDIT LUAR

Ketua Audit Negara


ALAMAT BERDAFTAR

Ibu Pejabat MARA Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

ALAMAT LAMAN WEB | www.mara.gov.my

Tel: 03-26132000

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN MARA

AHLI PENGURUSAN MARA 2018



Kiri ke kanan:

Rohayah binti Mohd Zain | Pengarah Penganjuran Pelajaran • **Ismail bin Abdullah** | Pengarah Pembangunan Usahawan • **YBhg. Dato' Abdul Rashid bin Mohd Said** | Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) • **YBhg. Dato' Zulfikri bin Osman** | Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan) • **YBhg. Dato' Azhar bin Abdul Manaf** | Ketua Pengarah MARA • **YBhg. Dato' Mohamed Roseli bin Dol** | Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) • **YBhg. Datin Junaidah binti Abdul Majid** | Pengarah Kanan (Pelaburan) • **Abd Hamid bin Hj. Ahmad** | Pengarah Pendidikan Tinggi • **Rabiatul Adawiyah binti Ismail** | Pengarah Perundangan



Kiri ke kanan:

Abdul Aziz bin Hassan | Pengarah Pengurusan Aset dan Perolehan • **Razlan bin Haji Samsuri** | Pengarah Perancangan Strategik • **Mahzan bin Teh** | Pengarah Kemahiran dan Teknikal • **Mohd Salleh bin Abdullah** | Pengarah Sumber Manusia • **Muhamad Zaki bin Jali** | Pengarah Kewangan • **Kamaruzaman bin Jaffar** | Pengarah Pendidikan Menengah



Kiri ke kanan:

Mohd Diah bin Abas | Pengarah Infrastruktur Komersial • **Kamarudin bin Ahmad** | Pengarah Binaan & Selenggaraan • **Siti Aminah binti Abdul Kadir** | Pengarah Pengurusan Risiko & Inspektorat • **Dr. Ahmad Sabri bin Kassim** | Pengarah Komunikasi Korporat • **Dr. Shahriz bin Haji Abdul Sarhadat** | Pengarah Teknologi Maklumat • **Zahari bin Aziz** | Pengarah Pembiayaan Perniagaan



Kiri ke kanan:

Nor Uyon binti Shoib | Pengarah Teknologi Kreatif & Multimedia • **Rizal Effendi bin Razali** | Pengarah Kawalan Kredit • **Mohammad bin Mohd Yatim** | Pengarah Industri Pengangkutan • **Razak bin Aziz** | Pengarah Audit Dalam • **Abd Latif bin Osman** | Ketua Unit Integriti • **Azman bin Manap** | Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi • **Soffian bin Mustafa** | Setiausaha Majlis Unit Urus Setia Majlis • **Zarina binti Md Sidek** | Ketua Unit Audit Negara • **Nor Azzah binti Ismail** | Ketua Unit Penyelaras



Kiri ke kanan:


YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud | Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. • **Abdul Rahman bin Mohd Saad** | Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Bhd • **Haji Zakariah bin Haji Md Sam** | Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajaran MARA • **Mohd Roslan bin Ismail** | Ketua Pegawai Operasi Asia Aerotechnic Sdn. Bhd. • **Dr. Mahazani bin Ali** | Ketua Pegawai Eksekutif UNIMARA Sdn.Bhd. • **Khairul Azizi bin Ismail** | Ketua Pegawai Eksekutif MARA Incorporated Sdn. Bhd. • **Nordin bin Ahmad** | Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. • **YM Tengku Ahmad Badli Shah bin Raja Hussin** (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pelaburan MARA Berhad)



Kiri ke kanan:

Rosli bin Abu Bakar (menjalankan tugas Pengarah Urusan) German-Malaysian Institute • **Mahzan bin Teh** (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) GIATMARA Sdn. Bhd. • **Muhammad Lukman bin Musa** (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) MARA Corporation Sdn. Bhd. • **Kamarudin bin Kalib** (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) F.I.T Centre Sdn. Bhd. • **Mahadir bin Ibrahim** | Ketua Pegawai Operasi Rural Capital Berhad • **Zairul Amri bin Adam** | Ketua Pegawai Operasi MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd. • **Mohd Nordin bin Shafie** | Ketua Pegawai Operasi Harta Prima Realities Sdn. Bhd. • **Abdul Wahab bin Mustaffa** | Ketua Pegawai Operasi MARA Liner Sdn. Bhd. • **Zurai binti Abd Razak** (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd.

*Tiada dalam gambar : Wan Mohammed Syazwan bin Wan Mohammed, Pengurus Besar Gloical Link (M) Sdn. Bhd.





PUSAT MARA DALAM NEGARA	BIL.
Ibu Pejabat MARA *	26
Pejabat MARA Negeri	14
Pejabat MARA Daerah	117
Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	54
Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM)	1
Pusat Kepimpinan Pelajar (PUSKEP)	1
Kolej MARA (KM)	4
Institut Kemahiran MARA (IKM)	14
Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)	10
MARA Japan Industrial Institute (MJII)	1
Kolej Profesional MARA (KPM)	6
JUMLAH PUSAT MARA DALAM NEGARA	248
PUSAT MARA LUAR NEGARA	
MARA United Kingdom (London)	1
MARA Amerika Syarikat (Washington D.C.)	1
MARA Australia (Sydney)	1
MARA Jerman (Frankfurt)	1
MARA Rusia (Moscow)	1
MARA Ireland (Dublin)	1
MARA Mesir (Iskandariah)	1
JUMLAH PUSAT MARA LUAR NEGARA	7
JUMLAH PUSAT MARA DALAM DAN LUAR NEGARA	255
SYARIKAT KOMERSIAL	
Pelaburan MARA Berhad (PMB)	1
MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.)	1
Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB)	1
Asia Aerotech Sdn. Bhd.	1
JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT KOMERSIAL	4
SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	
MARA Corporation Sdn. Bhd. (MCSB)	1
Rural Capital Berhad (RCB)	1
MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB)	1
MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd. (MATS)	1
Harta Prima Realities Sdn. Bhd. (HPR)	1
Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn. Bhd. (DDEC)	1
F.I.T. Center Sdn. Bhd. (FITEC)	1
MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX)	1
GIATMARA Sdn. Bhd. (GIATMARA)	1
UniMARA Sdn. Bhd.	1


Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. (UniKL)	1
Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd (KPTM)	1
JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	12
PERBADANAN DI BAWAH AKTA MARA SEKSYEN 25	
Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	1
SYARIKAT DI BAWAH JAMINAN	
German-Malaysian Institute (GMI)	1
SYARIKAT DORMAN	
Institute Infotech MARA Sdn. Bhd. (IIM)	1
British Malaysian Institute (UniKL-BMI)	1
Malaysian France Institute (UniKL-MFI)	1
Kayu Sedia Sdn. Bhd.	1
Technology Park College Malaysia Sdn. Bhd.	1
JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT DORMAN	5
SYARIKAT BERSEKUTU	
Strand Aerospace Malaysia Sdn. Bhd.	1
Med Bumikar MARA Sdn. Bhd. (MBM)	1
JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT BERSEKUTU	2
JUMLAH KESELURUHAN SYARIKAT MARA	25
IMPA DI BAWAH SYARIKAT	
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	12
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)	8
Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)	1
German-Malaysian Institute (GMI)	1
Pusat GIATMARA**	245
Universiti MARA (UniMARA)	1
JUMLAH PUSAT IPMA DI BAWAH SYARIKAT	268
PUSAT DI BAWAH SYARIKAT MARA	
MARA Liner Sdn. Bhd (MLSB)	25
JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT MARA	25
JUMLAH KESELURUHAN	573

Nota:

* Bilangan ini termasuk 26 Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat MARA
 ** Bilangan ini termasuk 231 buah Pusat GIATMARA dan 14 Pejabat GIATMARA Negeri

RINGKASAN PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN MARA BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Berikut ialah data utama daripada Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan MARA bagi tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017.



Nota:

1. Maklumat Tahun 2017 adalah jumlah yang dinyatakan semula dalam Penyata Kewangan Disatukan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

LAPORAN PENGURUSAN KETUA PENGARAH



Tahun 2018 adalah genap 52 tahun tempoh pentadbiran yang signifikan kepada MARA di mana kewujudan agensi keramat ini telah berjaya mengekalkan fokus dalam pembangunan sosio-ekonomi bumiputera serta membawa bumiputera ke peringkat global.

Sepanjang tahun ini, kita telah mencipta pelbagai kejayaan dan kegemilangan. Kejayaan yang dicipta tidak dapat direalisasikan tanpa usaha gigih dan kerjasama seluruh warga MARA. Melalui semangat berpasukan ini, kita telah berjaya mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) 2018 seperti yang ditetapkan dan dalam masa yang sama berjaya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan MARA kepada rakyat.

Bagi mencapai kejayaan ini, MARA mempunyai 573 pusat pentadbiran yang memberi akses kepada rakyat termasuk tujuh (7) buah pejabat MARA luar negara iaitu London (United Kingdom), Washington DC (Amerika Syarikat), Frankfurt (Jerman), Sydney (Australia), Moscow (Rusia), Dublin (Ireland) dan Iskandariah (Mesir). Kesemua pusat pentadbiran MARA ini berperanan penting terhadap usaha pembangunan ekonomi melalui keusahawanan, melahirkan modal insan bertaraf global serta penguasaan ekuiti bumiputera dalam pelbagai aspek. Pada tahun pentadbiran ini, MARA terus memberi fokus kepada aktiviti teras sedia ada iaitu keusahawanan dan pendidikan.

Dari aspek keusahawanan, MARA merupakan agensi utama dalam pembangunan keusahawanan kerana MARA satu-satunya agensi yang mempunyai ekosistem pembangunan keusahawanan lengkap dengan elemen-elemen pembangunan modal insan, pembangunan perniagaan dan penyediaan fasiliti sokongan bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka. Hasilnya, MARA telah membangunkan 71,313 orang usahawan dengan 41,959 orang usahawan baharu telah diwujudkan melalui program keusahawanan dan fasiliti sokongan yang disediakan sepanjang tahun 2018.

MARA dalam pembangunan keusahawanan telah melengkapkan diri usahawan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai-nilai keusahawanan melalui program-program pembangunan keusahawanan yang disediakan seperti Program Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA (MERIT) di mana seramai 55,666 orang usahawan telah menerima manfaat daripada program ini. MARA juga tidak melupakan melibatkan usahawan dalam pameran dan ekspo perdagangan seperti program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) dan program Memacu Ekosistem, Rangkaian dan Capaian Usahawan (MERCU) sebagai medium kepada usahawan-usahawan untuk mendapatkan idea-idea pemasaran, rangkaian kerjasama dan informasi bantuan perniagaan yang ditawarkan oleh agensi-agens keusahawanan. Program-program khas iaitu *Gate to Global* (GTG), *MARA in Fashion* (MiF), *Hair In Trend* (HIT) dan Pembangunan Usahawan Profesional (PRoSPEC) turut diperkasakan sebagai platform membantu usahawan melebarkan sayap perniagaan mereka dalam dan luar negara.

Dalam memperkasakan diri dan perniagaan usahawan, MARA telah menyediakan fasiliti sokongan iaitu kemudahan pembiayaan di mana sebanyak RM508,224,726 telah diperuntukkan dengan 6,310 orang usahawan telah menerima manfaat daripada suntikan modal ini. Antara program-program kemudahan pembiayaan ini adalah program PUTRA, Program Rantaian Nilai Industri (PRiN), Skim

Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) dan DanaNita yang diwujudkan khas untuk membantu usahawan wanita. Malah, MARA turut menawarkan 7,167 lot perniagaan dan kilang untuk membantu usahawan menghasilkan produk-produk berkualiti yang diiktiraf di semua peringkat pasaran.

Sektor Pendidikan MARA mempunyai tiga (3) program utama meliputi Pendidikan Menengah, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan Pendidikan Profesional Tinggi. Pada tahun 2018, seramai 8,171 pelajar MRSM telah menamatkan pengajian di seluruh negara. MARA juga telah melahirkan seramai 1,761 huffaz melalui sistem pendidikan MRSM Ulul Albab. Pada tahun ini juga, TVET dan Pendidikan Profesional Tinggi telah melahirkan seramai 36,299 modal insan bumiputera mahir yang dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara. Peruntukan sebanyak RM2 bilion telah digunakan bagi membiayai 56,957 pelajar di institusi pendidikan dalam dan luar negara pada tahun ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,124 pelajar berjaya melanjutkan pengajian di universiti terkemuka seluruh dunia.

Selaras dengan hasrat kerajaan menangani masalah pengangguran dalam kalangan belia, MARA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program *Graduate Employability Training Scheme* (GETS). Program ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehpekerjaan golongan belia melalui pemerkasaan latihan kemahiran berdasarkan keperluan industri. Seramai 1,172 peserta telah menyertai program ini dengan penglibatan lebih 100 pihak industri telah mengambil bahagian dalam memastikan semua peserta ini mendapat pekerjaan dengan pendapatan melebihi RM1,500.00 ke atas.

MARA terus mengorak langkah secara strategik dengan mempelbagaikan jalurannya di samping membentuk persepsi minda, memantapkan hala tuju serta pendekatan anak-anak syarikatnya dalam mencapai sasaran perniagaan ke satu tahap yang lebih cemerlang.

Keupayaan anak syarikat MARA juga terbukti atas pengiktirafan dari dalam dan luar negara antaranya penganugerahan *BrandLaureate World Halal Best Brands Award "Hospitality"* kepada MARA Inc., *Approved Learning Provider* (ALP) berstatus *Gold* 2018 oleh ACCA kepada KPTM dan PMB *Shariah Premier Fund* (PMB SPF) memenangi Anugerah Best Malaysia *Large-Cap Equity* (Shariah) di Majlis Penganugerahan Morningstar 2018. Manakala Asia Aerotech Sdn.Bhd (AAT) turut memenangi Anugerah Syarikat Terbaik dan CEO Terbaik KPLB 2017.



Selain itu, MARA telah meneruskan misi program kemasyarakatan (CSR) dengan memberi tumpuan terhadap masyarakat dan komuniti setempat daripada golongan berpendapatan rendah (B40) dan luar bandar di seluruh negara. Yayasan Pelajaran MARA (YPM) telah menjalankan pelbagai bentuk program dan bantuan kewangan berupa sumbangan bantuan persekolahan, kebakaran dan kemalangan serta bantuan sempena lhya' Ramadhan dan Aidilfitri kepada 10,657 pelajar dengan jumlah RM470,476.85.

MARA juga sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan melalui aplikasi Sistem *Online* MARA seperti Sistem Permohonan Pinjaman Pelajaran MARA (MyEduloan), Sistem Permohonan MRSM, Sistem Permohonan UPIM dan Sistem EBaki yang bukan sahaja memudahkan proses sesuatu sistem dan meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan, bahkan mempercepatkan lagi aliran kerja. MARA memperluas penggunaan teknologi kerana dilihat lebih menarik dan efisien.

Bagi Khidmat Pengurusan pula, komitmen MARA untuk memperkasa integriti dalam kalangan warga kerjanya telah diperkukuhkan melalui pelaksanaan program Unit Integriti MARA bagi memastikan budaya kerja berintegriti dalam kalangan warga MARA termasuk subsidiari dan pelajar MARA dapat diterapkan. Enam (6) program bersiri yang merangkumi agenda pencegahan dan anti rasuah telah dilaksanakan sepanjang tahun ini melibatkan 5,704 orang warga kerja dan pelajar MARA.

Organisasi seperti MARA telah menjadi akar umbi kepada perkembangan jenama bumiputera. Kewujudan MARA telah menggalakkan masyarakat bumiputera untuk bangkit dan menuju kecemerlangan dan memberikan yang terbaik dalam usaha untuk menjadi modal insan yang berkualiti tinggi, inovatif dan relevan untuk masyarakat. Sebagai agensi yang telah memberikan sumbangan yang tinggi dalam pembangunan berteraskan kemajuan bumiputera, MARA telah dianugerahkan *The BrandLaureate Bumputera BestBrands Awards 2017-2018: Strategic Business Partner Award* oleh Asia Pacific Brands Foundation yang bertemakan *Soaring to Greatness, the Pride of Bumiputera Brands, the Pride of the Nation*.

Sejajar dengan perubahan dan tuntutan semasa, peranan MARA akan terus diperkasakan untuk mencapai matlamat melonjakkan penyertaan bumiputera dalam sektor pendidikan dan keusahawanan. MARA akan terus fokus dan komited dalam memastikan agensi ini bukan hanya menjadi *socio-economic engine of change* kepada negara tetapi juga pencetus kepada semangat inovasi dan produktiviti yang tinggi serta kekal relevan.



YBHG. DATO' AZHAR BIN ABDUL MANAF
Ketua Pengarah MARA



**JABATAN
KETUA PENGARAH**

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian Perancangan Strategik (BPS) bertanggungjawab menerajui usaha merangka dan menggubal dasar serta hala tuju MARA selari dengan aspirasi kerajaan. Peranan ini meliputi urusan penyelarasan dasar, pengurusan dan penyelarasan bajet pembangunan, penyediaan perancangan jangka panjang dan jangka pendek, pemantauan pelaksanaan projek dan program MARA serta melaksanakan aktiviti kajian sosioekonomi dan pembangunan.

BPS juga bertindak sebagai penyelar dan penghubung berkaitan program/aktiviti antara MARA dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta agensi lain yang terlibat. Struktur organisasi BPS terdiri daripada lima (5) unit seperti yang berikut:

- i. Unit Perancangan
- ii. Unit Pemantauan
- iii. Unit Penyelidikan dan Pembangunan
- iv. Unit Pengurusan dan Penyelarasan Data
- v. Unit Pentadbiran Korporat

Peranan dan fungsi utama BPS adalah:

1. Merancang dan Mengurus Permohonan Bajet Pembangunan MARA untuk Rancangan Malaysia (RMK) Lima (5) Tahun dan *Rolling Plan* (RP)

BPS bertanggungjawab merancang dan menguruskan permohonan Bajet Pembangunan MARA untuk Rancangan Malaysia (RMK) Lima (5) Tahun dan Tahunan melalui kementerian dan agensi yang terlibat. Usaha ini dibuat melalui penyediaan rancangan inisiatif lima (5) tahun pembangunan MARA dalam tempoh lapan belas (18) bulan sebelum memasuki fasa Rancangan Malaysia yang seterusnya. Penyediaan keperluan bajet pembangunan projek/program pada setiap *rolling plan* (RP) meliputi kertas cadangan program/projek yang diterima daripada Pengawal Pusat, kemudian dianalisis oleh BPS sebelum dimajukan kepada kementerian. Berdasarkan kepada kelulusan yang diperolehi pada tahun 2018, MARA menerima sebanyak RM307,459,100 bagi melaksanakan 70 program/projek pembangunan. Pecahan program/projek pembangunan tahun 2018 meliputi lapan (8) Sektor Keusahawanan, 58 Sektor Pendidikan, satu (1) Sektor Pelaburan dan tiga (3) Sektor Khidmat Pengurusan.

Peruntukan tahun 2018 ialah sebanyak **RM307,459,100.00** bagi melaksanakan **70 program/projek pembangunan**

Pecahan program/projek pembangunan tahun 2018

▶ 8 Sektor Keusahawanan	▶ 58 Sektor Pendidikan
▶ 1 Sektor Pelaburan	▶ 3 Sektor Khidmat Pengurusan

2. Merancang, Menyelar dan Mengawal Selia Kajian Keberkesanan Program/Projek MARA

2.1 Menyelar Pelaksanaan Kajian Penilaian *Outcome Program/Projek MARA*

Sembilan (9) kajian penilaian *outcome* (KPO) telah dilaksanakan meliputi program di bawah sektor keusahawanan, pendidikan dan khidmat pengurusan. Empat (4) kajian telah mendapat markah empat (4) tertinggi pada peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu:

- i. Program Kimpalan 6G MARA-PETRONAS – Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT)
- ii. Program Dwisijil SPMRSM IGCSE, MRSM Tun Abdul Razak – Bahagian Pendidikan Menengah (BPM)
- iii. Program Pembangunan Staf Menerusi Platform Flex – Bahagian Sumber Manusia (BSM)
- iv. Kajian Keberkesanan Program Usahawan Teknikal (PUTEK) – Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU)



Sesi pembentangan KPO peringkat akhir di Ibu Pejabat Perda, Butterworth, Pulau Pinang

2.2 Menjadi Penghubung dan Penyelar antara Agensi Peringkat Kementerian, Agensi Pusat dan Agensi Lain bagi Pelaksanaan Aktiviti

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah memberi penerangan kepada bahagian-bahagian di MARA mengenai dasar-dasar baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan. Selain itu BPS juga bertanggungjawab mendapatkan pandangan, maklum balas daripada bahagian berkaitan di MARA mengenai objektif, strategi, output, *outcome* dan impak program-program yang dicadangkan dalam Pelan Strategik MARA (PSM) 2019-2023.



Social Business Bootcamp Sesi pembentangan bersama MyHarapan pada 9 Ogos 2018 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur



Bengkel Pemukiman (Sesi *brainstorming*) Pelan Strategik MARA (PSM) 2019-2023 pada 14 hingga 15 Disember 2018 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur

3. Menyelaras dan Memantau Pelaksanaan Program/Projek Pembangunan MARA

3.1 Menganalisis dan Memantau Maklumat Program/Projek dalam SPPII

Sistem SPPII telah dibangunkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri sebagai mekanisme pemantauan dan penilaian program/projek yang pertama menggabungkan kementerian/agensi dan kerajaan persekutuan secara online untuk membuat permohonan projek, kelulusan dan memantau kemajuan pelaksanaan bagi projek fizikal dan bukan fizikal mengikut milestone projek. BPS bertanggungjawab mengemaskini maklumat program/projek terkini setiap dua (2) minggu dalam database SPPII bagi memastikan SPPII sentiasa dikemaskini dengan maklumat yang betul.

3.2 Memantau Pelaksanaan Program/Projek MARA

BPS bertanggungjawab menjadi urus setia mesyuarat. Pemantauan Program/Projek MARA sebanyak empat (4) kali setahun. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaras, mengenal pasti isu-isu berbangkit dan mengemukakan cadangan penyelesaian berkaitan pelaksanaan program/projek MARA. Lawatan pemantauan tapak terhadap projek-projek terpilih diadakan sebanyak dua belas (12) kali setahun bertujuan memantau pelaksanaan projek agar mematuhi jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan.

3.3 Menyelaras dan Menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan dan Status Fizikal Program/Projek Pembangunan MARA

BPS juga memastikan laporan prestasi perbelanjaan dan status fizikal program/projek pembangunan MARA disediakan pada setiap bulan dan dilaporkan kepada Pengurusan MARA dan bahagian yang terlibat.



4. Aktiviti Penyelaras dan Pengurusan Data

4.1 Penyediaan Maklumat Bersepadu MARA

BPS bertanggungjawab menyediakan dan menerbitkan buku Data Korporat MARA pada setiap bulan bagi melaporkan segala pencapaian program dan aktiviti MARA. Buku data korporat juga diterbitkan secara *online* dan dimuat naik di laman *maranet sharepoint* bagi memudahkan staf MARA membuat rujukan

4.2 Menyediakan dan Memantau Laporan Petunjuk Prestasi (KPI)

BPS juga berperanan menyediakan dan memantau pencapaian Laporan Petunjuk Prestasi (KPI) setiap suku tahun dan melaporkan kepada kementerian. Berikut ialah KPI yang dikawal selia oleh BPS:

- i. KPI MARA
- ii. KPI YB Menteri KPLB
- iii. KPI YBhg. KSU KPLB
- iv. KPI Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera (PEB)
- v. KPI *Balanced Scorecard*
- vi. KPI Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

4.3 Menyelaras Penerbitan Laporan Tahunan MARA (LTM)

Laporan Tahunan MARA disediakan oleh BPS bagi melaporkan pencapaian dan aktiviti tahunan MARA. Selain itu, laporan tahunan disediakan adalah untuk pembentangan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan di Parlimen.

4.4 Menyelaras dan Mengemas Kini Pangkalan Data (*Database*)

Pengemaskinian data dalam sistem pangkalan data (*database*) juga adalah di bawah kawal selia BPS. Antara *database* yang dikemaskini oleh BPS ialah *War Room* KPLB yang merupakan sistem himpunan data yang mengumpulkan semua maklumat bahagian dan agensi di bawah KPLB. Pengemaskinian data *War Room* KPLB dibuat pada setiap bulan. Begitu juga dengan pengemaskinian maklumat dalam *database War Room* MARA dibuat secara berkala pada setiap bulan. *War Room* MARA dijadikan pusat rujukan oleh Pengurusan Tertinggi MARA untuk mendapatkan input berkaitan bagi membuat keputusan bagi perkara tertentu. Sistem D'MAWar (*online application*) merupakan aplikasi dalam telefon bimbit yang mengandungi maklumat pencapaian aktiviti MARA. Sistem ini dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dan BPS bertanggungjawab memastikan maklumat dalam aplikasi tersebut adalah yang terkini dan dapat diakses oleh pengguna.

4.5 Menyelaras Urusan Parlimen

BPS bertanggungjawab menyediakan jawapan pertanyaan jawab lisan dan bukan lisan berkaitan MARA yang diajukan oleh ahli parlimen sepanjang persidangan Parlimen berlangsung. Selain itu BPS juga menyediakan maklum balas terhadap isu yang dibangkitkan semasa sesi perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. BPS juga menyelaras jadual bertugas pegawai-pegawai MARA sebagai pegawai bertugas harian di Parlimen, selain menguruskan kehadiran wakil MARA bagi setiap sesi jawab lisan dan sesi perbahasan.

Sebanyak enam (6) kali persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah berlangsung dan 40 soalan telah dijawab mengikut sektor seperti berikut:

- Dua puluh (20) soalan Sektor Pendidikan
- Dua belas (12) soalan Sektor Keusahawanan
- Enam (6) soalan Sektor Pelaburan
- Dua (2) soalan Sektor Khidmat Pengurusan

4.6 Menyelaras Data on Demand

Selain daripada menyediakan data secara berkala, BPS juga bertanggungjawab menyediakan data secara *on demand* yang diperlukan oleh Kementerian atau agensi yang terlibat. Antara data *on demand* yang disediakan oleh MARA adalah seperti berikut:

- Data International Standard Classification of Education (ISCED) UNESCO
- Data The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)
- Data Terbuka Sektor Awam – MAMPU, Data TERAJU
- Data Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA)
- Data *ad hoc* mengikut keperluan sesi parlimen, Kementerian dan agensi dari semasa ke semasa

5. Keanggotaan Mesyuarat Jawatankuasa di Peringkat Kementerian

BPS juga bertanggungjawab ke atas beberapa mesyuarat jawatankuasa di peringkat Kementerian seperti berikut:

- Jawatankuasa Dasar KPLB
- Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian, KPLB
- Mesyuarat KPI Ministerial Key Result Area (MKRA), KPLB
- Mesyuarat KPI Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB), Unit Perancang Ekonomi
- Jawatankuasa Technical Working Group (TWG) Bumiputera dan Focus Group RMKe-11, Unit Perancang Ekonomi
- Jawatankuasa Kajian Separuh Penggal RMKe-11, Unit Perancang Ekonomi
- Jawatankuasa Pendidikan Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mesyuarat Pengurusan bersama Agensi KPLB
- Mesyuarat Penyelarasan dan Pengisian Data Pendidikan Malaysia bagi UNESCO for Statistics (UIS), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mesyuarat Pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan TVET, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mesyuarat Berkenaan Open Data Bumiputera, Jabatan Perangkaan Malaysia
- Mesyuarat Activity Performance Management Framework (APMF), Kementerian Kewangan
- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sistem Maklumat Pasaran Buruh, Kementerian Sumber Manusia

BAHAGIAN PERUNDANGAN

Fungsi dan aktiviti Bahagian Perundangan (BUU) meliputi perundangan korporat, litigasi dan pembelajaran dan pembangunan warga kerja MARA dalam bidang perundangan selaras dengan usaha MARA ke arah memupuk budaya pembelajaran dalam organisasi.

1. Perkhidmatan perundangan korporat meliputi urusan gubalan/semakan perundangan, nasihat perundangan dan kajian perundangan untuk kegunaan MARA dan syarikat subsidiari

i. Penggubalan/ Semakan Dokumentasi Perundangan

Penggubalan/semakan 269 dokumen perundangan

31 MoU
238 MoA

Penggubalan/semakan 269 dokumen perundangan mengikut sektor:

111 Keusahawanan 62 Pendidikan
76 Khidmat Pengurusan 20 Pelaburan

ii. Nasihat Perundangan

480 nasihat perundangan mengikut sektor

189 Keusahawanan 157 Khidmat Pengurusan
28 Pendidikan 106 Pelaburan

iii. Kajian dan Semakan Semula Perundangan Semasa

20 kajian dan semakan semula perundangan semasa

12 Kajian perundangan melibatkan pelbagai Akta
5 Penguatkuasaan undang-undang/peraturan baharu
3 Bidang kajian khususnya kepada peruntukan Akta MARA 1966

2. Litigasi

Tindakan undang-undang telah dilaksanakan ke atas 7,076 peminjam/ penjamin pinjaman pelajaran MARA merangkumi tindakan notis tuntutan, saman, penghakiman dan pelaksanaan penghakiman.

7,076 Tindakan perundangan telah diambil
RM7.7 Juta

4,390 Notis 736 Penghakiman
1,473 Saman 477 Pelaksanaan Penghakiman

3. Pembelajaran dan Pembangunan

Menganjurkan seminar, kursus dan klinik guaman melibatkan peserta dalam kalangan pegawai MARA dan subsidiari seramai 490 orang.

10 program

490 orang peserta

• **Seminar Perundangan 2018:**
- Kontrak Binaan
- Akta Syarikat 2016

• **Akta Insolvensi (Pindaan) 1967**
- Sistem E-Filing

• Kursus Pengurusan ICT

• Kursus Litigasi:

- Saman
- Pelaksanaan Penghakiman
- Tindakan Halang Tebus
- Prosedur Penyewaan
- Pejabat Tanah
- Klinik Guaman
- Taklimat Undang-Undang

- Penghakiman
- Praktis dan Etika Mahkamah
- Mahkamah Moot
- Penyempurnaan Dokumen



Penganjuran Kursus Litigasi sebagai garis panduan kepada staf MARA yang terlibat berkenaan proses perundangan di mahkamah



Penganjuran kursus pengurusan kontrak ICT memberi pendedahan berkaitan pelaksanaan perolehan ICT



Perkhidmatan klinik guaman menyediakan khidmat nasihat perundangan umum secara percuma kepada warga kerja MARA

Seminar Perundangan 2018 memberi panduan kepada staf MARA yang terlibat mengenai tindakan dan proses perundangan



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bahagian Komunikasi Korporat (BKOM) bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat dan memastikan keberkesanan peranan dalam pengurusan imej, penjenamaan korporat MARA, pengurusan majlis rasmi, penyelarasan program Khidmat Masyarakat (CSR) serta pengurusan media dan krisis.

BKOM juga menyediakan dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang menepati pensijilan ISO 9001:2015 dan MARA *Ecosystem Quality Standard* (MQS) secara berterusan di samping mengamalkan budaya perkhidmatan yang cemerlang.

1. Media

Unit Media memfokuskan kepada strategi jaring komunikasi melalui penyaluran maklumat dengan menyediakan khidmat pengurusan media yang profesional dan mewujudkan perhubungan akrab bersama pihak media.

Ini juga melibatkan peningkatan keberkesanan kempen melalui penyediaan khidmat nasihat dan rundingan komunikasi korporat kepada pelbagai pusat MARA dan subsidiari MARA secara amnya.

Media Cetak

Berita Media Cetak	2,864
Laporan Khas/Bual Bicara	21
Pengumuman Radio & Rerayap TV	125
Penulisan Berita	35

Media Sosial

facebook	285,240 likers
twitter	9,512 followers
@Instagram	116,012 followers
e-Warta	1,215,132 page views
facebook LIVE	285,260 views

2. Perhubungan Pelanggan dan Aduan

2.1 Kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian menjadi tonggak utama MARA dalam menjalin hubungan jangka panjang yang baik bersama pelanggan khususnya dalam penyelesaian isu dan permasalahan yang dikemukakan oleh mereka.

2.2 Secara umumnya, MARA mengguna pakai Sistem Pengurusan Hubungan Pelanggan atau *Customer Relationship Management* (CRM), Sistem Pengurusan Aduan Awam Bersepadu (SISPAA), Biro Pengaduan Awam, e-mel, sistem pesanan ringkas (SMS), surat khabar, surat rasmi dan laman web sebagai medium penyampaian maklumat dan perkhidmatan. Manakala Sistem Pengurusan Pelanggan atau *Visitor Management System* (VMS) yang digunakan di Kaunter Informasi adalah bagi merekodkan jumlah pelanggan yang hadir berurusan di Ibu Pejabat MARA.

2.3 Sepanjang 2018, sebanyak 22,834 kes telah diterima oleh MARA Call Centre (MCC), sementara *webmaster* pula menerima sebanyak 411 e-mel daripada pelanggan. Sebanyak 66 kes aduan yang diterima telah berjaya diselesaikan. Sepanjang tempoh tersebut, seramai 55,434 pelanggan yang berurusan di Ibu Pejabat MARA telah direkodkan.

3. Program Pembangunan Pelajar

- 3.1 306 program berbentuk Khidmat Masyarakat (CSR), program *outreach* dan bimbingan kerjaya telah dilaksanakan di seluruh negara dan berjaya memberi manfaat kepada golongan sasaran.
- 3.2 Sepanjang 2018 juga, Program Khidmat Masyarakat berjaya dianjurkan dengan penglibatan seramai 5,189 orang pelajar, golongan asnaf dan masyarakat setempat terutamanya pada bulan Ramadan. Antara bantuan yang disediakan ialah membaik pulih rumah, menaik taraf pendawaian elektrik, menyediakan bantuan persekolahan dan sebagainya.
- 3.3 Program *outreach* mencetuskan interaksi secara terus dengan masyarakat setempat seperti program Jelajah Pendidikan Bumiputera dan Jom Masuk U. Secara tidak langsung ianya dapat mempromosikan program-program yang terdapat di Institusi Pendidikan MARA (IPMA). Seramai 204,549 pengunjung telah mendapat informasi dan bimbingan sepanjang program ini dijalankan.
- 3.4 Program seminar kerjaya, motivasi, kepimpinan dan keusahawanan berjaya memberi manfaat kepada 6,873 orang pelajar.



Program khidmat masyarakat yang melibatkan pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMA)

4. EduXtra (Karnival Pendidikan MARA)

EduXtra atau sebelum ini dikenali sebagai Karnival Pendidikan MARA (KPM) menjadi platform bagi mempromosikan peluang pendidikan yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan MARA (IPMA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Universiti Awam (UA). Seramai 240,932 orang pengunjung telah mengunjungi karnival ini di enam (6) lokasi di seluruh negara dengan penglibatan sebanyak lapan puluh tiga (83) buah institusi pendidikan. EduXtra juga merupakan medium terbaik untuk meningkatkan lagi penyebaran maklumat mengenai aktiviti dan pelbagai program MARA. Program ini berjaya meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian MARA kepada orang ramai.



Pengunjung mengisi borang pendaftaran sebelum meninjau pelbagai peluang pendidikan yang terdapat di EduXtra

UNIT PENYELARAS

Sistem penyampaian yang cekap, berkesan, sistematik dan berkualiti adalah kunci kejayaan pelaksanaan aktiviti teras MARA bagi mencipta dan menambah nilai kepada semua pemegang taruh. Justeru, Unit Penyelaras (UPL) komited untuk memastikan kecekapan dalam mengendalikan pentadbiran dan pengurusan organisasi dengan memastikan kecekapan *information flow* dalam kalangan pengurusan tertinggi MARA, peringkat strategis, *specialist* dan semua pusat pentadbiran MARA. Dengan itu, keutamaan UPL adalah bagi memastikan penyelarasan perwakilan kuasa, penyaluran arahan dan penyelarasan mesyuarat yang dipengerusikan oleh pengurusan tertinggi MARA dapat dilaksanakan dan disalurkan dengan cekap dan sistematik.

Sepanjang 2018, UPL telah melaksanakan pengurusan mesyuarat yang sistematik dan secara atas talian melalui inisiatif seperti yang berikut:

- i. Pengedaran Dokumen Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA secara capaian atas talian iaitu melalui portal *MARAnet.sharepoint* dan memuat turun dokumen dengan menggunakan *Windows Surface Tablet* semasa mesyuarat bersidang;
- ii. Pengedaran Dokumen Mesyuarat Jawatankuasa Pengarah-Pengarah MARA Negeri secara capaian atas talian iaitu melalui portal *MARAnet.sharepoint* dan memuat turun dokumen dengan menggunakan *Windows Surface Tablet* semasa mesyuarat bersidang;
- iii. Jadual Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan MARA boleh diakses secara atas talian di portal *MARAnet.sharepoint*; dan
- iv. Jadual *townhall* bersama Ketua Pengarah MARA boleh diakses secara atas talian di portal *MARAnet.sharepoint*.

Mesyuarat peringkat Jawatankuasa Pengurusan MARA bagi tahun 2018 telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan seperti yang berikut:

Pembentangan Perancangan dan Prestasi Pengurusan MARA 2018 telah dilaksanakan secara suku tahun iaitu melibatkan bahagian, Pejabat MARA Negeri dan syarikat subsidiari kepada pengurusan tertinggi MARA pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

Bil	Pembentangan KPI	Bilangan
1	Pengurusan MARA	4
2	Pengarah-Pengarah MARA Negeri	4
Jumlah		8

Bil	Mesyuarat Jawatankuasa	Bil Mesyuarat
1	Teraju MARA	5
2	Pengurusan MARA	19
3	Pengarah-Pengarah MARA Negeri	4
4	Runding Harga	12
5	Peraturan MARA	4
6	Piawaian & Kos	11
7	Hapus Kira	4
8	Penyelarasan & Penemuan Audit	3
9	Perbelanjaan & Kerugian	-
Jumlah		62



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA dan Pembentangan KPI Pengurusan MARA

UNIT URUS SETIA MAJLIS

Unit Urus Setia Majlis (UUM) berperanan untuk menyelaras keputusan-keputusan Majlis dalam memastikan program dan aktiviti yang dirancang selari dengan dasar serta polisi MARA.

Tugas dan peranan utama Setiausaha Majlis adalah seperti berikut:

- Mengurus setia dan menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan bagi Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Jawatankuasa di bawah Majlis mengikut Akta MARA dan peraturan yang ditetapkan;
- Bertindak sebagai saksi bagi pihak MARA ke atas semua dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara MARA dan pihak ketiga;
- Menyimpan meteri Majlis dan memastikan semua Surat Cara, Dokumen dan lain-lain instrumen dimeteri serta disimpan sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis; dan
- Menyelaras dan menguruskan keperluan-keperluan Pengerusi serta ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dan peranan Majlis.

Prestasi pelaksanaan Mesyuarat Majlis MARA termasuk secara edaran bagi tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

Bil	Mesyuarat Majlis	Tarikh
1	Mesyuarat Majlis MARA Ke-460 Bil. 1 Tahun 2018 [secara edaran]	4 Jan 2018
2	Mesyuarat Majlis MARA Ke-461 Bil. 2 Tahun 2018 [secara edaran]	22 Jan 2018
3	Mesyuarat Majlis MARA Ke-462 Bil. 3 Tahun 2018	30 Jan 2018
4	Mesyuarat Majlis MARA Ke-463 Bil. 4 Tahun 2018 [secara edaran]	6 Feb 2018
5	Mesyuarat Majlis MARA Ke-464 Bil. 5 Tahun 2018 [secara edaran]	5 Mac 2018
6	Mesyuarat Majlis MARA Ke-465 Bil. 6 Tahun 2018	19 Mac 2018
7	Mesyuarat Majlis MARA Ke-466 Bil. 7 Tahun 2018 [secara edaran]	26 Mac 2018
8	Mesyuarat Majlis MARA Ke-467 Bil. 8 Tahun 2018 [secara edaran]	29 Mac 2018
9	Mesyuarat Majlis MARA Ke-468 Bil. 9 Tahun 2018 [secara edaran]	17 Apr 2018
10	Mesyuarat Majlis MARA Ke-469 Bil.10 Tahun 2018 [secara edaran]	19 Apr 2018
11	Mesyuarat Majlis MARA Ke-470 Bil.11 Tahun 2018 [secara edaran]	25 Apr 2018
12	Mesyuarat Majlis MARA Ke-471 Bil.12 Tahun 2018 [secara edaran]	6 Jun 2018
13	Mesyuarat Majlis MARA Ke-472 Bil.13 Tahun 2018 [secara edaran]	8 Jun 2018
14	Mesyuarat Majlis MARA Ke-473 Bil.14 Tahun 2018 [secara edaran]	20 Ogos 2018
15	Mesyuarat Majlis MARA Ke-474 Bil.15 Tahun 2018	18 Okt 2018
16	Mesyuarat Majlis MARA Ke-475 Bil.16 Tahun 2018	27 Nov 2018
17	Mesyuarat Majlis MARA Ke-476 Bil.17 Tahun 2018 [secara edaran]	14 Dis 2018
18	Mesyuarat Majlis MARA Ke-477 Bil.18 Tahun 2018	20 Dis 2018

Prestasi pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa di bawah Majlis MARA bagi tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

Bil	Mesyuarat Jawatankuasa	Bil Mesyuarat
1	Jawatankuasa Lembaga Perolehan MARA	15
2	Jawatankuasa Rayuan MARA	2
3	Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional MARA	2
4	Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana MARA	4
5	Jawatankuasa Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pengurusan Tertinggi & Profesional)	1
6	Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA Kumpulan Pelaksana	1
7	Jawatankuasa Audit MARA	4
8	Jawatankuasa Pelaburan MARA	2
9	Jawatankuasa Pendidikan MARA	2
10	Jawatankuasa Keusahawanan MARA	4
11	Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan MARA	2
12	Jawatankuasa Risiko MARA	1
13	Jawatankuasa Pemantauan Perolehan dan Pelaksanaan Program/ Projek Fizikal MARA	2



Mesyuarat Majlis MARA

UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI

Unit Penyelidikan & Inovasi MARA (UNI) ditubuhkan untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi MARA. Sehubungan dengan itu, UNI telah melaksanakan beberapa program pembudayaan inovasi dan pembangunan profesionalisme dalam bidang inovasi kepada semua warga MARA termasuk anak syarikat.

Antara program pembangunan profesionalisme (modal insan) dalam bidang inovasi sepanjang tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

1. Bengkel Pengurusan Anugerah Inovasi MARA (AIM) 2018
2. Bengkel *Junior Innovation Lab* (pelajar-pelajar MRSM)
3. Bengkel *Youth Innovation Lab* (pelatih-pelatih IKM/KKTM)
4. Bengkel *Staff Innovation Lab* (dua (2) siri bengkel untuk staf MARA Negeri Sembilan dan Terengganu)
5. Bengkel Pembangunan Jurulatih Utama Inovasi MARA (Siri 1 dan Siri 2)
6. Bengkel Pembinaan Modul Jurulatih Utama Inovasi MARA
7. Bengkel Penulisan Paten dan Pendaftaran Harta Intelekt MARA
8. Hari Anugerah Inovasi MARA 2018

UNI berperanan mengukuhkan rantai nilai dan jaringan dengan rakan strategik tempatan dan global. Di samping itu, usaha ini adalah untuk meningkatkan proses pengkomersialan produk inovasi MARA.

Antara pertandingan inovasi yang disertai oleh MARA adalah seperti yang berikut:

1. *Malaysia Technology Expo (MTE) 2018*
2. Anugerah Kualiti dan Inovasi KPLB 2018
3. Anugerah Harta Intelekt Negara 2018

MARA telah memfailkan permohonan perlindungan harta intelek bagi produk inovasi yang dihasilkan oleh warga kerja MARA seperti yang berikut:

Jenis Perlindungan & Bilangan Permohonan	Patent	Trademark	Copyright
	2	2	6

UNI telah mengeluarkan sebanyak RM564,230.00 geran penyelidikan (SGPIM) kepada 21 orang warga MARA yang layak bagi menjalankan kajian dalam bidang yang ditetapkan.

Kejayaan dan Pencapaian pada Peringkat Tempatan dan Antarabangsa

Antara kejayaan telah dicapai oleh MARA dalam pertandingan inovasi untuk tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

Bil	Pertandingan	Pencapaian
1	<i>Malaysia Technology Expo (MTE) 2018</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Projek <i>Interlocking Eco-Brick</i> daripada KKTM Sri Gading memenangi pingat emas dan anugerah <i>The Best Award</i> 2. Projek <i>Learning Outcome Attainment Measurement</i> daripada UniKL MIIT Kuala Lumpur memenangi pingat emas 3. Projek <i>Lightweight Cement Board From Oil Palm</i> dan projek <i>Lightweight Cement Board From Oil Palm Frond</i> daripada UniKL MICET, Melaka memenangi pingat perak 4. Projek <i>X-Illusions</i> daripada MRSM Tun Abd Razak, Pekan memenangi pingat gangsa 5. Projek <i>QA Ruler</i> daripada MRSM Bentong memenangi pingat gangsa 6. Projek <i>Eco-Bin</i> daripada MRSM Gemencheh memenangi pingat gangsa 7. Projek <i>Insulated Eco Wall Panel</i> daripada KKTM Sri Gading memenangi pingat gangsa 8. Projek <i>MathZania: Making Learning Real</i> daripada MRSM Kuala Klawang memenangi pingat gangsa 9. Projek <i>SeMTek (Section Model of Mechanical Part Training Kit)</i> daripada IKM Lumut memenangi pingat gangsa 10. Projek <i>Smart Wiring For Motorcycle Learning</i> daripada GIATMARA Nilam Puri memenangi pingat gangsa
2	Anugerah Kualiti dan Inovasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) 2018	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Pengurusan) - iMR (<i>Integrated Maintenance Record</i>) - Asia Aerotechnic Sdn. Bhd. (tempat ke-2) 2. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Teknikal) <i>Portable Coolant Remover</i> - IKM Jasin (tempat ke-3) 3. Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (tempat ke-2) 4. Anugerah Kualiti Penilaian <i>Outcome</i> Terbaik (johan, tempat ke-2 dan tempat ke-3) 5. Anugerah Kualiti Pengurusan Keselamatan Dokumen (tempat ke-2) 6. Anugerah Kualiti Pengurusan Pejabat Terbaik - Pejabat MARA Negeri (PMN) Negeri Sembilan (tempat ke-2)
3	Anugerah Harta Intelekt Negara (AHIN) 2018	MRSM Jeli, pingat emas projek <i>UPR-CS-NFFE COMPOSITE PANEL</i>
4	<i>International Exhibition of Inventions Geneva 2018</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Projek <i>Lightweight Natural Fiber Cement Board</i> UniKL MICET memenangi: <ul style="list-style-type: none"> • Gold Medal (with Congratulations from the Jury) • Special Jury Award from King Abdul Aziz University, Saudi Arabia 2. Projek <i>Interlocking Eco-Brick</i> memenangi: <ul style="list-style-type: none"> • Silver Medal • Special Jury Award from Academy of Science Research and Technology



UNI telah memuat naik Direktori MARATeX 2018 dalam laman Maranet yang merupakan kompilasi produk finalis Anugerah Inovasi MARA 2018



Penilaian Anugerah Inovasi MARA 2018 (face to face screening), UniKL Kuala Lumpur

Hari Anugerah Inovasi MARA 2018, Hotel Premieria, Kuala Lumpur



Pameran Hari Kualiti & Inovasi KPLB 2018, Putrajaya



Bengkel Junior Innovation Lab Borneo Zone 2018 di MRSM Tun Mohamad Fuad Stephens, Sandakan, Sabah



Bengkel Jurulatih Utama (JU) Inovasi MARA, Hotel Tamu & Suites, Kuala Lumpur

Bengkel Youth Innovation Lab IKM/KKTM/MJII 2018, IKM Besei, Perlis



Bengkel Penulisan Paten 2018, Hotel Tamu & Suites, Kuala Lumpur



Bengkel Staff Innovation Lab 2018 MARA Negeri Sembilan, MRSM Seriting, Jempol, Negeri Sembilan



BAHAGIAN AUDIT DALAM

MARA sentiasa memastikan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan berada dalam keadaan cemerlang di samping mengamalkan hasil kerja yang efektif dan efisien. Pelaksanaan program dan aktiviti MARA adalah berdasarkan peraturan dan prosedur yang ditetapkan agar objektif dan matlamat program dapat disampaikan kepada kumpulan sasar. Setiap dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan akan memastikan akauntabiliti pegawai MARA sentiasa terpelihara. Bahagian Audit Dalam (AUD) bertanggungjawab melaksanakan pengauditan, memberi khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan bagi memantapkan tadbir urus korporat serta keberkesanan kawalan dalaman bagi pusat pentadbiran termasuk subsidiari MARA.

Hala tuju AUD ialah penekanan ke atas sistem kawalan dalaman berteraskan *risk based audit*. Tiga (3) fungsi utama AUD bagi mencapai visi, misi dan objektif yang ditetapkan adalah:

i. Pematuhan & Pembangunan Pematuhan

- Melaksanakan audit pematuhan kepada semua pusat pentadbiran MARA mengikut ketetapan, peraturan dan Manual Prosedur Kerja (MPK)
- Melaksanakan audit susulan untuk memastikan tindakan terhadap teguran audit telah dibuat

Pembangunan

- Membangun dan mengurus sistem pengauditan untuk keberkesanan tugas
- Mengumpul dan menganalisis data audit dengan lebih sistematik
- Melaksanakan program pembangunan modal insan
- Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi luar

ii. Siasatan & Forensik

- Melaksanakan audit siasatan berdasarkan arahan Jawatankuasa Audit MARA atau Pengurusan MARA
- Melaksanakan audit forensik terhadap penemuan ketidakpatuhan dalam tadbir urus

iii. Prestasi

- Melaksanakan audit prestasi terhadap program pembangunan berimpak tinggi
- Menganalisis keberkesanan pelaksanaan audit prestasi untuk penambahbaikan program

Prestasi pelaksanaan aktiviti pengauditan bagi tahun 2018 adalah seperti yang berikut:



Jawatankuasa Audit MARA (JAM) bertanggungjawab membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh AUD atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan *preventive dan corrective* diambil oleh pihak pengurusan agar kelemahan diperbetulkan dan tidak berulang. Mesyuarat JAM telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2018.

Program Pembangunan Audit Dalam

1. Internal Audit Conference

Internal Audit Conference (IAC) bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada pegawai-pegawai MARA dari PMN, IKM, KKTMM dan MRSM tentang pengauditan dan pematuhan prosedur kewangan dan urus tadbir. Terdapat tiga (3) siri IAC yang dibuat pada tahun 2018:

Bil	Tarikh	Tempat	Penyertaan
Siri 1	26 - 28/2/2018	Kinrara Resort, Bandar Kinrara, Puchong	Pejabat MARA Negeri
Siri 2	23 - 26/4/2018	Hotel Sri Petaling, Kuala Lumpur	Institut Kemahiran MARA & Kolej Kemahiran Tinggi MARA
Siri 3	30/7 - 1/8/2018	Hotel Tamu & Suites, Kampung Baru, Kuala Lumpur	Maktab Rendah Sains MARA



Internal Audit Conference memberi pemahaman kepada warga kerja MARA berkaitan proses pengauditan

2. Pocket Talk



Pocket Talk menghimpunkan juruaudit MARA dan subsidiari mendapatkan maklumat berkaitan kelebihan menjadi ahli IIA

Seminar ini diadakan pada 19 April 2018 yang disampaikan oleh penceramah dari *The Institutes of Internal Auditors (IIA) Malaysia* untuk memberi pendedahan kepada juruaudit MARA dan subsidiari MARA berkaitan kelebihan menjadi ahli kepada IIA dan Sijil Profesional yang ditawarkan oleh IIA.

3. Luncheon Talk : Bersama Jabatan Audit Negara



Luncheon Talk sebagai salah satu program engagement Bahagian Audit Dalam bersama Jabatan Audit Negara

Bahagian Audit Dalam telah menganjurkan program *Luncheon Talk: Bersama Jabatan Audit Negara* pada 15 Oktober 2018 bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dalam pengurusan organisasi serta memberi pendedahan terhadap penggunaan perisian *Audit Command Language (ACL)* sebagai mekanisme aktiviti pengauditan yang lebih efektif dan efisien.

UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti merupakan usaha kawalan dalaman untuk menguruskan integriti di MARA. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti yang berikut:

- Tadbir Urus
- Pengukuhan Integriti
- Pengesanan dan Pengesahan
- Pengurusan Aduan
- Pematuhan
- Tatatertib

Pelaksanaan program integriti berdasarkan Indikator Keberhasilan Utama (KPI) Unit Integriti MARA bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti yang berikut:

Bil	Program / Aktiviti	2018	2017
1	Ceramah/Taklimat integriti	54 siri	33 siri
2	Program Wira Anti Rasuah (WAR)	6 siri	8 siri
3	Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)	1 kali	-
4	Kursus Peningkatan Integriti dan Pencegahan Rasuah Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pendidikan MARA (SPR IPMA) / Kem Integriti Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR)	3 siri	10 siri
5	Seminar/Kursus Peningkatan Integriti/Pertandingan Debat Antirasuah IPMA 2018	1 siri	6 siri
6	Ikrar Bebas Rasuah (IBR)	Semua pusat pentadbiran MARA & subsidiari	Pengurusan tertinggi MARA
7	Lawatan pematuhan	14 siri	15 siri
8	Pengurusan aduan	39 aduan	20 aduan
9	Pengesanan dan pengesahan	39 kes	12 kes

Program integriti kepada pelajar, warga kerja MARA dan subsidiari berjaya meningkatkan pengetahuan berkaitan integriti dan mengurangkan kadar salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan serta secara langsung dapat melahirkan modal insan dan warga kerja yang berintegriti tinggi.

MARA melalui Unit Integriti dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Debat Antirasuah IPMA 2018 yang julung kalinya diadakan sebagai satu inovasi baharu dalam penganjuran Program Pengukuhan dan Pembudayaan Integriti. Program ini telah diadakan pada 27 hingga 30 Oktober 2018 bertempat di German-Malaysian Institute (GMI) dan Malaysia-France Institute (MFI) melibatkan semua Institusi Pendidikan MARA (IPMA).



Debat Antirasuah IPMA 2018 yang disertai oleh pelajar-pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMA)



Program Kem Integriti Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR)

UNIT AUDIT NEGARA

Unit Audit Negara (UAN) berperanan untuk menambah baik prestasi organisasi serta menyokong akauntabiliti dan transparensi melalui laporan audit yang bebas. Pengauditan yang dilaksanakan secara profesional berlandaskan *standard* pengauditan antarabangsa adalah meliputi pengauditan Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dan Pengurusan Tadbir Urus Subsidiari.

UAN memperkenalkan program Inisiatif Memantapkan Prestasi Berfokuskan Akauntabiliti (IMPRESIF) untuk memberi khidmat nasihat melalui perkongsian ilmu berkaitan pengauditan kepada pusat-pusat MARA di seluruh negara. IMPRESIF juga memberi pendedahan kepada Bahagian Audit Dalam MARA mengenai pengauditan terkini oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Pelaksanaan program ini selaras dengan hasrat JAN iaitu membantu juruaudit sektor awam untuk melaksanakan pengauditan dan laporan audit prestasi yang lebih berkualiti seterusnya meningkatkan akauntabiliti. Pencapaian aktiviti UAN pada tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

Bil	Pengauditan / Program	Perancangan	Pencapaian
1	Pengauditan Penyata Kewangan	1	2
2	Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)	1	1
3	Pengauditan Pengurusan Tadbir Urus Subsidiari	3	5
4	Inisiatif Memantapkan Prestasi Berfokuskan Akauntabiliti (IMPRESIF)	4	5



Unit Audit Negara memberi khidmat nasihat melalui perkongsian ilmu berkaitan pengauditan kepada pusat-pusat MARA di seluruh negara



2020



**SEKTOR
KEUSAHAWANAN**



SEKTOR KEUSAHAWANAN MARA

Bil	Inisiatif	Sasaran 2018	Pencapaian 2018	Peratus
1	Membangunkan PKS/usahawan negara	53,048	56,865	107.20%
2	Memperluas akses kemudahan pembiayaan perniagaan	2,685	2,436	90.73%
3	Membangunkan usahawan lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMA)	1,000	1,536	153.60%
4	Pemantapan Syarikat Usahawan Korporat	665	834	125.41%

Sektor Keusahawanan MARA menyediakan program-program pembangunan keusahawanan yang komprehensif dengan menyasarkan penglibatan usahawan di semua peringkat sama ada mikro, kecil atau sederhana merangkumi keseluruhan komuniti keusahawanan bumiputera melalui ekosistem keusahawanan yang lengkap. Program ini merangkumi pembangunan usahawan dan pembangunan perniagaan dengan menyediakan sistem sokongan perniagaan dari aspek pembiayaan dan premis perniagaan termasuk khidmat nasihat kepada komuniti usahawan.

EKOSISTEM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN



Sektor Keusahawanan MARA diterajui oleh tiga (3) bahagian utama iaitu Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU), Bahagian Pembiayaan Perniagaan (BPN) dan Bahagian Infrastruktur Komersial (BIK) serta disokong oleh syarikat subsidiari MARA yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) menumpukan kepada inisiatif membangunkan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing selaras dengan matlamat program keusahawanan MARA.

Aktiviti yang dilaksanakan di bawah program latihan keusahawanan meliputi kursus, seminar dan bengkel untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan kemahiran kepada usahawan baharu dan usahawan sedia ada. Skop latihan keusahawanan yang disediakan merangkumi keperluan komuniti bagi tujuan pembudayaan keusahawanan, mewujudkan usahawan baharu serta meningkat dan memperkukuhkan usahawan sedia ada. Program latihan disediakan dan dilaksanakan oleh BPU bersama Pusat Usahawan MARA (PUSMA) di setiap negeri serta kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Seramai 56,721 usahawan

telah mendapat faedah melalui empat (4) program utama yang menyokong objektif pembangunan usahawan bumiputera iaitu:

- Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA - *MARA Entrepreneurial Integrated Training (MERIT)*
- Program Usahawan Teknologi Lanjutan - *Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT)*
- Program Peningkatan dan Pembangunan *Standard* Perniagaan - *Business Advancement and Standard Development Program (BASE)*
- Program Pecutan Usahawan Baru - *Start-up Accelerator Program (STAR)*

1. Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA - *MARA Entrepreneurial Integrated Training (MERIT)*

Program Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA (MERIT) adalah pakej latihan yang disediakan untuk bumiputera bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai keusahawanan. Program latihan yang disediakan adalah mengikut keperluan pasaran semasa dengan adaptasi teknologi terkini. Pada tahun 2018, sebanyak RM12,641,454.00 telah dibelanjakan untuk melaksanakan program MERIT. Sejumlah 55,666 orang peserta telah mendapat manfaat menerusi inisiatif ini.

Terdapat tiga (3) komponen di bawah inisiatif MERIT iaitu PIONEER (Pembudayaan Usahawan), PROGRESSIVE (Pewujudan Usahawan) dan PREMIER (Peningkatan dan Pengukuhan Usahawan). Objektif utama MERIT adalah membangunkan usahawan bumiputera dari peringkat nano hingga ke peringkat global melalui program-program keusahawanan berbentuk latihan berpakej, latihan berstruktur serta *coaching and mentoring*.




2. Program Usahawan Teknologi Lanjutan - *Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT)*

Program ADAPT adalah program berpakej bagi melahirkan dan mengukuhkan usahawan dalam bidang yang berasaskan kepada teknologi tinggi dan lanjutan. Program ini akan memberi peluang kepada bakal usahawan dan usahawan sedia ada untuk memperoleh teknologi daripada pembekal teknologi. Pada tahun 2018, seramai 26 usahawan telah mendapat manfaat melalui program ini dengan perbelanjaan sebanyak RM1,560,047.80.

Tiga (3) komponen di bawah inisiatif ADAPT adalah:

- Latihan kemahiran dan teknikal (kerjasama dengan pembekal teknologi)
- Kajian pembangunan dan inovasi (RD & I)
- Bantuan komersial



3. Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan - *Business Advancement and Standard Development Program (BASE)*

Program ini menyediakan kemudahan kepada usahawan bumiputera untuk membangunkan kapasiti dan meningkatkan keupayaan syarikat melalui pendekatan perundingan perniagaan. Bagi tujuan tersebut, MARA menyediakan tenaga profesional dalam pelbagai bidang kepakaran perniagaan sebagai pemudah cara bagi membimbing dan memberikan khidmat nasihat kepada usahawan yang terlibat. Hal ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran serta kecekapan pengurusan syarikat untuk berdaya saing di pasaran terbuka. Sepanjang tahun 2018 sejumlah 693 usahawan telah mendapat manfaat daripada program BASE yang dilaksanakan di seluruh negara dengan implikasi kewangan sebanyak RM3,764,102.05.

Secara amnya program BASE dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu :

- Program Pembangunan Standardisasi Pengilang Bumiputera (PROGRESS)
- Program Peningkatan dan Pengembangan Pembangunan Syarikat (PROCEED)
- Program Transformasi dan Pemulihan Syarikat (PROTECT)




4. Program Pecutan Usahawan Baru - *Start-up Accelerator Program (STAR)*

Program Pecutan Usahawan Baru (STAR) adalah program inkubator bagi menyediakan kemudahan tempat berniaga kepada usahawan baharu. Program ini disasarkan kepada kumpulan pelajar institusi pendidikan dan golongan belia serta wanita.

Terdapat tiga (3) komponen program ini iaitu:

- Kesediaan peribadi (*Personal Readiness*)
- Model perniagaan (*Business Model*)
- Pelan tindakan (*Business Action Plan*)

Pada tahun 2018, seramai 336 usahawan telah mendapat manfaat melalui program ini dengan perbelanjaan sebanyak RM2,714,679.20.



Program Khas Keusahawanan 2018

1. Program Wanita Inspirasi Ekonomi

Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) bertujuan untuk melonjakkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan seterusnya memperkasakan wanita dalam arus pembangunan ekonomi negara. Melalui program yang dilaksanakan seperti Seminar Keusahawanan dan Klinik Usahawan telah berjaya meningkatkan potensi dan keupayaan usahawan wanita dalam melonjakkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih baik dalam dunia perniagaan global.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak lapan (8) program WISE telah diadakan di seluruh negara dengan jumlah penyertaan usahawan wanita seramai 2,791 orang dengan peruntukan berjumlah RM1 juta. Impak daripada program ini seramai 150 orang usahawan wanita berjaya mendapat akses kepada kemudahan MARA iaitu pembiayaan perniagaan, persijilan halal dan ISO serta premis perniagaan dan jumlah jualan yang berjaya dijana dari program *Wow Crazy Sale* bernilai RM240,000.00.



Program WISE bertujuan untuk melonjakkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan dan seterusnya memperkasakan wanita dalam arus pembangunan ekonomi negara.

2. MERCU : Aspirasi Keusahawanan Bumiputera

MERCU: Aspirasi Keusahawanan Bumiputera adalah program keusahawanan yang holistik dan komprehensif dengan menyasarkan penglibatan usahawan di semua peringkat sama ada mikro, kecil atau sederhana merangkumi keseluruhan komuniti keusahawanan bumiputera. Program ini menawarkan 'Ekosistem Keusahawanan Lengkap' melibatkan pembangunan usahawan, pembangunan perniagaan dan sokongan perniagaan dengan ditunjangi oleh modal insan yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan MARA. Program ini juga bertindak sebagai ruang interaksi langsung antara rakyat dan MARA khususnya usahawan dan bakal usahawan melalui program yang dilaksanakan oleh MARA berbentuk pembangunan usahawan, pembangunan perniagaan, sokongan perniagaan dan tenaga kerja (modal insan) yang cekap. Komponen program ini meliputi seminar keusahawanan, pepadanan perniagaan, karnival jualan, dan *business idea pitching*. Program ini membolehkan seramai 36,654 pengunjung mendapat akses kepada kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh MARA dan seramai 2,774 peserta seminar mendapat bimbingan keusahawanan. Jumlah jualan yang berjaya dijana adalah bernilai RM412,591.65 selain 166 pepadanan perniagaan berjaya dilaksanakan. Program MERCU melibatkan kewangan sebanyak RM950,000.00.



Program MERCU menyasarkan penglibatan usahawan di semua peringkat sama ada mikro, kecil atau sederhana merangkumi keseluruhan komuniti keusahawanan bumiputera.



BAHAGIAN INFRASTRUKTUR KOMERSIAL

Bahagian Infrastruktur Komersial berperanan untuk:

- Mewujud dan membangunkan peluang-peluang perniagaan dalam industri strategik melalui kerjasama dengan pemain industri terlibat seperti berikut:
 - Automotif
 - Makanan & Minuman
 - Pembinaan
 - Gaya Hidup
 - Perkhidmatan
- Menyediakan kemudahan premis perniagaan dan perusahaan di lokasi strategik seluruh negara
 - Program Transformasi Usahawan Luar Bandar (TREnt)**
Program ini memberi fokus kepada transformasi premis perniagaan MARA yang terdapat di luar bandar.



Konsep ruang niaga di Sungai Pelek, Selangor

ii. Program Transformasi Perusahaan Industri Halal (HART)

Objektif program ini adalah untuk menaiktaraf lot-lot kilang di Kawasan Industri MARA (KIM) dan Inkubator Teknologi Makanan MARA (INTEM) berdasarkan kepada keperluan usahawan bagi mendapatkan persijilan halal, *Good Manufacturing Practice (GMP)* dan *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*.

Kompleks Industri Makanan MARA (KIMAR), Kuala Lumpur salah satu lot industri dibawah KIM




Projek
3 KIM

Peruntukan 2018
RM7,000,100.00

Perbelanjaan 2018
RM62,273.68

iii. Penyediaan Premis Perniagaan dan Perusahaan MARA




Jumlah keseluruhan ruang niaga: 7,167 unit
 Pengisian : 6,264 unit



Salah satu penyewa ruang niaga di Arked MARA Kukup, Johor

Salah satu penyewa ruang niaga di Menara MARA, Kuala Lumpur

iv. Prestasi Kutipan Sewa Ruang Niaga



v. Penyelenggaraan Ruang Niaga



BAHAGIAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

Selaras dengan hasrat MARA untuk membangunkan usahawan yang berjaya dan inovatif, Bahagian Pembiayaan Perniagaan (BPN) menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan kepada usahawan bumiputera untuk meningkatkan tahap keusahawanan dalam bidang perdagangan, perindustrian, bekalan dan perkhidmatan. Sejumlah 6,310 usahawan telah menerima kemudahan pembiayaan MARA pada tahun 2018 dengan jumlah kelulusan sebanyak RM508 juta. Bagi memberi usahawan nilai tambah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti, skop pembiayaan dibahagikan mengikut kategori seperti berikut:

1. Kemudahan Pembiayaan Perniagaan MARA (RM500,000.00 hingga RM5 juta)


1.1 Program Rantaian Nilai Industri (PRiN)

Kemudahan ini bertujuan menyediakan pembiayaan bagi menyumbang penambahan bilangan usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan kelas menengah sebagai persediaan menjadi *top entrepreneur* yang menjurus ke arah *global player*.

Di samping itu, PRiN juga mengukuhkan penyertaan usahawan bumiputera di sepanjang rantaian nilai industri khususnya di peringkat yang kurang atau belum dirintis dan seterusnya dapat menjadi penyokong *top entrepreneur* dalam skop yang lebih kecil untuk membentuk *niche market*.



Penerima kemudahan PRiN




Agus Food Industries Sdn. Bhd.


ETM Prima Sdn. Bhd.

1.2 MARA *Integrated Smart Auto (MiSA)*

Kemudahan pembiayaan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan aktiviti perniagaan usahawan automotif bumiputera melalui transformasi konsep perniagaan konvensional kepada yang berkonsepkan 3S yang merangkumi *Sales, Services* dan *Spare Parts*.



Penerima kemudahan MiSA



1.3 Skim Pembiayaan Ekuiti (*The Baron*)

Kemudahan pembiayaan *The Baron* bertujuan untuk meningkatkan ekuiti dengan mengukuhkan pegangan sedia ada serta meningkatkan modal keluaran dan membayar, pengambilalihan syarikat, penyatuan syarikat, pengkorporatan dan pembelian saham.



Penerima kemudahan *The Baron*



1.4 Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)

SJUM merupakan kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program *Groom Big MARA*. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin ke atas pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersial kepada usahawan bumiputera yang terpilih. Kadar jaminan MARA adalah sehingga 80% daripada jumlah kelulusan yang diluluskan oleh bank panel. Had pembiayaan yang ditawarkan oleh bank panel adalah sehingga RM5 juta.



Penerima kemudahan SJUM



1.5 Program Galakan Eksport Bumiputera

Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) merupakan program kerjasama antara MARA bersama SME Corp. Malaysia, MATRADE dan Exim Bank. Objektif GEB adalah untuk membangunkan keupayaan serta menambah bilangan usahawan bumiputera baharu dalam pasaran eksport melalui pakej bantuan bersepadu untuk meneroka pasaran baharu, pepadanan perniagaan dan perluasan pasaran seterusnya boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan eksport.



Antara usahawan di bawah program GEB



1.6 Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE)

SPIKE ditawarkan kepada usahawan bumiputera dalam bidang kontrak dengan mudah dan cepat bagi membantu menambah bilangan kontraktor bumiputera yang berwibawa. SPIKE menyediakan pembiayaan sehingga RM1 juta kepada kontraktor grad G1,G2,G3,G4 dan G5 dalam bidang binaan, bekalan, perkhidmatan dan elektrik.



SPIKE membantu menambah bilangan kontraktor bumiputera yang berwibawa

1.7 Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE GLC)

Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (SPIKE GLC) diwujudkan bertujuan untuk membantu kontraktor atau vendor bumiputera yang berdaftar di bawah GLC berkaitan untuk mendapatkan modal kerja bagi membiayai projek yang diterima. Had maksimum pembiayaan adalah sehingga RM1 Juta. Jenis-jenis kerja kontrak meliputi semua kontrak binaan, perkhidmatan & bekalan dan elektrik.




2. Kemudahan Pembiayaan Perniagaan MARA (RM500,000.00 ke bawah)

2.1 Skim Pembiayaan Belia (PUTRA)

Skim pembiayaan ini disediakan kepada golongan belia dan lepasan IPMA dalam perniagaan mikro bagi semua sektor seperti peruncitan, pembuatan dan perkhidmatan bagi tujuan pembelian aset perniagaan dan modal pusingan.



Usahawan Putra



Juslina binti Bakri (Lena Fashion)

2.2 Skim Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK)

Skim Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK) bertujuan untuk mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal iaitu yang berasaskan kepada kemahiran yang dimiliki. Usahawan ini akan dibantu untuk membina asas/tapak perniagaan masing-masing untuk satu tempoh masa tertentu sehinggalah mereka mampu untuk berdikari dan menguruskan perniagaan sendiri. Skop pembiayaan ini merangkumi pembelian peralatan atau modal pusingan.



Penerima kemudahan PUTEK



Eqin Sepakat Sdn. Bhd.

2.3 Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)

SPiM adalah kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan sedia ada di bawah sektor perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan. Had pembiayaan adalah seperti berikut:

Syarikat Milikan Tunggal/Perkongsi
(sehingga RM250,000.00)

Syarikat Sdn. Bhd.
(sehingga RM500,000.00)

Untuk tahun 2018, seramai 942 orang usahawan menerima manfaat daripada program SPiM dengan kelulusan berjumlah RM63,387,000.00.



Skop pembiayaan SPiM diperluaskan kepada beberapa kategori antaranya seperti yang berikut:

i. Pembiayaan Kali Pertama (SPiM)

492 Orang Usahawan
RM41,262,000.00

ii. Skim Pembiayaan Perniagaan Lepas IPMA (SEMAi)

Kemudahan ini ditawarkan kepada semua pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMA). Skim ini tidak memerlukan jaminan atau cagaran. Had pembiayaan adalah sehingga RM50,000.00. Seramai 99 orang usahawan telah menerima kemudahan ini dengan jumlah kelulusan sebanyak RM3,073,000.00.



Penerima kemudahan SEMAI



iii. Skim Pembiayaan Perniagaan Orang Kelainan Upaya (OKU)

Kemudahan ini menawarkan pembiayaan perniagaan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Had pembiayaan adalah sehingga RM50,000.00 dengan konsep Qardhul Hassan. Seramai 41 orang usahawan telah menerima kemudahan ini dengan jumlah keseluruhan pembiayaan berjumlah RM1 juta pada tahun 2018.



Penerima kemudahan Pembiayaan Perniagaan Orang Kelainan Upaya (OKU)



iv. Pembiayaan Mobilepreneur / Foodtruck

Kemudahan pembiayaan ini disediakan bagi menggalakkan penyertaan belia untuk menjadi usahawan bergerak (*mobilepreneur*) khususnya dalam bidang perniagaan makanan (*foodtruck*) sejajar dengan perkembangan industri perniagaan masa kini. Had pembiayaan adalah RM250,000.00 bagi perniagaan *enterprise* dan RM500,000.00 bagi perniagaan *Sdn. Bhd.*



Penerima kemudahan Pembiayaan Mobilepreneur / Foodtruck




MARA menawarkan Skim Pembiayaan Mudah jaya (SPIM) kepada usahawan yang bergerak menggunakan kenderaan, kontena atau karavan

v. Pembiayaan Perniagaan DanaNITA

Kemudahan pembiayaan ini disediakan kepada usahawan wanita bumiputera bagi memperhebat penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan, memperkasakan usahawan wanita sedia ada dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Had pembiayaan adalah sehingga RM50,000.00. Pembiayaan ini juga ditawarkan kepada usahawan yang menjalankan perniagaan secara atas talian dan juga yang tidak memiliki premis perniagaan.



Penerima kemudahan Pembiayaan DanaNita



2.4 Skim Pembiayaan Tekno Usahawan (SPiM Tekno)

Skim pembiayaan ini disediakan khusus untuk usahawan bumiputera yang menceburi perniagaan dalam bidang teknologi di bawah program Pembangunan Tekno Usahawan. Usahawan Tekno adalah usahawan yang menjalankan perniagaan berteraskan teknologi dalam industri strategik seperti elektronik, automotif, penerbangan, telekomunikasi, *bio-engineering*, teknologi maklumat, marin, minyak dan gas.



2.5 Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED NANO)

Skim pembiayaan ini adalah program keusahawanan desa di bawah Kementerian Pembangunan Luar bandar (KPLB). Pembiayaan ini ditawarkan kepada usahawan *start up* dan kecil luar bandar meliputi seratus lapan puluh dua (182) kawasan parlimen yang terlibat. Kemudahan pembiayaan ini adalah tanpa cagaran dan penjamin. Tujuannya adalah untuk menggalakkan penglibatan dan pembangunan masyarakat luar bandar dalam keusahawanan bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan dan memajukan bidang-bidang keusahawanan yang berpotensi tinggi di luar bandar. Had maksima pembiayaan adalah sehingga RM10,000.00.

Skop pembiayaan merangkumi bidang pembuatan dan perkhidmatan termasuk peruncitan serta perniagaan atas talian, pertanian (hiliran), pelancongan desa dan sektor-sektor perniagaan lain yang bersesuaian. Skop pembiayaan adalah untuk modal kerja, pembelian aset, mesin dan peralatan, ubah suai bangunan atau premis dan pembelian kenderaan.

Bilangan Kelulusan 2018 (Penerima)	Jumlah (RM)
1,356	11,939,500.00

Penerima kemudahan SPEED NANO



Mohammad Zakaria bin Basar (Sabak Bernam). Penerima kemudahan SPEED NANO berjumlah RM10,000.00

Mohamad Faizul bin Saudin (Sabak Bernam). Penerima kemudahan SPEED NANO berjumlah RM10,000.00

SD



**SEKTOR
PENDIDIKAN**



SEKTOR PENDIDIKAN MARA

Bil	Inisiatif	Sasaran 2018	Pencapaian 2018	Peratus
1	Meningkatkan bilangan pelajar cemerlang berteraskan <i>Science, Technology, Religion, Engineering, Arts & Mathematics</i> (STREAM)	7,000 orang pelajar lulusan SPMRSM	8,171 orang pelajar	116.72%
2	Menaja pelajar ke 100 universiti terkemuka dunia dalam bidang berimpak tinggi	Penajaan 100 orang pelajar ke <i>World's Top Universities</i>	257 orang pelajar	257%
3	Menyediakan latihan/ program separa profesional dan profesional mengikut keperluan industri	Penyediaan 21,500 guna tenaga negara separa profesional dan profesional	29,479 orang pelajar	137.11%
4	Memperluas latihan teknikal dan vokasional (TVET & HTVET)	Penyediaan 32,500 guna tenaga mahir dan separa mahir	39,498 orang pelajar	121.53%

Sektor Pendidikan MARA menyediakan pendidikan bersepadu dan komprehensif daripada peringkat menengah hingga tertiar bagi melahirkan modal insan bertaraf global dan berintegriti dengan bercirikan nilai keusahawanan. Usaha ini dizahirkan melalui inisiatif modul pendidikan dalam bidang akademik serta bidang teknikal dan vokasional.

Di samping itu, sistem sokongan bersepadu dari segi penyediaan kemudahan pembiayaan pelajaran dan penggunaan teknologi bagi pengukuhan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi pelengkap kepada Sektor Pendidikan MARA untuk terus unggul membangunkan modal insan cemerlang. Sektor Pendidikan MARA ditunjangi oleh Bahagian Pendidikan Menengah, Bahagian Kemahiran dan Teknikal, Bahagian Pendidikan Tinggi, Bahagian Penganjuran Pelajaran dan Bahagian Teknologi Kreatif dan Multimedia.

BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) ternyata memberi impak dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan khususnya yang menjadi asas kepada pembinaan modal insan.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) telah meletakkan satu landasan yang kukuh bagi menjamin kelangsungan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dengan menawarkan pelbagai program Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM) agar seiring dengan perkembangan industri terkini. Terdapat tujuh (7) program yang ditawarkan di 54 buah MRSM seluruh negara seperti berikut:

Bil	Program	MRSM	Jumlah
1	SPMRSM Premier	MRSM Pasir Salak, MRSM Muar, MRSM Sultan Azlan Shah, MRSM Gerik, MRSM Kuala Terengganu, MRSM Mukah, MRSM Muadzam Shah, MRSM Besut, MRSM Kuala Berang, MRSM Betong, MRSM Pengkalan Hulu, MRSM FELDA Trolak, MRSM Tun Ghazali Shafie, MRSM Pasir Tumbuh, MRSM Transkrian, MRSM Pendang, MRSM Beseri, MRSM Terendak, MRSM Lenggong, MRSM Kuala Krai, MRSM Kota Kinabalu, MRSM Mersing, MRSM Jeli, MRSM PDRM Kulim, MRSM Merbok, MRSM Arau	26
2	SPMRSM IGCSE	MRSM Parit, MRSM Kubang Pasu, MRSM Baling, MRSM Langkawi, MRSM Kuantan, MRSM Tun Mustapha, MRSM Kuching, MRSM Kuala Klawang, MRSM Tumpat, MRSM Batu Pahat, MRSM Serting, MRSM Alor Gajah, MRSM Tun Abdul Razak, MRSM Johor Bahru, MRSM Kuala Kubu Bharu	15
3	SPMRSM Bitara	MRSM Tun Ghafar Baba, MRSM Pengkalan Chepa, MRSM Taiping	3
4	SPMRSM Ulul Albab	MRSM Gemencheh, MRSM Semporna, MRSM Kota Putra, MRSM Kepala Batas, MRSM Sungai Besar	5
5	SPMRSM Teknikal	MRSM Bentong	1
6	SPMRSM IB MYP	MRSM Tun Dr Ismail, MRSM Balik Pulau, MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens	3
7	SPMRSM Sains Keusahawanan	MRSM Imtiaz YT KETENGAH	1
Jumlah			54

Seramai 8,171 orang pelajar telah menamatkan pengajian Tingkatan 5 di seluruh MRSM dan ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan MRSM sejak tahun 1972 berjumlah 171,216 orang.

Perkara/Tahun	2018	2017
Jumlah keseluruhan pelajar sejak 1972	171,216 orang pelajar	162,187 orang pelajar
Jumlah keseluruhan pelajar MRSM	36,660 orang pelajar	37,336 orang pelajar
Jumlah pelajar tamat Tingkatan 5	8,171 orang pelajar	8,152 orang pelajar

Pembangunan Kurikulum

Dalam memenuhi kehendak dan keperluan pelajar menghadapi cabaran RI 4.0, BPM terus memberi penekanan kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa dan terkini untuk memperkasakan kemahiran dan kompetensi pembelajaran abad ke-21. Berikut adalah program-program tersebut :

i. *International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)*

Seramai 1,821 orang pelajar telah menduduki peperiksaan Cambridge IGCSE di 14 buah MRSM. Seramai 1,337 orang pelajar telah berjaya mendapat gred A* - C (*good grades*).

Perkara/Tahun	2018	2017
Bilangan Pelajar	1,821 orang	2,013 orang
Bil. Pelajar mendapat 6A*, A	24 (2.8%)	44 (3.9%)

ii. *Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*

Seramai 8,351 orang pelajar yang berdaftar di 53 buah MRSM telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018. Dalam peperiksaan SPM 2018, MRSM telah mencatatkan indeks Gred Purata Maktab (GPM) 2.46 berbanding dengan 2.248 pada tahun 2017. MRSM Tun Ghafar Baba mencapai keputusan terbaik dengan memperoleh indeks GPM 1.48 diikuti oleh MRSM Langkawi (GPM 1.52) dan MRSM Taiping (GPM 1.60). Seramai 893 daripada 8,351 atau 10.7 peratus calon SPM 2018 memperoleh gred semua A (A+,A,A-) dalam semua subjek.



Majlis penganugerahan surat tawaran prauniversiti pelajar cemerlang SPM 2018

Majlis Anugerah Cemerlang MRSM Kuala Klawang SPM 2018



iii. *SPMRSM IB MYP*

Pada tahun 2018, tiga (3) MRSM telah mendapat pengiktirafan sebagai *International Baccalaureate World School (IB World School) - Middle Years Programme* daripada *International Baccalaureate*, sebuah badan pengiktirafan pendidikan antarabangsa terkemuka di dunia. MRSM tersebut ialah MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens, Sandakan, Sabah yang mendapat pengiktirafan pada 26 April 2018, MRSM Balik Pulau pada 11 Jun 2018 dan MRSM Tun Dr. Ismail, Pontian pada 21 Jun 2018. Pengiktirafan ini bermakna ketiga-tiga buah MRSM telah berjaya mentransformasikan Sistem Pendidikan MRSM di pentas antarabangsa.



MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens, Sandakan, Sabah



MRSM Balik Pulau, Pulau Pinang



MRSM Tun Dr Ismail, Pontian, Johor



iv. **SPMRSM Ulul Albab**

Berdasarkan tahap pencapaian hafazan sehingga bulan Disember 2018, empat (4) buah MRSM yang melaksanakan program SPMRSM Ulul Albab telah berjaya menghasilkan seramai 1,761 orang huffaz. Bagi tahun 2018 seramai 318 orang huffaz telah berjaya menyelesaikan hafazan 30 juzuk al-Quran.



Pelajar Tingkatan 2, MRSM Kota Putra, Dany Al-Fathony bin Khalid telah mencipta rekod menghafal 30 juzuk al-Quran dalam tempoh 9 bulan 22 hari.

v. **Pendidikan Robotik**

Pendedahan terhadap pendidikan robotik dalam kalangan pelajar MRSM amat membanggakan melalui penubuhan Kelab Robotik di semua MRSM. Penganjuran pertandingan MRSM Robo Challenge menjadi platform bagi pemilihan pelajar ke pertandingan robotik di peringkat antarabangsa. MRSM Bentong yang merupakan MRSM Teknikal menawarkan subjek kejuruteraan sebagai subjek wajib bermula dari Tingkatan 1.



Pengajian subjek elektrik dan elektronik di MRSM Bentong, Pahang

vi. **Smart MRSM**

MARA telah mengorak langkah memantapkan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di beberapa buah MRSM terpilih iaitu MRSM Taiping, MRSM Alor Gajah dan MRSM Kota Kinabalu. Melalui penggunaan teknologi, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih bersifat interaktif dan fleksibel.



Penggunaan smart board di dalam kelas

Penggunaan iPad sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran di MRSM Taiping

Kejayaan Pelajar MRSM

i. **Malaysia Technology Expo 2018 (MTE), 22 hingga 24 Februari 2018 bertempat di PWTC**
Dalam pertandingan ini, tiga (3) buah MRSM telah memenangi pingat gangsa dalam kategori Asian Youth Innovation Awards (Junior).



MRSM Bentong
Projek : QA Ruler

MRSM Gemencheh
Projek : Eco Bin

MRSM Tun Abdul Razak
Projek : X Illusions

ii. **Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN 2018) Peringkat Nasional**



MRSM Jeli

- 1. Osama Laden bin Mohd Zaidi
- 2. Izz Dzafran Amzar
- 3. Muhammad Naif Fazirin Mohd Azhar
- 4. Mohammad Rahimy Fitry Ismail (Guru Penasihat)

Kategori : Perekacipta Muda Harta Intelek
Pencapaian : Pingat emas
Hadiah : RM6000.00, piala Organisasi Harta Intelek Dunia (WIPO), piala, dana paten dan sijil

iii. **International Youth Robot Competition (IYRC), Thailand 30 November hingga 1 Disember 2018**



MRSM Muadzam Shah

Muhammad Izzat Nukman bin Nasarudin

Kategori : Humanoid Robot Mission
Pencapaian : Pingat Emas

iv. *Asia Pacific Water Rocket Competition 2018, Singapura, 2 hingga 4 November 2018*



MRSM Kubang Pasu
 Adam Darwisy bin Shahrol Azman
 Tempat Pertandingan : Singapura
 Keputusan Pertandingan : Nombor 3

v. *Grand Final National Science Challenge 2018 pada 13 September 2018*

- a. MRSM Tun Abdul Razak, Pekan telah meraih tempat ke-2 dalam 2018 *National Science Challenge*. Hadiah yang dimenangi merupakan lawatan sambil belajar ke Silicon Valley USA yang ditaja sepenuhnya oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bermula dari 9 hingga 16 Disember 2018. Kumpulan ini turut diiringi oleh Dr. Mohd Hafiz Dzarfan Othman wakil Akademi Sains Malaysia.



MRSM Tun Abdul Razak, Pekan
 1. Farah Adriana Faizal
 2. Nuruladlina Shamsul Kamal
 3. Irfan Roslan
 4. Encik Ismadey Ismail (Guru penasihat)
 Tempat Pertandingan : Dewan Tunku Cancellor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

- b. Luqman Hakim bin Mohd Zaid dari MRSM Kubang Pasu dan Selma Iliana binti Zulrushdi dari MRSM Langkawi serta Tan Sher Lynn dari SMK Sin Min yang mewakili pasukan Kedah Wild Card telah berjaya melayakkan diri ke Jepun di bawah program *Sakura Science Program*.



National Science Challenge 2018
GRAND FINALISTS
 NEGERI SEMBILAN: SMK KING GEORGE V
 PAHANG: MRSM TUN ABDUL RAZAK
 MELAKA: KOLEJ YAYASAN SAAD
 KEDAH: WILD CARD TEAM (SMK SIN MIN (CF), MRSM KUBANG PASU, MRSM LANGKAWI)

vi. *International Robot Olympiad (IRO), Manila, Filipina 14 hingga 19 Disember 2018*



Pingat emas
 Kategori : Kreatif
MRSM Parit
 i. Muhammad Haris Haiqal bin Muhammad Fadli
 ii. Nurul Diyanah Amny binti Zulfikri



Pingat perak
MRSM Kubang Pasu
 i. Muhammad Faiq bin Tajuddin
 ii. Akmal Hakim bin Mahmud



Pingat perak
MRSM Kota Kinabalu
 i. Mohd Hiddan bin Maksan
 ii. Joeyanatas Jona Dapanis



Pingat perak
 Kategori : Robot in Movie
MRSM Sultan Azlan Shah
 i. Muhammad Aisy bin Mohd Hisyam
 ii. Daniele Shaquille bin Adam Craig Jayaprakasam

Program Pembangunan Profesionalisme

Sebanyak 116 kursus dan bengkel telah diadakan melibatkan seramai 3,633 orang guru. Selain meningkatkan ilmu dan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), latihan yang diadakan juga bertujuan untuk membentuk kumpulan pemimpin yang dapat mengamalkan ilmu pengurusan dan kepimpinan yang berkesan. Berikut adalah beberapa pencapaian dalam kalangan guru MRSM yang menjadikan budaya inovasi dan kajian sebagai amalan dalam pekerjaan.



Kemenangan Sempena Hari Inovasi KPLB 2018

Pasukan Kajian Penilaian Outcome (KPO) Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) menerusi tajuk kajian Program Dwisijil SPMRSM IGCSE MRSM Tun Abdul Razak telah memenangi tempat kedua bagi kategori Kajian Penilaian Outcome Terbaik Sempena Anugerah Inovasi KPLB 2018.

Malaysia Technology Expo (MTE) 2018

Tenaga pengajar MRSM Kuala Klawang Encik Mohamad Hafiz bin Ahmad Nasir, Puan Nur Shazrahani binti Kamar dan Puan YM Tengku Husna binti Tengku Abdul Rahman telah memenangi pingat gangsa bagi projek *Mathzania* sempena Malaysia Technology Expo (MTE) 2018.



Unleash Innovation Lab 2018, Singapore

Encik Mohammad Aliff bin Othman, guru Geografi MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens telah menyertai program *Unleash Conference and Innovation Lab 2018* Microsoft untuk *United Nations: 2030 Agenda for Sustainable Development Under the Focus of Quality Education* di Singapura.

Projek Inovasi *Teacher Role Model (TERO)* yang dipertandingkan bersama pasukan beliau telah berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir (*Dragon's Den*) dan telah mendapat pingat gangsa.



BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL

Seiring dengan keperluan industri di Malaysia, kepentingan melahirkan pekerja-pekerja separa mahir dan mahir adalah menjadi keutamaan kewujudan pendidikan berteraskan teknikal dan vokasional. Oleh itu, Bahagian Kemahiran dan Teknikal telah membangunkan modul-modul pendidikan berteraskan teknikal dan vokasional sejak lima (5) dekad yang lalu. Antara institusi pendidikan teknikal di bawah MARA ialah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), MARA Japan Industrial Institute (MJII) dan Institut Kemahiran MARA (IKM). Bermula dengan penubuhan IKM Jasin, Melaka yang telah beroperasi selama lima (5) dekad telah melahirkan modal insan yang mempunyai kompetensi berasaskan industri serta teknosahawan yang berjaya sejajar dengan keperluan negara.



Graduan TVET memenuhi keperluan tenaga kerja sebagai tenaga mahir dan separuh mahir dalam industri masa kini.

Kini, IKM telah berkembang dan mempunyai 14 buah kampus di seluruh negara, manakala program yang berfokus kepada teknologi tinggi dipacu oleh KKTM yang berjumlah 11 buah di seluruh negara. Sehingga 2018, seramai 163,740 orang pelajar telah dilahirkan melalui KKTM, MJII dan IKM.


Inisiatif Akademik

Sebanyak sepuluh (10) inisiatif pembangunan program dan kursus jangka pendek telah dibangunkan sepanjang tahun 2018 dalam mengarusperdanakan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Inisiatif tersebut merangkumi Sistem *Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)*, *Social Learning Concept*, *Industry Revolution 4.0 Curriculum*, *Massive Open Online Courses (MOOCs)*, *English Muet/Band -1-7*, *Diploma of Technopreneurship*, *Articulation for MARA*, *Third Language* dan *Maximising Learning Opportunities*.


Seiring dengan perkembangan semasa arus TVET di Malaysia, teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) ditambah baik dengan mengambil kira keperluan industri. *Industry Based Education and Training (IBET)* diperkenalkan untuk setiap modul silibus di KKTM, MJII dan IKM. Melalui inisiatif ini, para graduan dari KKTM, MJII dan IKM akan memenuhi keperluan industri dan seterusnya mendapat tempat dalam industri.



Prestasi Pengambilan Pelajar dan Pelajar Tamat



Kebolehpasaran Graduan



Ekosistem Keusahawanan

JUMLAH JUALAN

RM11,114,429.05

JUMLAH USAHAWAN

2,051 usahawan teknikal

Melalui program latihan keusahawanan yang diterapkan kepada pelajar IKM dan KKTM, seramai 2,051 usahawan teknikal berjaya dilahirkan dengan jumlah

jualan sebanyak RM11, 114, 429.05. Kejayaan ini memperlihatkan usaha MARA berjaya mewujudkan 'Job Creator' dalam kalangan masyarakat setempat.

Kejayaan Pelajar IKM dan KKTM di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa

1. Geneva Innovation

Nur Fadzreen binti Mohd Awai, pelajar Semester 2 dari KKTM Sri Gading bersama dengan mentor beliau iaitu Encik Zulkefly bin Hamzah telah memenangi *silver medal* dalam pertandingan *International Exhibition of Inventions* di Geneva, Switzerland melalui projek inovasi *Interlocking Eco Brick*.

Selain itu, projek inovasi ini juga menerima Anugerah Khas dari *Egypt Academy of Scientific Research & Technology*.



2. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2018

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2018 telah membuktikan bahawa keunggulan kemahiran yang ada pada pelajar-pelajar KKTM, MJII dan IKM adalah diiktiraf oleh negara.



PINGAT PERAK

- i. **Automotive Technology**
IKM Tan Sri Yahya Ahmad (TSYA)
Pekan, Pahang
Ahmad Hazwan bin Hisham
- ii. **Cabinet Making**
IKM Sungai Petani
Burhanuddin bin Bukhori

PINGAT GANGSA

- Electronics**
Siti Noor Azirah binti Ramlan

3. Pemenang Pingat Emas SUKMA XIX Perak 2018

Nurul Huda binti Khairu Nasir daripada KKTM Kuantan telah menerima Pingat Emas untuk pasukan Pahang di Temasya SUKMA XIX Perak 2018 dalam acara menembak 25m Sports Pistol.



4. International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2018)

ITEX 2018 merupakan pertandingan bertaraf dunia yang disertai oleh 43 buah negara termasuk Malaysia. Pertandingan kali ke-29 bagi tahun ini dianjurkan oleh Persatuan Rekabentuk dan Inovasi Malaysia telah berlangsung di Kuala Lumpur. Peserta daripada KKTM dan IKM telah membawa pulang tiga (3) pingat emas dan satu (1) pingat perak.

PINGAT EMAS

- i. **KKTM Sri Gading (Interlocking Eco-Brick)**
 - Encik Mohd Zulkefly bin Hamzah
 - Encik Noor Haslam Amin bin Sabar
- ii. **KKTM Kuantan (Groove Grinde Kit)**
 - Encik Azli Ihsan bin Yahaya
 - Encik Mohd Rusdi bin Abdullah Hazam
- ii. **KKTM Kemaman (Smart Level Gas Detector)**
 - Encik Shahrizan bin Ahmad Shah
 - Encik Syed Muhamad Hanis Fakhruddin

Penerima pingat emas dari KKTM Sri Gading, KKTM Kuantan, KKTM Kemaman dan penerima pingat gangsa dari KKTM Masjid Tanah bergambar bersama dengan Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA Tuan Haji Mahzan bin Teh.

PINGAT PERAK

- i. **KKTM Masjid Tanah (Roof Tiles for Green Building)**
 - Encik Samsul Anuar bin Sulong
 - Encik Mohd Shahrizan bin Sutan
 - Encik Zailani bin Mohamed



5. **Kemenangan Sempena Hari Inovasi KPLB 2018**



Pasukan Kajian Penilaian Outcome (KPO) Bahagian Kemahiran dan Teknikal menerusi tajuk kajian MARA Petronas 2018 telah mendapat tempat pertama sempena Anugerah Kualiti dan Inovasi Kategori Penilaian Outcome Terbaik sempena Hari Inovasi KPLB 2018

6. **Penganugerahan Asia Pacific Accreditation Certification Commission (APACC)**

MARA Japan Industrial Institute (MJII) telah menjadi pusat pertama yang menerima *Gold Level - Accreditation Status* diikuti KKTU Kuantan yang menerima *anugerah yang sama*. Penganugerahan ini membuktikan MARA amat komited untuk memastikan setiap pusat yang menjalankan program TVET menerima akreditasi di peringkat antarabangsa.

Penganjuran Program Berimpak Tinggi 2018



MJI Robofighto Competition 2018

Penganjuran kali ke-3, *MJI Robofighto Competition 2018* telah diadakan di MARA Japan Industrial Institute (MJII) pada 21-25 Oktober 2018 telah disertai oleh 28 pasukan dari Institusi Pendidikan MARA (IPMA), Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Swasta (IPTS) serta kelab robotik seluruh Malaysia.

Rancangan DO-IT dengan Kerjasama RTM dan MARA

11 episod rancangan *DO-IT* bagi menentang program di IKM dan KKTU yang terpilih. Disiarkan di RTM-TV1 pada jam 7.00 malam untuk tontonan umum.




SALLEHUDDIN BACHOCK@TUNGERANG
Pensyarah Radiologi & Pengajar KKTU Ledang

UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UniKL)

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) diasaskan sebagai salah satu institusi pendidikan di bawah MARA. Ditubuhkan melalui gabungan tujuh (7) institusi kemahiran MARA pada 20 Ogos 2002, UniKL telah melalui perkembangan yang pesat dan menjadi salah satu universiti pilihan di Malaysia.

Kini, UniKL mempunyai tiga belas (13) buah institusi di dua belas (12) buah kampus cawangannya yang terletak di lokasi strategik di seluruh Semenanjung Malaysia. Menyasarkan untuk menjadi salah sebuah universiti terbaik di Asia, UniKL menawarkan persekitaran pembelajaran ijazah dan pascaijazah yang memenuhi potensi akademik dan intelektual para pelajarnya.

Bangunan UniKL Kampus Kota yang menempatkan Canselori, UniKL Malaysian Institute of Information Technology dan Institute of Postgraduate Studies, terletak di kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur manakala sebelas (11) buah lagi kampus cawangan UniKL tersebar dari utara hingga selatan Semenanjung Malaysia dengan setiap kampus mempunyai pengkhususan mereka yang tersendiri berasaskan konsep "Satu Institusi, Satu Pengkhususan".



UniKL sebagai sebuah universiti teknikal dan keusahawanan terkemuka dinegara ini.

Berikut merupakan 13 institusi di Universiti Kuala Lumpur dan bidang pengkhususan mereka:

Bil	Institusi	Bidang Kemahiran
1	Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) di Bangi, Selangor	Penyelenggaraan Automasi & Industri
2	Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL BMI) di Gombak, Selangor	Elektrikal, Elektronik & Telekomunikasi
3	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) di Sepang dan Subang, Selangor	Penerbangan
4	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) di Kulim, Kedah	Automotif
5	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT) di Kuala Lumpur	Teknologi Maklumat, Animasi dan Multimedia
6	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET) di Taboh Naning, Melaka	Teknologi Makanan, Kimia & Teknologi Bio
7	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET) di Lumut, Perak	Teknologi Marin
8	Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) di Ipoh, Perak	Perubatan & Sains Kesihatan Bersekutu
9	Universiti Kuala Lumpur Malaysia Italy Design Institute (UniKL MIDI) di Cheras, Kuala Lumpur	Rekabentuk Produk & Ketepatan Pembuatan
10	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC) di Pasir Gudang, Johor	Kejuruteraan Kualiti & Logistik Perindustrian
11	Universiti Kuala Lumpur Institute of Medical Science Technology (UniKL MESTECH) di Kajang, Selangor	Teknologi Sains Perubatan
12	Universiti Kuala Lumpur Business School (UniKL Business School) di Kuala Lumpur	Perakaunan, Keusahawanan & Kewangan Islam
13	Institute of Postgraduate Studies (IPS) di Kuala Lumpur	Pasca Ijazah


Inisiatif UniKL

i. Perantis Genesis

Program Genesis merupakan inisiatif UniKL dalam membangunkan usahawan siswa secara sistematik menggunakan pendekatan berstruktur dalam tempoh empat (4) tahun iaitu seawal tahun pertama pengajian di UniKL sehingga tamat pengajian. Proses latihan pembangunan usahawan ini meliputi ujian profiling, ujian kecenderungan keusahawanan, penglibatan dalam *Student Entrepreneurship Association* (SEA) serta penglibatan berkala dalam empat (4) elemen utama iaitu *Business Training* (BT), *Business Discourse* (BD), *Business Practice* (BP) dan *Business Challenge* (BC). Program ini membentuk ekosistem keusahawanan yang komprehensif dalam membina kecenderungan, minat, tekad dan aspirasi pelajar untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka. Seramai 1,059 usahawan telah dilahirkan menerusi program ini berbanding 1,000 orang sasaran yang ditetapkan.

ii. Stadium Tengku Abdullah, Mercu Tanda Sukan UniKL

Pada 20 Ogos 2018, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) telah meraikan Sambutan Ulang Tahun penubuhannya dengan perasmian Stadium Tengku Abdullah di kampus Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute di Bangi, Selangor. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah iaitu Tuanku Canselor UniKL. Stadium ini akan menjadi gelanggang baharu bagi pasukan hoki UniKL kelak. Mengambil masa selama tiga (3) tahun untuk siap dibina, stadium ini mampu memuatkan seramai 800 orang pada satu-satu masa.



YBhg. Prof Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif, KDYMM Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah, Dato' Azhar Abdul Manaf dan Datuk Seri Rina Mohd Harun bergambar bersama-sama pemain hoki UniKL

iii. UniKL Raikan Graduan

Majlis Konvokesyen Universiti Kuala Lumpur kali ke-15 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang pada 13 hingga 16 Oktober 2018 di Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Tuanku Canselor UniKL semasa sesi utama majlis ini. Majlis konvokesyen ini juga turut mencatatkan sejarahnya yang tersendiri dengan menyaksikan kehadiran Pro-Canselor wanita buat pertama kali dalam sejarah UniKL iaitu YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan YBhg. Dr. Hasnita Dato' Hashim, Pengerusi MARA. Majlis konvokesyen ini meraikan kejayaan seramai 7,867 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing di UniKL.



YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar merangkap Pro-Canselor UniKL menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam kepada Noor Ezzerine Ayob graduan UniKL Business School

iv. UniKL Genggam Anugerah Putra Brand

Jenama Universiti Kuala Lumpur terus cemerlang dan ini terbukti dengan kejayaan UniKL menerima Anugerah *Putra Brand* 2018 bagi kategori Pendidikan dan Pembelajaran dalam satu majlis yang berlangsung pada 27 Oktober 2018. Anugerah ini merupakan pengiktirafan dan bukti kepada reputasi jenama UniKL yang semakin kukuh dalam bidang pendidikan dan seterusnya menjadikan UniKL antara universiti pilihan utama di Malaysia.



YBhg. Prof Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur menerima Anugerah *Putra Brand* 2018 (Kategori Pendidikan dan Pembelajaran)

v. Mahasiswa UniKL sertai Askar Wataniah

Seramai 100 orang mahasiswa Universiti Kuala Lumpur dari kampus cawangan di Selangor iaitu UniKL MFI, UniKL BMI, UniKL MESTECH, UniKL MIAT dan 20 orang warga kerja UniKL telah mendaftar untuk pengambilan pertama anggota askar wataniah. Majlis pendaftaran ini telah berlangsung pada 12 Disember 2018 bertempat di UniKL MFI. Pengambilan anggota askar wataniah ini amat penting dalam usaha melahirkan graduan yang memiliki ciri-ciri kepimpinan dan sahsiah yang cemerlang.



YBhg. Prof Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur dan Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dr. Mohd Radzi Abdul Hamid, Panglima 11 Briged, Infantri Malaysia bergambar bersama-sama warga UniKL, pegawai dan anggota serta peserta pengambilan pertama anggota askar wataniah

vi. UniKL Lahirkan Atlet Pintar

Universiti Kuala Lumpur telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Sukan Negara dengan menandatangani Memorandum Persefahaman demi kebajikan para atlit negara. Kerjasama strategik ini adalah untuk mewujudkan lebih ramai *thinking athletes* yang cemerlang dalam sukan dan pelajaran seterusnya membawa prestasi sukan negara ke peringkat lebih tinggi. Majlis memeterai kerjasama tersebut telah disaksikan oleh YB Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman Menteri Belia dan Sukan pada 19 Disember 2018 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Melalui memorandum ini, UniKL akan menawarkan syarat kemasukan yang lebih fleksibel kepada atlet dan bekas atlet untuk menyertai program akademik yang ditawarkan UniKL.

YB Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan dan YBhg. Prof Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur bersama dengan Pengurusan UniKL dan tetamu yang turut hadir pada majlis tersebut



vii. UniKL hantar Ketua Pakar ke 1st Worldskills Asia – Abu Dhabi 2018

Dua (2) spesialis kanan Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) telah dilantik sebagai Ketua Pakar bagi 1st Worldskills Asia – Abu Dhabi 2018 pada 27 hingga 29 November 2018 yang lalu. Mereka ialah Encik Mohd Zaki bin Mohamed, Ketua Seksyen (Penyaman Udara dan Penyejukbekuan) dan Puan Junita binti Mohd Said, Ketua Unit Inovasi dan Penyelidikan. Pengiktirafan dan kejayaan ini membuktikan bahawa UniKL memiliki tenaga pengajar berkepakaran tinggi selain memiliki program-program yang berkualiti serta mampu melahirkan graduan berkemahiran tinggi. Kejayaan ini turut mengukuhkan peranan UniKL yang luar biasa dalam pendidikan HTVET tempatan dan peringkat global.



(Berdiri dari kiri) Haziq Fauzi Abdul Jalil, Encik Mohd Zaki Mohamed, Puan Junita Mohd Said dan Megat Muhammad Nurhan Munir ketika di 1st Worldskills Asia - Abu Dhabi 2018

GIATMARA

GIATMARA merupakan institusi latihan kemahiran di peringkat akar umbi yang bermula di GIATMARA Jitra sejak tahun 1986. GIATMARA sentiasa fokus menyediakan pelbagai tahap latihan kemahiran kepada belia-belia di bandar dan di luar bandar sebagai persediaan melahirkan tenaga kerja mahir dan usahawan teknikal seterusnya memenuhi keperluan industri semasa dalam menyokong ekonomi serta keusahawanan di daerah setempat dan di dalam negara menjadikan GIATMARA terus relevan dan unggul.

Konsep latihan kemahiran yang menjadikan GIATMARA sentiasa kompetitif adalah melalui kaedah *hands-on* 80:20 berbanding dengan teori. Selain itu, objektif latihan kemahiran GIATMARA diperluas agar dapat mewujudkan usahawan teknikal menggunakan konsep *conversion from technical to entrepreneur*. Sehingga kini, seramai 15,699 orang usahawan berjaya dilahirkan.

GIATMARA juga sentiasa prihatin dalam melaksanakan tanggungjawab sosial (CSR) yang meletakkan keutamaan kepada komuniti untuk menambah pengetahuan dan kemahiran serta membantu meningkatkan pendapatan. Projek berasaskan komuniti seperti pembinaan dan baik pulih rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan penyelenggaraan pendawaian elektrik sekolah tahfiz di seluruh Malaysia masih diberikan tanggungjawab kepada GIATMARA sebagai manfaat kepada kesejahteraan serta kepentingan masyarakat dan organisasi.



KEMAHIRAN MENJAMIN KEHIDUPAN

PROGRAM SEPENUH MASA
 PELATIH BAHARU • 16,479
 PELAJAR TAMAT • 14,231
PROGRAM VOKADEMIK • 3

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT & SKILL TO SOCIETY
 Pelatih • 2,762



20 Program




458 pelatih



250 program



187 pelatih



Program Khas GIATMARA

1. Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, taraf hidup keluarga miskin dan miskin tegar dengan menyediakan tempat kediaman yang lebih berkualiti, selamat dan selesa. Skop bantuan adalah melibatkan bantuan bina baru yang diberi kepada peserta yang tidak mempunyai rumah atau kediaman yang terlalu uzur, tidak selamat diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Bagi tahun 2018, sebanyak 785 buah/unit rumah telah dibina agar masyarakat menerima manfaat di bawah skop bantuan ini. Sebanyak 4,521 unit rumah telah dibaik pulih menerusi skop bantuan baik pulih rumah kepada penerima yang mempunyai rumah uzur.



2. Projek Selenggaraan Pendawaian dan Baik Pulih Sekolah Tahfiz



Rentetan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, GIATMARA telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Projek Selenggaraan Pendawaian dan Baik Pulih Sekolah Tahfiz. Bagi tahun 2018, projek ini melibatkan 609 unit sekolah tahfiz yang berdaftar dengan pembabit pasukan yang terdiri daripada tenaga pengajar dan pelatih-pelatih GIATMARA dalam bidang Pendawaian Elektrik.

Kejayaan Pelajar GIATMARA

1. Pertandingan *Worldskills Malaysia Belia (WSMB) & Worldskills Malaysia Pengajar 2018*



Pertandingan WSMB dan WSMP 2018 telah diadakan pada 24 September hingga 2 Oktober 2018 di Pusat Latihan CIAST Shah Alam dan Akademi Binaan Malaysia Utara Sintok, Kedah. Dalam pertandingan tersebut, GIATMARA telah menghantar seramai tiga puluh tujuh (37) orang peserta bagi menyertai enam belas (16) bidang kemahiran yang telah dikenal pasti. Dalam edisi pertandingan akhir kali ini, GIATMARA telah berjaya memperoleh dua (2) pingat perak, lima (5) gangsa dan tujuh belas (17) pingat kecemerlangan.

2. *ASEAN Skills Competition, Bangkok*



ASEAN Skills Competition (ASC) 2018 telah diadakan pada 30 Oktober hingga 4 September 2018 di IMPACT Muang Thong Thani. Dalam pertandingan kali ke-12 ini, Malaysia telah menghantar seramai empat puluh lapan (48) orang peserta bagi menyertai dua puluh empat (24) bidang kemahiran yang telah dikenal pasti. Dalam edisi pertandingan kali ini, Malaysia telah berjaya memperoleh empat (4) pingat emas diikuti satu (1) perak, lima (5) gangsa dan dua puluh satu (21) pingat kecemerlangan serta menduduki tempat ke-4 secara keseluruhan daripada sepuluh (10) negara yang bertanding.

3. *Worldskills Asia (WSA), Abu Dhabi*



Malaysia telah menyertai pertandingan kemahiran peringkat rantau Asia iaitu *WorldSkills Asia (WSA)* yang diadakan bermula 26 hingga 30 November 2018. Peserta dari Malaysia telah memperoleh pingat emas iaitu Haziq Fauzi Abdul Jalil (UniKL-MFI dan GIATMARA), Mohamad Amrol Amin Mohamad Zamri (Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan) dan Mohamad Ridwan Wahid (IKTBN Dusun Tua). Peserta yang memperoleh pingat perak pula ialah Hanafi Osman (GIATMARA Saratok), Megat Muhammad Nurhan Munir (UniKL-MFI) dan Ahmad Naim Mohamad Rosli (Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sarawak).

GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE


German-Malaysian Institute (GMI) ditubuhkan pada September 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. GMI bermula sebagai sebuah projek usaha sama antara Kerajaan Malaysia dan Jerman. Matlamat penubuhan GMI adalah untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi menerusi pendidikan dan latihan yang holistik (syumul) kepada keperluan perindustrian negara berpandukan konsep pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET). Sejar dengan peralihan dunia kepada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), GMI turut menyesuaikan keperluan pembelajarannya kearah *IR4.0 Ready*.

GMI menawarkan program latihan berteknologi tinggi bersesuaian dengan kemajuan sektor industri pembuatan, pengilangan dan perkhidmatan. GMI merupakan satu-satunya institusi yang menawarkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda kepada lebih 260 rangkaian *Universities of Applied Science (UAS)* di Jerman menerusi program *German A-Level Preparatory Program (GAPP)*.

Pada tahun 2010, GMI telah memelopori konsep pembelajaran *Problem, Project and Production Based Learning (Pro3BL)* dan menerapkan dalam program diploma sepenuh masa dan persediaan A-Level untuk melahirkan individu terlatih bagi abad ke-21 yang mempunyai ciri-ciri seperti kebolehan berkomunikasi, berkolaboratif, berfikir kritis dan berkemampuan menyelesaikan permasalahan. GMI menawarkan kursus sepenuh masa dan penawaran kursus pengajian sepanjang hayat menerusi kursus teknikal (jangka pendek), kursus *train the trainer*, kursus pembangunan kurikulum dan kursus berkaitan konsep PRO3BL.



GMI melahirkan graduan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan industri melalui pendidikan teknikal dan latihan vokasional.



Aktiviti dan Pencapaian GMI 2018

1. Perjanjian Persefahaman GMI Bersama Politeknik Aceh pada 11 Mei 2018

Perjanjian persefahaman kerjasama telah dimeterai dalam mempromosikan pengembangan sumber daya manusia melalui pembangunan latihan dan perkongsian fasiliti peralatan teknikal bersama dengan Politeknik Aceh.



Kerjasama ini membantu membangunkan semula Politeknik Aceh

2. Perjanjian Persefahaman Bersama Seiko Sdn Bhd pada 16 Mei 2018

GMI dan Syarikat Seiko System Sdn. Bhd telah melaksanakan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan terutama dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Seiko System ialah pengedar tunggal di Malaysia untuk KNX System iaitu perisian yang digunakan dalam sistem automasi bangunan.



Kerjasama GMI dan pihak industri membolehkan pelajar mempelajari teknologi terkini berdasarkan kehendak industri.

3. Perjanjian Persefahaman GMI dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada 15 November 2018

Perjanjian Persefahaman antara GMI bersama UTP telah dilaksanakan bagi membolehkan pelajar GMI menyambung pengajian mereka di UTP untuk menjamin keperluan dan permintaan tinggi dalam pasaran kerja. Di samping itu aktiviti lain seperti pertukaran kepakaran, pemindahan teknologi menerusi latihan kemahiran dan kerjasama dalam projek komersial dan penyelidikan turut dilaksanakan bersama UTP.



Kerjasama ini membolehkan pelajar GMI melanjutkan pengajian di peringkat tinggi di Universiti Teknologi Petronas (UTP).

4. Seminar Digitalization of Manufacturing Operations – Industry 4.0 Readiness dan Perjanjian Persefahaman bersama Hitachi Sunway pada 28 November 2018


Melalui perjanjian ini, Hitachi Sunway telah menyumbang sebanyak 25 lesen pembelajaran Moldex 3D yang meliputi demonstrasi, self-learning dan latihan yang akan digunakan dalam modul pembelajaran manakala GMI menyediakan infrastruktur dan komputer untuk pemasangan perisian dan pengoperasian sistem ini.




Kerjasama ini membolehkan pelajar menggunakan modul terkini dalam pembelajaran.

BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI

Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA menyediakan peluang untuk membangunkan modal insan berteraskan nilai murni, berkemahiran dan berpengetahuan yang berorientasikan keusahawanan. Visi BPT adalah untuk menjadi pelopor program pendidikan tinggi (akademik, teknologi, kemahiran) yang berkualiti dan relevan dengan keperluan industri ke arah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). BPT menawarkan program pengajian ijazah, separa profesional dan prauniversiti yang menjadi pilihan utama pelajar bumiputera. Institusi Pendidikan Tinggi MARA di bawah seliaan BPT adalah seperti berikut:



- Kolej MARA (KM) menawarkan program prauniversiti sebagai persediaan pelajar untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti tempatan dan di luar negara melalui program *International Baccalaureate*, A-Level, Matrikulasi dan *Foundation* melalui kerjasama dengan universiti awam dan swasta. Program di Kolej MARA dikhususkan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM.
- Kolej Profesional MARA (KPM) pula menyediakan peluang pendidikan profesional dan separa profesional dalam bidang Perniagaan, Perakaunan, Teknologi Maklumat, *Agro-Business*, Logistik, Pengurusan dan Kejuruteraan Teknologi bagi menambah bilangan guna tenaga bumiputera.



Kecemerlangan Akademik

- i. **Peperiksaan *Financial Accounting 1* ACCA**
Keputusan bagi peperiksaan *Financial Accounting 1* ACCA tahun 2017 pada peringkat antarabangsa telah mencatatkan pencapaian cemerlang kepada dua orang pelajar program *Certified Accounting Technician (CAT)*, KPM Ayer Molek. Pelajar tersebut telah menerima sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah RM500 daripada pihak ACCA.



- i. Nor Athira binti Othman (kiri)- tempat pertama di Malaysia dan tempat kedua di dunia bagi kertas *Management Information*
ii. Fakhira Shahira binti Zulkifli (kanan)- tempat pertama di Malaysia dan di seluruh dunia bagi kertas *Recording Financial Transaction*

Pemeriksaan Personaliti Unggul Siswa



Kejayaan dalam Bidang Inovasi

- i. ***National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx' 18)***
Tempat : Dewan Wawasan, Jitra, Kedah
Tarikh : 22 - 23 Mac 2018
Penganjur : Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah
Anugerah : *Gold Award* - *WFC Water Purifier* (KM Kulim)
Silver Award - *Tablero* (KPM Bandar Penawar)
Eco Ceiling (KPM Bandar Penawar)
Spongeable (KPM Bandar Penawar)



Pelajar Kolej MARA Kulim dan KPM Bandar Penawar telah memenangi pingat emas dan pingat perak

- ii. **Pertandingan I-EnVEX 2018**
Tempat : Dewan UniMAP, Perlis
Tarikh : 13 - 15 April 2018
Penganjur : *ENVEX Young Researcher Club (EYReC)* Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); *Malaysian Research & Innovation Society (MyRIS)*
Perasmi : Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail Raja Muda Perlis
Anugerah : *Korean Inventors Award* (Anugerah Khas) - *Hairpunzel* (KM Kuala Nerang)
Double Gold Award - *Hairpunzel* (KM Kuala Nerang)
Gold Award - *Moontime Tea* (KM Kuala Nerang)
Smart Peltier (KM Kuala Nerang)
Smart Push (KM Kuala Nerang)
Drag-O-Source (KM Kuala Nerang)
Sertu Soup (KM Kulim)
Boostbites (KM Kuala Nerang)
- Silver Award*



Majlis penyampaian hadiah *Korean Invention Special Award* dan pasukan I-Invex 2018 Kolej MARA Kuala Nerang

iii. **Apprentice Innovation & Research Exhibition (AIREx 2018)**

Tempat : Khatulistiwa Hall, UniKL MIMET, Perak
 Tarikh : 17 – 18 April 2018
 Penganjur : Seksyen Penyelidikan dan Inovasi UniKL MIMET
 Anugerah : *Gold Award* - *My Wall Cladding* (KM Kulim)
 Silver Award - *The Amazing RHA* (KM Kulim)
 - *Seehart Cookies* (KM Kuala Nerang)
 Bronze Award - *Heal Tea* (KM Kuala Nerang)



Inovasi *Heal Tea* daripada KM Kuala Nerang




Pelajar KM Kuala Nerang bersama sijil dan pingat yang dimenangi yang dimenangi

KOLEJ POLY-TECH MARA

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), pada asalnya dikenali sebagai Kolej Yayasan Pelajaran MARA (KYPM) adalah institusi pengajian tinggi swasta di bawah Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta Tahun 1996 (Akta 555). KPTM menawarkan pelbagai peluang pendidikan dalam pelbagai bidang seperti Teknologi Maklumat, Sains Komputer, Sains Kesihatan, Sains Sosial, Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Kejuruteraan, Kemanusiaan dan Bio-Industri. KPTM kini mempunyai satu (1) kolej universiti, lapan (8) kampus cawangan dan satu (1) akademi keusahawanan iaitu:

1. Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTM KL) - yang dinaik taraf dari Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur mulai Oktober 2015
2. Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Pahang
3. Kolej Poly-Tech MARA Bangi, Selangor
4. Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu, Kelantan
5. Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar, Kedah
6. Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak
7. Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat, Johor
8. Kolej Poly-Tech MARA Semporna, Sabah
9. Kolej Poly-Tech MARA Kesedar, Gua Musang, Kelantan
10. Akademi Keusahawanan KPTM Bera, Pahang



Pengiktirafan dan Kejayaan



Pensijilan ISO 9001: 2015

Pada 6 Disember 2018, Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd (KPTM) telah ditauliahkan Sijil ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM kepada semua kampus cawangan dan Ibu Pejabat KPTM.



Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Approved Learning Partner (ALP) Gold Status

KUPTM berjaya mengekalkan pengiktirafan Approved Learning Partner (ALP) berstatus gold 2018 oleh ACCA bagi tahun 2018.



Pensijilan ISO 9001: 2015

Pada 6 Disember 2018, Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd (KPTM) telah ditauliahkan Sijil ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM kepada semua kampus cawangan dan Ibu Pejabat KPTM.

UniMARA

UNIMARA Sdn. Bhd (UMSB) merupakan anak syarikat MARA yang berdaftar pada 29 Februari 2016 bertujuan untuk menguruskan Universiti Majlis Amanah Rakyat (UniMARA) yang telah diluluskan penubuhannya pada 14 Disember 2017. Objektif penubuhan UniMARA adalah untuk melengkapkan ekosistem pendidikan MARA dengan meningkatkan jumlah profesional berdaftar seperti jurutera, akauntan, arkitek dan lain-lain bagi melahirkan pemimpin dalam bidang keusahawanan, korporat, perkhidmatan awam dan politik.

Pada tahun 2018, UMSB telah melaksanakan beberapa program jangka pendek kepada peserta-peserta dalam dan luar negara. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh 2018	Bilangan Peserta	Tempat
1	Leadership Development Program in Collaboration with Sri Lanka Institute of Development Administration (SLIDA)	Ogos - Nov (6 kali)	282 orang	Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka, Putrajaya
2	Program Persediaan Jurutera Profesional (Ir)	Apr (1 kali)	20 orang	Hotel D'Palma Ampang
3	Graduate Employability Training Scheme (GETS)	Sep - Dis (3 kali)	75 orang	UniMARA
4	Authorised Entrant Standby Person (AESP)	Okt - Dis (2 kali)	45 orang	Indah Water Training Centre
5	MikroTik Certified Network Assistant (MTCNA)	Okt (1 kali)	8 orang	MARA Japan Industrial Institute
6	Pembangunan Kompetensi Jurutera Profesional (Ir)	Jan - Sep (1 kali)	3 orang	MARA

UMSB telah banyak membantu meningkatkan kompetensi individu dalam dan luar organisasi MARA melalui program-program pensijilan profesional seperti GETS, AESP, MTCNA dan Ir. Selain itu, kerjasama erat antara UMSB dengan SLIDA dari program yang dijalankan pada tahun 2017 diteruskan dengan enam (6) sesi lawatan yang melibatkan 282 orang pegawai kanan kerajaan Sri Lanka.



Program Persediaan Jurutera Profesional UniMARA

Program GETS-UniMARA-TEC 2018

BAHAGIAN PENGANJURAN PELAJARAN

Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP) memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja kompeten dan pelajar bumiputera cemerlang. Selaras dengan itu, BPP menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran dalam pelbagai peringkat pengajian bagi memastikan golongan bumiputera cemerlang berpeluang menyambung pendidikan tertiar di Universiti Awam (UA) atau Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terkemuka di dalam dan di luar negara. Usaha ini bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pelbagai sektor dan industri negara.



Jumlah Pelajar Baharu Mengikut Peringkat Pengajian Bagi Tahun 2018 dan 2017

Bil	Peringkat Pengajian	Bilangan Pelajar Baharu	
		2018	2017
1	Pra-U (MRSM)	-	-
2	Pra-U	959	635
3	Diploma	5,085	3,508
4	Diploma Lanjutan	-	-
5	Ijazah	3,161	4,242
6	Sarjana	82	98
7	PhD	25	29
8	Profesional	124	475
9	Meister	-	-
10	Doktor Pakar	-	1
Jumlah Pelajar		9,436	8,988

Jumlah Pelajar Tajaan MARA Keseluruhan (Baharu dan Sedia ada) Mengikut Peringkat Pengajian Bagi Tahun 2018 dan 2017

Bil	Peringkat Pengajian	2018		2017	
		Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
1	Pra-U (MRSM)	-	-	-	-
2	Pra-U	1,509	-	1,049	-
3	Diploma	15,123	13	21,074	19
4	Diploma Lanjutan	-	-	-	-
5	Ijazah	30,600	7,219	27,799	7,796
6	Sarjana	324	186	276	173
7	PhD	156	361	245	468
8	Profesional	1,401	60	1,583	53
9	Meister	-	2	-	2
10	Doktor Pakar	2	1	3	2
Jumlah Pelajar		49,115	7,842	52,029	8,513
Jumlah Keseluruhan		56,957		60,542	

Jumlah Pelajar Tajaan MARA mengikut Bidang Pengajian Tahun 2018 berbanding Tahun 2017

Bil	Bidang Pengajian	Bilangan Pelajar	
		2018	2017
1	Doktor Pakar	2	3
2	Kejuruteraan	22,340	22,720
3	Matematik, Perangkaan dan Sains Komputer	2,510	3,200
4	Meister	2	2
5	Pendidikan	974	909
6	Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang	11,260	12,141
7	Penilaian dan Penyelidikan	4	3
8	Perakaunan	3,875	4,464
9	Pra-U	1,509	1,049
10	Sains dan Sains Pertanian	6,418	6,488
11	Sains Perubatan	5,126	5,628
12	Sastera dan Kemanusiaan	2,604	3,506
13	Senibina dan Perancangan	333	429
Jumlah Pelajar		56,957	60,542

Kejayaan Pelajar Tajaan MARA



Anugerah Valedictorian (Pelajar Terbaik) Keseluruhan (Mumtaz @ Excellent - High Honour) Sempena Majlis Graduasi Fakulti Perubatan Universiti Iskandariah Batch 2018

Majlis Graduasi Fakulti Perubatan Universiti Iskandariah Batch 2018 (Phylox) di Bibliotheca Alexandria semasa pelajar tajaan MARA iaitu Farah Syairah binti Hussin telah dinobatkan sebagai Valedictorian (Pelajar Terbaik) keseluruhan dengan mendapat CGPA 3.864 (Mumtaz @ Excellent - High Honour).

Anugerah Perdana Scholar

Maryam Balqis binti Abdul Rashid telah menerima anugerah Perdana Scholar di bawah kategori Anugerah Kecemerlangan Akademik dengan memperoleh (CGPA: 4.00) dalam bidang pengajian Bachelor of Arts in Sustainability Institute dari Arizona State University.



27th Korean Speech Contest for Foreigners, EWha Womans University

Nik Nur'aliya Qistina binti Nik Mohd Zailani (Batch 7) mendapat tempat ke-3 bagi kategori Advance Level

Kebolehpasaran Graduan

Beberapa inisiatif proaktif dan penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memastikan kebolehpasaran graduan tajaan MARA melalui penghantaran pelajar ke universiti terkemuka di dalam dan di luar negara yang tersenarai di bawah *QS World Ranking Top Universities/Times Higher Education* yang diiktiraf oleh MQA dan JPA serta badan-badan profesional yang berkaitan seperti Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Malaysia Medical Council (MMC), Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Bagi merapatkan jurang antara industri dengan pelajar (*bridging the gap*), MARA memfokuskan hubungan dan kerjasama rapat bersama dengan industri dan penerapan nilai-nilai murni bagi menghasilkan modal insan yang berintegriti dan berakhlak mulia.

1. Program Jaminan Kerjaya (*Job Guaranteed Program*)

MARA telah berkolaborasi dengan Malaysia Aviation Group (MAG) bagi Program Jaminan Kerjaya (*Job Guaranteed Program*) yang menjurus kepada berpendapatan tinggi dalam bidang aeroangkasa. Program kerjasama ini merupakan platform yang pantas iaitu pelajar yang terpilih sebagai *Cadet Pilot* akan mendapat jaminan peluang pekerjaan dengan Malaysia Airlines Berhad. Melalui program ini, MARA telah menawarkan pinjaman kepada 23 orang pelajar bagi tempoh pengajian selama dua (2) tahun melibatkan peruntukan sebanyak RM7.59 juta.

2. Program Perantisan Profesional (*Professional Apprenticeship Program*)

MARA juga menawarkan program Perantisan Profesional Penyelenggaraan Pesawat DCAM Part-66 iaitu Lesen Jurutera Penyelenggaraan Kapal Udara Tanpa Pengkhususan Jenis Pesawat atau *Aircraft Maintenance Engineer's Licence Without Type Rating (Part 66 Category B1.1)*. Program ini merupakan kolaborasi antara UniKL MIAT dengan Asia Aerotechnic (AAT) Sdn. Bhd., sebuah syarikat komersial milik MARA dalam bidang selenggaraan kapal terbang. Sepuluh (10) orang pelajar telah terpilih untuk mengikuti program ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM593 ribu.

3. MoU MARA bersama dengan *Malaysia Aviation Group (MAG)*

MARA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Malaysia Aviation Group (MAG)* bagi menyediakan sokongan pembiayaan untuk juruterbang kadet menerusi program latihan juruterbang kadet MAG. Usahasama ini memberi peluang kepada MARA untuk membangun dan mendidik generasi baharu juruterbang kadet dan memberi jaminan peluang pekerjaan dengan syarikat penerbangan kumpulan itu selepas tamat latihan.



Usahasama ini memberi jaminan peluang pekerjaan kepada juruterbang kadet.

BAHAGIAN TEKNOLOGI KREATIF DAN MULTIMEDIA

Bahagian Teknologi Kreatif & Multimedia (BTKM), merupakan bahagian yang bertanggungjawab menerajui penggunaan teknologi kreatif dan multimedia yang dapat menambah nilai kepada aktiviti-aktiviti organisasi melalui empat (4) teras strategik. Teras strategik tersebut adalah perkhidmatan liputan media produksi dan multimedia, perkhidmatan pakar dalam rekabentuk kreatif, menyokong dan memudahcara proses pemerolehan pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat dan memupuk budaya penggunaan teknologi digital dalam pendidikan secara menyeluruh.

1. Program Penerapan Kemahiran Pengajaran & Pembelajaran Abad ke-21 (21st Century Learning & Design)

Matlamat utama program ini adalah untuk membudayakan kaedah pembelajaran abad ke-21. Pelajar berpeluang untuk membina pengetahuan dalam bentuk digital, berkongsi maklumat bersama dengan rakan-rakan dan bekerjasama dalam membentuk maklumat digital. Program ini telah dilaksanakan di 12 buah pusat di seluruh Malaysia yang melibatkan seramai 430 orang pelajar yang terdiri dari pelajar Tingkatan 3, 4 dan 5.



Program ini membolehkan pelajar menggunakan aplikasi digital dalam pembelajaran.

2. Program Microsoft Innovative Educator (MIE) Expert

Seramai empat (4) orang guru MRSM telah terpilih ke peringkat akhir dan dua pendidik telah terpilih untuk mewakili Malaysia dan MARA ke *Microsoft Global Education Exchange (E2) 2018* di Singapura. Mereka ialah guru Sains Komputer, Puan Nur Hayati binti Shahrome dari MRSM Kuala Kubu Baru (*Microsoft Innovative Educator Expert*) dan Puan Wan Juliana binti Wan Asharuddin dari Bahagian Teknologi Kreatif dan Multimedia (*Microsoft Innovative Educator Fellow*). Seramai 300 orang pendidik global telah menyertai persidangan tahunan ini. Puan Wan Juliana telah memenangi cabaran berkumpulan *Educator Challenge* dengan menjadi jurulatih (*coach*) pasukan yang memenangi kategori *Decomposition (2nd runner-up)* manakala Puan Nur Hayati telah berjaya mendapatkan sijil *Microsoft Certified Educator (MCE)* pada majlis berprestij itu.



Program ini menjadikan tenaga pengajar MARA menimba pengalaman di peringkat antarabangsa.



Penerapan 21st Century Learning Design (CLD) dalam kalangan tenaga pengajar IPMA

Di peringkat MARA, sesi perkongsian mengenai 21st CLD dan penggunaan Microsoft 365 dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) telah diadakan di KKTM Petaling Jaya, MRSM Bentong, MRSM Sungai Besar dan MRSM Kuching. Sesi *benchmarking* juga telah diadakan di MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens bersempena dengan rakaman oleh pihak *Microsoft* mengenai penggunaan *Minecraft Education Edition* dalam proses PdPC yang diamalkan di MRSM. Latihan secara berpusat iaitu Bengkel Penerapan 21st Century Learning Design (CLD) bersama dengan tenaga pengajar IPMA telah diadakan bagi memberi pendedahan mengenai 21st CLD dan penggunaan *Microsoft 365* dalam proses PdPC.

3. 21st Century Learning Design for Early Childhood



Pendedahan penggunaan teknologi dan penerapan pendekatan 21st CLD dalam kalangan pelajar di Taska dan Tadika MARA

21st Century Learning Design for Early Childhood merupakan program untuk meningkatkan kompetensi penggunaan teknologi dan penerapan pendekatan 21st CLD dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Taska dan Tadika MARA. Program ini telah berjaya dilaksanakan sepanjang tempoh Mac hingga Oktober 2018. Aktiviti utama program ini adalah pendigitalan rancangan pengajaran, pendigitalan modul subjek, latihan guru dan pemantauan oleh pegawai BTKM.

Perkhidmatan Reka Bentuk Grafik & Media Produksi

Salah satu perkhidmatan utama di BTKM adalah perkhidmatan reka bentuk grafik dan media produksi yang diberikan kepada organisasi sebagai nilai tambah kepada sistem penyampaian yang lebih berkualiti dan berkesan. Sepanjang tahun 2018, BTKM telah menyalurkan perkhidmatan ini melebihi bilangan sasaran yang telah ditetapkan dan dapat menjimatkan kos operasi sebanyak RM1,966,900.00 jika dibandingkan kos pembayaran perkhidmatan secara *outsourc*e.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah bilangan perkhidmatan yang disediakan oleh BTKM sepanjang tahun 2018 :

Perkhidmatan	Sasaran	Pencapaian
Audio Visual	420	444
Reka Bentuk Grafik	260	275

a. Penghasilan Audio & Video – sebanyak 32 sesi



Sesi rakaman suara dan penghasilan video

b. Live Feed & Live Stream – sebanyak 36 sesi



Sesi rakaman langsung di sekitar program MARA

c. Fotografi – sebanyak 194 sesi



Sesi fotografi sepanjang program MARA

d. Perkhidmatan Reka bentuk Grafik sebanyak 275 reka bentuk meliputi penghasilan *digital backdrop*, bunting, kad ucapan, atur cara, *portal slider* & *post*



Salah satu penerbitan poster di laman web MARA

e. Penerbitan Korporat

- i. Berita Pendidik - 5 edisi
- ii. Buletin MKC - 4 keluaran
- iii. Creative Design Digest - 2 keluaran



2020



**SEKTOR
PELABURAN**

SEKTOR PELABURAN MARA

Bil	Inisiatif	Sasaran 2018	Pencapaian 2018	Peratus (%)
1.	Pendapatan oleh Syarikat MARA	RM1.4 billion	RM1.30 billion	93.2%
2.	Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Syarikat MARA	RM45 juta	(RM73.8 juta)	-164.0%
3.	Terimaan Dividen daripada Syarikat MARA	RM8 juta	RM12.33 juta	154.1%
4.	Obligasi Sosial	RM3 juta	RM3.1 juta	103.3%
5.	Peningkatan Kutipan Pembiayaan	RM793 juta	RM813.3 juta	102%

Sektor Pelaburan memfokuskan kepada dua (2) agenda utama Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) iaitu memantapkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat dan memperkukuhkan pemilikan aset bukan kewangan. Sektor Pelaburan juga turut melaksanakan usaha untuk memperkukuhkan operasi perniagaan Syarikat MARA dengan memberi fokus kepada aktiviti utama syarikat, meneroka dalam bidang baharu yang berbentuk *demand driven* dan berteknologi tinggi selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMBANGUNAN SUBSIDIARI

Bagi tahun 2018, MARA memiliki 16 syarikat subsidiari aktif, satu (1) perbadanan, satu (1) syarikat jaminan terhad dan dua (2) syarikat bersekutu yang terlibat dalam pelbagai sektor industri terpilih. Cabaran ekonomi Malaysia yang tidak menentu sepanjang tahun turut memberi kesan secara langsung kepada prestasi kewangan syarikat MARA. Namun begitu, Syarikat MARA lebih menumpukan kepada usaha untuk membangunkan usahawan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat bumiputera melalui aktiviti-aktiviti komersial dan pelaburan berteraskan penciptaan kekayaan.

Pencapaian Kewangan 17 Syarikat Aktif MARA Setakat 31 Disember 2018:

Bil	Program	Pencapaian (RM/%)	
		2018	2017
1	Pendapatan	1,360,174,516.00	1,268,029,828.00
2	Untung/ (Rugi) Sebelum Cukai	(73,802,998)	(33,182,496.00)
3	Untung/ (Rugi) Selepas Cukai	(93,530,192)	2,207,237,016.00
4	Jumlah Modal Berbayar	781,607,202	775,607,202

Nota :

- Laporan adalah merangkumi 16 Syarikat MARA Berstatus Aktif dan 1 Perbadanan
- Pencapaian 2017 adalah pencapaian yang dinyatakan semula (re-stated) dalam Penyata Kewangan Beraudit 2018.

Memperkasa Kompetensi dan Pemantapan Tadbir Urus Korporat

Sepanjang tahun 2018, MARA turut menumpukan perhatian dan tumpuan kepada amalan tadbir urus korporat yang baik dalam usaha untuk memperkukuh dan mempertingkatkan kawalan dalaman syarikat dengan melaksanakan perkara-perkara berikut :

- Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) pada peringkat syarikat
- Penubuhan Unit Audit Dalam di setiap syarikat
- Pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah (*No Gift Policy*)
- Ikrar Bebas Rasuah dilaksanakan oleh semua anggota kerja syarikat

Bagi memastikan Syarikat MARA sentiasa mengamalkan amalan pengurusan kualiti, pelaksanaan dan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan *MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)* telah dilaksanakan merangkumi perkara-perkara berikut :

- Pengurusan Sumber Manusia
- Pengurusan Perolehan
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Aset
- Pengurusan Keselamatan / Risiko
- Pengurusan Pelanggan

Proses pengauditan bagi prestasi kewangan dan pengurusan tadbir urus Syarikat MARA mendapat kerjasama daripada Unit Audit Negara MARA (UAN). Pengauditan ini dijalankan adalah bertujuan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus Syarikat MARA berada pada tahap yang baik.

Pengiktirafan dan Anugerah

Syarikat MARA telah menerima pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara bagi tahun 2018 seperti yang berikut:

- BrandLaureate World Halal Best Brands Award "Hospitality"* (MARA Inc.)
- Approved Learning Partner (ALP)* berstatus *Gold 2018* oleh ACCA (KPTM)
- Empat (4) anugerah dana Islam *Global (Global Islamic Fund Awards)* dari *The Thomson Reuters Lipper Global Islamic Fund Awards* untuk *PMB Shariah Growth Fund*: Kategori Ekuiti Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun berakhir 31 Disember 2017, *PMB Shariah Dividend Fund*: Kategori Ekuiti Pendapatan Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun berakhir 31 Disember 2017 dan *PMB Shariah Dividend Fund*: Kategori Ekuiti Pendapatan Malaysia bagi tempoh lima (5) tahun berakhir 31 Disember 2017 (PMB)
- Certification for Repair Station* oleh Federal Aviation Administration (FAA) Amerika Syarikat (AAT)
- Worldskills Asia* di Abu Dhabi (UniKL)
- Worldskills Asean* di Thailand (UniKL)
- ASEAN Skills Competition (ASC)* (GIATMARA)
- Pentauliahan *Aircraft Engineer (LAE)* bagi kategori B1 kepada tujuh (7) orang Juruteknik (AAT)
- PMB Shariah Premier Fund (PMB SPF)* memenangi *Best Malaysia Large-Cap Equity (Shariah)* di Majlis Penganugerahan Morningstar 2018 (PMB)

- x. Anugerah Unit Amanah Disyorkan Fundsupermart.com 2018/19 menerusi dana PMB *Shariah Premier Fund* bagi kategori Ekuiti Malaysia (Islamik) (PMB)
- xi. *Photo Travel & Tours "Best Customer"* (MARA Inc.)
- xii. BriTay Asia (penyedia latihan yang diluluskan oleh Khazanah Nasional Berhad) atas sokongan berterusan dalam penglibatan Program Skim Latihan 1Malaysia (AAT)
- xiii. Tempat kedua untuk Anugerah Kualiti dan Inovasi KPLB tahun 2018 (AAT)
- xiv. Program Tuisyen Rakyat Lonjakan Saujana (YPM)

Anugerah Syarikat Terbaik dan CEO Terbaik KPLB 2017

Anugerah Syarikat Terbaik dan CEO Terbaik KPLB 2017 yang telah diadakan pada 13 November 2018 merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada syarikat dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) terbaik Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) 2017. Penganjuran anugerah ini juga merupakan penggerak kepada harapan KPLB untuk melihat syarikat di bawah semua agensi KPLB meningkatkan prestasi dan mengekalkan tadbir urus syarikat yang baik dalam usaha untuk membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar khususnya dan usahawan bumiputera amnya.



Encik Mohd Roslan Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif AAT telah dinobatkan sebagai CEO Terbaik KPLB 2017 iaitu anugerah yang julung kali diperkenalkan oleh KPLB. Selain itu, Pelaburan MARA Berhad (PMB) turut merangkul tempat kedua bagi kategori Syarikat Modal Berbayar lebih RM5 juta

BAHAGIAN KAWALAN KREDIT

Aktiviti utama Bahagian Kawalan Kredit (BKK) ialah:

- i. Kutipan dan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman pelajaran, pendahuluan pinjaman pelajaran dan komputer;
- ii. Pemantauan kutipan dan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman/pembiayaan perniagaan;
- iii. Pemantauan kutipan dan penguatkuasaan sewaan premis perniagaan;
- iv. Pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA (*conversion*);
- v. Senarai hitam pelanggan MARA; dan
- vi. Tuntutan ganti notis (untuk bekas kakitangan MARA), dan tuntutan ganti rugi (bekas pelajar KKTM, IKM dan KPM).

Kemudahan atau platform kutipan bayaran yang disediakan kepada pelanggan adalah seperti yang berikut:

- i. Kemudahan potongan gaji, arahan bank dan pengeluaran daripada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- ii. Pembayaran tunai di kaunter bayaran Pejabat MARA, bank-bank terpilih seperti Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Pejabat Pos serta penggunaan kad debit di kaunter MARA; dan
- iii. Pembayaran secara atas talian (*online*) melalui perbankan internet seperti BIMB, Bank Rakyat, Maybank, CIMB, AMBank, Public Bank, RHB Bank, Affin Bank, MARAeps dan JomPAY.

Bil	Jenis Kutipan/Tahun	2018 (RM)	2017 (RM)
1	Pinjaman/pembiayaan perniagaan	445,951,113.00	430,465,714.00
2	Pinjaman pelajaran	320,598,087.00	340,800,856.00
3	Sewaan premis perniagaan	46,788,031.00	39,011,564.00
	Jumlah	813,337,231.00	810,278,134.00

Prestasi Kutipan Bayaran Balik

1. Pemerkasaan Aktiviti Kutipan Hutang

Pinjaman Pelajaran

Tahun 2018 turut mencatatkan beberapa inovasi/inisiatif dalam memperkasakan aktiviti kutipan hutang pinjaman pelajaran seperti yang berikut:

Bil	Jenis Kutipan	Aktiviti tahun 2018
1	Pinjaman/pembiayaan perniagaan dan premis perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Program latihan/kursus pemerkasaan penguatkuasaan kutipan 2. Program pemerkasaan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) kutipan bayaran balik 3. Program perjumpaan bersama peminjam, pemberi kerja dan kolaborasi dengan agensi-agensinya luar
2	Pinjaman Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan dalam MARA-Tex (<i>e-conversion</i>, <i>e-7 Top 20</i>) 2. <i>E-conversion</i> - permohonan dan pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA (<i>conversion</i>) secara atas talian (<i>online</i>) 3. <i>Telecollector</i> (TC)



Libat urus dan kolaborasi bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Insolvensi dan Bank Negara

Bengkel SOP Kawalan Kredit

BAHAGIAN INDUSTRI PENGANGKUTAN

Bahagian Industri Pengangkutan (BIP) berperanan dan bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam darat melalui perkhidmatan bas henti-henti dan bas ekspres yang selamat, selesa, berkualiti, cekap dan berkesan termasuk kemudahan sokongan yang diperlukan bagi menghubungkan masyarakat luar bandar dan bandar demi membantu mempercepat pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat Malaysia.

Proses perolehan dan penggantian bas baharu berjumlah 99 buah telah dilaksanakan melibatkan 41 buah bas henti-henti dan 58 buah bas ekspres. Kesemua bas ini digunakan oleh MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB) bagi memberikan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik serta mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan sedia ada terutamanya di kawasan luar bandar.

Selain itu, sebanyak sepuluh (10) buah bengkel juga telah dinaiktaraf bagi memberikan imej baru yang lebih berdaya saing serta mempunyai kemudahan dan kelengkapan peralatan yang lengkap.



Majlis penyerahan bas-bas baharu telah diadakan pada 26 Mac 2018. Simbolik replika kunci bas diserahkan oleh Pengarah Urusan RTG Intech Corporation (M) Sdn Bhd kepada Pengarah BIP dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi MLSB.



Prestasi perkhidmatan bas MARA Liner adalah seperti yang berikut:

Bil	Perkara	2018	2017
1	Bilangan penumpang bas ekspres	687,660	440,483
2	Bilangan laluan bas ekspres	27	28
3	Bilangan penumpang bas luar bandar	1,501,981	1,957,533
4	Bilangan laluan bas luar bandar	71	126

Walaupun terdapat pengurangan jumlah penumpang bas luar bandar, perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan luar bandar masih diperlukan untuk meningkatkan mobiliti sesetengah penduduk luar bandar khususnya pelajar sekolah selain membantu usaha-usaha kerajaan meningkatkan kualiti hidup di kawasan luar bandar dan memperkasakan asas pertumbuhan ekonomi di kawasan setempat.

Sepanjang tahun 2018, pelbagai kejayaan dan aktiviti telah dilakar oleh BIP dalam memberikan impak perubahan yang besar kepada sektor pengangkutan awam dan industri automotif komersial di Malaysia. MARA secara rasmi dilantik menjadi penaja rasmi pengangkutan (bas) bagi Majlis Penyerahan Jalur Gemilang oleh YAB Perdana Menteri kepada kontinjen Malaysia yang bertanding di Temasya Sukan Asia di Jakarta-Palembang 2018 pada 10 Ogos 2018. Sejumlah lapan (8) buah bas MARA Liner digunakan bagi menjayakan program ini.



Sesi bergambar bersama atlet sepak takraw (wanita) dengan berlatarbelakangkan bas MARA Liner

MARA juga telah dilantik menjadi penaja rasmi pengangkutan bas bagi membawa kontinjen paralimpik negara sempena temasya Sukan Paralimpik Asia 2018 di Indonesia pada 30 Ogos 2018.



Sesi bergambar kontinjen paralimpik dan semua penaja rasmi kejohanan bersama Menteri Belia & Sukan, YB Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman di Kompleks Sukan Negara (KSN) pada 30 Ogos 2018

Menteri Belia dan Sukan, YB Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman menyerahkan sijil penghargaan kepada Pengarah BIP atas kerjasama menjadi penaja pengangkutan kontinjen paralimpik negara bagi temasya Sukan Paralimpik Asia 2018 di Indonesia pada 30 Ogos 2018

PELABURAN MARA BERHAD

Pelaburan MARA Berhad (PMB) adalah syarikat perkhidmatan kewangan milik MARA yang terlibat secara langsung dalam pelaburan pelbagai aset. PMB merangkumi pelaburan ekuiti, pelaburan aset berpendapatan tetap, pasaran wang dan pelaburan-pelaburan lain.

i. Pelaburan Ekuiti

PMB telah melabur dalam ekuiti tersenarai di Bursa Malaysia dan ekuiti asing di Bursa Saham Jakarta dengan nilai pelaburan sebanyak RM72,044,030.00.

ii. Pelaburan dalam Aset Berpendapatan Tetap

PMB melabur sebanyak RM82,600,000.00 dalam pelaburan dengan pulangan pendapatan tetap secara purata kadar keuntungan sebanyak 7% setahun.

iii. Pasaran Wang

Sebanyak RM40,829,807.00 telah diperuntukkan untuk deposit dengan insititusi kewangan yang tertumpu kepada komoditi Murabahah di bawah konsep Tawarruq.


iv. Pelaburan-pelaburan Lain

Sebanyak RM129,240,226.00 dilaburkan ke dalam subsidiari, sekuriti boleh pasar, aset tetap dan lain-lain aset.

v. Program The Baron

Anak syarikat PMB iaitu PMB Consulting Sdn. Bhd. menjalankan penilaian permohonan pembiayaan program The Baron yang dibangunkan oleh MARA untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat bumiputera sebelum kelulusan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Usahawan MARA (JPPUM).

PMB mempunyai tujuh (7) anak syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti perkhidmatan kewangan seperti yang berikut:



Aktiviti dan Pencapaian PMB

Morningstar Award 2018 - PMB Shariah Premier Fund (PMB SPF) telah berjaya memenangi Best Malaysia Large-Cap Equity (Shariah)



The Edge – Thomson Reuters Lipper Fund Awards 2018 – Memenangi empat (4) anugerah dalam tiga (3) kategori dana unit amanah syariah terbaik Malaysia

Anugerah Fundsupermart 2018/2019 - menerima pengiktirafan dalam anugerah unit amanah disyorkan



Anugerah Syarikat Terbaik KPLB 2017 - Kumpulan Pelaburan MARA telah dinobatkan sebagai syarikat kedua terbaik tahun 2017 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kategori Modal Berbayar RM5 Juta dan ke atas

Anugerah Inovasi MARA 2018 - Aplikasi Online Sales Lead Management System (OSEM) oleh PMB Investment telah memenangi anugerah bagi kategori i-MMA dalam Anugerah Inovasi MARA 2018



RURAL CAPITAL BERHAD

Rural Capital Berhad (RCB) telah dinaik taraf pada 9 Disember 2016 kepada sebuah syarikat awam yang merupakan subsidiari milik penuh MARA. RCB telah beroperasi sejak 2 Januari 2013 melalui proses rasionalisasi pengurusan pembiayaan perniagaan MARA dan Kawalan Kredit MARA bagi menyediakan perkhidmatan pembiayaan perniagaan dan perkhidmatan pengurusan hutang bagi semua jenis kemudahan pembiayaan MARA.

Pada awal tahun 2018 RCB dengan kerjasama Bahagian Kewangan MARA telah mengorak langkah dalam industri pendigitalan dengan memperkenalkan sebuah aplikasi MARAeps iaitu sistem Gerbang Bayaran Elektronik. Aplikasi MARAeps membolehkan semua kutipan bayaran elektronik dari pelbagai jenis instrumen bayaran dapat dilaksanakan. Sistem ini telah mula digunakan pada pertengahan tahun 2018 di semua cabang pembayaran MARA termasuklah urusan pendaftaran kemasukan ke MRSM tahun 2019. Aplikasi MARAeps ini juga telah memenangi Anugerah Khas sempena Hari Inovasi MARA.



Program Promosi MARAeps sempena program MERCU di MITC Melaka pada 21 September 2018



Sekitar Majlis Penghargaan Anugerah Khas kepada pasukan MARAeps yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA.

ASIA AEROTECHNIC SDN. BHD.

Asia AeroTechnic Sdn Bhd (AAT) ditubuhkan pada bulan Mac 2015 dan memulakan operasi secara rasmi pada bulan Oktober 2015. Syarikat ini bergiat aktif dalam bidang *maintenance, repair & overhaul* (MRO) pesawat bagi membantu perkembangan industri aeroangkasa negara di rantau Asia Pasifik dan di persada dunia. AAT juga berperanan penting dalam pembangunan modal insan dengan membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada pekerja tempatan seterusnya memenuhi permintaan industri bagi tenaga kerja berkemahiran tinggi. Ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju AeroAngkasa Negara 2030 untuk melahirkan usahawan dalam bidang berkaitan industri aeroangkasa.

Pencapaian dan kejayaan



AAT telah menerima pengiktirafan daripada BriTay Asia (penyedia latihan yang diluluskan oleh Khazanah Nasional Berhad) atas sokongan berterusan dalam penglibatan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M).



AAT telah berjaya menghantar pesawat milik negara Zimbabwe jenis B777 bersama sembilan (9) orang kakitangan AAT yang terdiri daripada Jurutera Penyelenggaraan Pesawat dan Juruteknik Penyelenggaraan Pesawat ke Lapangan Terbang Robert Gabriel Mugabe, Zimbabwe bagi tujuan sokongan selenggara pesawat.



AAT telah menerima kunjungan rasmi daripada Airbus Asia-Pacific dan telah menandatangani persetujuan bersama untuk membekalkan perkhidmatan teknikal dan sokongan bagi rutin penyelenggaraan pesawat milik Airbus.

Ketua Pegawai Eksekutif AAT, Encik Mohd Roslan Ismail dinobatkan sebagai CEO Terbaik 2017 sempena Majlis Anugerah Syarikat Terbaik dan Ketua Pegawai Syarikat Terbaik KPLB.



AAT telah dipilih mewakili MARA untuk iMR Integrated Maintenance Recording (Aviation) pada Anugerah Kualiti dan Inovasi serta Sambutan Hari Inovasi KPLB Tahun 2018 dan telah berjaya merangkul tempat kedua.

AAT telah berjaya merangkul Anugerah Inovasi Harapan bagi kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (i-Mma) untuk iMR Integrated Maintenance Recording (Aviation) pada Majlis Anugerah Inovasi MARA 2018. iMR ialah satu aplikasi atas talian yang direka untuk menambah baik proses penyelenggaraan pesawat.



MARA INCORPORATED SDN. BHD.

MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.) ditubuhkan pada 28 Februari 2008 sebagai salah satu cabang pelaburan MARA untuk aktiviti komersial dan pelaburan strategik MARA. Dalam jangka masa sepuluh (10) tahun, MARA Inc. telah menceburi beberapa bidang perniagaan strategik seperti pelaburan hartanah di dalam dan luar negara, pengurusan hospitaliti dan pengurusan hartanah serta melaksanakan projek-projek pembangunan hartanah.

Pasaran Tempatan

MARA Inc. menguruskan salah satu hartanah MARA iaitu Menara MARA, bangunan 30 tingkat yang terletak di kawasan utama Kuala Lumpur menempatkan tiga perniagaan utama syarikat iaitu hospitaliti, penyewaan komersial dan peruncitan. Menara MARA terdiri daripada Hotel Premiera Kuala Lumpur, pusat membeli-belah yang dikenali sebagai BUSANA@MENARAMARA dan ruang pejabat.

Pasaran Antarabangsa

Di London, MARA Inc. menguruskan Beaumont House, 17-19 Prince's Square. Bangunan reka bentuk zaman Victoria ini terdiri daripada tiga (3) unit teres berkembar enam (6) tingkat yang telah diubah suai menjadi rumah tumpangan dan hotel. Manakala di Melbourne, Australia, MARA Inc. menguruskan dua (2) hartanah iaitu bangunan asrama pelajar yang dikenali sebagai Dudley International House (apartmen lima (5) tingkat) dan bangunan dua belas (12) tingkat di 746, Swanston yang dilengkapi dengan kemudahan khas untuk para pelajar.

Aktiviti dan Pencapaian MARA Inc.

1. Festival Kuala Lumpur Hujung Minggu

Festival Kuala Lumpur Hujung Minggu di BUSANA@MENARA MARA dari 23 hingga 24 Februari 2018 merupakan inisiatif untuk mewujudkan platform bagi mempromosikan usahawan muda serta meningkatkan jualan di Menara MARA pada hujung minggu. Antara aktiviti menarik yang dianjurkan adalah pameran dan jualan, *Vespa Autoshow*, persembahan langsung dan pertandingan permainan dalam talian PS4 seperti FIFA 18 dan *Mobile Legend*.



2. Karnival Pendidikan MARA

Karnival ini telah diadakan di Atrium, BUSANA@MENARA MARA dan di Dewan Utama, Hotel Premiera Kuala Lumpur Aras 6 dari 31 Mac hingga 1 April 2018. Karnival ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai yang telah membanjiri Atrium dan Dewan Utama, Aras 6, Premiera Hotel Kuala Lumpur.



3. Penganugerahan The Brandlaureate World Halal Bestbrands Awards 2018

Hotel Premiera Kuala Lumpur telah dianugerahkan The Brandlaureate World Halal Bestbrands Awards 2018 bagi kategori hospitaliti pada 27 September 2018. Penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan yang membanggakan MARA apabila pengurusan dan operasi hotel adalah bersifat mesra Islamik dan berada pada tahap terbaik, bukan sahaja dari penyediaan makanan tetapi juga tatacara kerja.



HARTA PRIMA REALTIES SDN. BHD.

Harta Prima Realities Sdn Bhd (HPR) yang dahulunya dikenali sebagai YPM Realities Sdn Bhd (YPMR) telah ditubuhkan pada 24 Ogos 1973 sebagai anak syarikat Yayasan Pelajaran MARA (YPM). Pada 16 Januari 2016, YPMR secara rasminya telah diambil alih oleh MARA dan menjadi anak syarikat MARA sepenuhnya. HPR telah mempelopori bidang kejuruteraan dan infrastruktur dalam teras perniagaan, pembinaan dan pembangunan, pengurusan projek, penyelenggaraan dan perkhidmatan pengurusan fasiliti (FM) serta pengurusan aset.

Aktiviti / Program HPR

1. Pembinaan dan Pembangunan – Projek Transformasi Usahawan Luar Bandar (TRENT)

HPR diberi kepercayaan untuk mereka bentuk dan membina semula bazar MARA di bawah program TRENT bagi menaikkan imej bazar perniagaan MARA yang telah lama. Program TRENT khusus untuk pembangunan bazar perniagaan MARA sedia ada yang telah usang melebihi usia 20 tahun. Projek-projek TRENT yang sedang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- i. Bazar Selandar, Melaka
- ii. Bazar Bangi, Selangor
- iii. Bazar Batu Laut, Selangor
- iv. Bazar Simpang Gelami, Negeri Sembilan



Pembinaan TRENT Bazar Selandar, Melaka telah siap sebanyak 99.5%



Pembinaan TRENT Bazar Bangi, Selangor telah siap sebanyak 40%

2. Pengurusan Fasiliti

HPR menjadi peneraju bagi industri pengurusan fasiliti terutamanya bangunan milik MARA. Fungsi utama penyelenggaraan bangunan bukan hanya untuk memastikan bangunan, sistem atau peralatan beroperasi pada kecekapan yang maksimum tetapi juga memastikan bangunan sentiasa memenuhi keperluan penghuni dan aspek perundangan seperti yang berikut:

- Memastikan bangunan berada dalam keadaan selamat dan kondusif
- Memastikan bangunan sedia dan boleh digunakan
- Memastikan bangunan memenuhi semua keperluan undang-undang
- Mengekalkan nilai aset fizikal dan kualiti bangunan

Skop pengurusan fasiliti di bawah HPR adalah seperti yang berikut:

- Sistem mekanikal dan elektrik
- Sistem sivil dan struktur
- Pengurusan alam sekitar
- Pengurusan parkir

Pengurusan kawalan keselamatan

- Sistem pengurusan penyelenggaraan berpusat
- Pengurusan utiliti
- Perkhidmatan seni taman dan pembersihan kawasan / bangunan
- Sistem pencegahan kebakaran
- Penyelenggaraan lif
- Kawalan makhluk perosak

Fokus utama dalam industri pengurusan fasiliti ialah memastikan perkhidmatan berkualiti dilaksanakan dan juga mewujudkan program pembangunan usahawan serta memberi peluang pekerjaan. Status terkini projek pengurusan fasiliti yang diuruskan oleh HPR di bawah skop perkhidmatan pembersihan kawasan/bangunan ialah perkhidmatan pembersihan ruang pejabat agensi-agensi kerajaan di UTC Selangor @ Anggerik Mall, Shah Alam.

MARA CORPORATION SDN. BHD.

MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corporation) adalah sebuah syarikat induk pelaburan yang menjalankan aktiviti pelaburan strategik MARA melalui penerapan elemen-elemen inovasi pelaburan bagi memastikan MARA dan syarikat-syarikat berasaskan pelaburannya terus kekal relevan dalam mengharungi cabaran pasaran masa hadapan. MARA Corporation juga mampu bersaing dengan pemain-pemain ternama di pasaran dan dalam penguasaan ekuiti bumiputera, selain dapat menyumbang penghasilan modal insan bagi keperluan industri negara.

Semenjak tahun 2017, aktiviti utama MARA Corporation berfokuskan kepada:

1. Penyusunan semula bahagian pelaburan MARA di bawah program transformasi pelaburan MARA yang melibatkan 15 syarikat subsidiari dan bersekutu MARA melalui proses pindahan pegangan saham;
2. Aktiviti rasionalisasi perniagaan, operasi dan tadbir urus syarikat-syarikat pelaburan di bawah naungannya; dan
3. Aktiviti-aktiviti persediaan lain sebagai pengukuhan kepada sektor-sektor utama iaitu pendidikan, perkhidmatan kewangan, hartanah, peruncitan, aeroangkasa dan perkhidmatan perniagaan.

Fasa pertama proses pindahan pegangan saham bagi lapan (8) buah syarikat subsidiari berasaskan pelaburan telah dilengkapkan pada Disember 2018. Syarikat-syarikat terlibat adalah Asia Aerotechnic Sdn. Bhd., MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd., Glocal Link (M) Sdn. Bhd., MARA Incorporated Sdn. Bhd., Pelaburan MARA Berhad, Rural Capital Berhad, UniMARA Sdn. Bhd. dan TPM College Sdn. Bhd.

Aktiviti lain yang dijalankan oleh MARA Corporation sepanjang tahun 2018 adalah:

1. Memorandum Persefahaman (MOU) antara MARA Corporation dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 7 Februari 2018

MAHB, salah sebuah syarikat pengendali lapangan terbang terbesar dunia, telah memeterai MoU bersama MARA Corporation bagi menjalinkan kerjasama dalam membantu MAHB memenuhi keperluan modal insan melalui program latihan kendalian MARA dan MARA Corporation. Keperluan modal insan tersebut menfokuskan kepada penghasilan tenaga pakar bagi menjayakan projek KLIA Aeropolis dan mengukuhkan rancangan Inisiatif Pembangunan Subang yang diterajui oleh MAHB.



2. Flexible Learning Environment Experience (FLEx)

FLEx merupakan pendekatan penyampaian latihan atas talian sebagai salah satu komponen penting dalam pembangunan bakat MARA dan telah dilaksanakan bermula pada tahun 2017 bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kompetensi kakitangan MARA. Bahagian Sumber Manusia MARA dengan kerjasama MARA Corporation telah membangunkan sistem FLEx bagi memenuhi keperluan tersebut dengan objektif utama iaitu memudahkan kakitangan MARA mengambil bahagian dan melengkapkan kursus latihan yang ditawarkan tanpa kekangan masa dan tempat. Melalui kerjasama ini, sebanyak sepuluh (10) kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 seperti jadual di bawah :

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta Mengambil Bahagian
1	Pengurusan Masa yang Berkesan	28 Mei – 29 Jun 2018	848
2	Mengurus Stres Menjana Sukses	4 Jun – 5 Julai 2018	820
3	<i>Failing to Plan is Planning to Fail</i>	4 Jun – 5 Julai 2018	932
4	<i>Effective Decision Making</i>	16 Sep – 10 Okt 2018	775
5	<i>Managing Challenging Situation</i>	22 Okt – 5 Nov 2018	615
6	Bagaimana Menjadi Ahli Pasukan yang Berkesan	22 Okt – 5 Nov 2018	708
7	<i>Value Added Performance Management</i>	4 Nov – 19 Nov 2018	804
8	Kecemerlangan Melalui Pemikiran Positif	7 Nov – 21 Nov 2018	347
9	<i>Failing to Plan is Planning to Fail (group 2)</i>	15 Nov – 6 Dis 2018	802
10	<i>Effective Decision Making (group 2)</i>	21 Nov – 10 Dis 2018	439
Jumlah Keseluruhan			7,090

3. Memorandum Persefahaman (MOU) antara MARA Corporation dengan Educluster Finland Ltd. pada 20 Disember 2018

Fokus utama MOU antara MARA Corporation dan Educluster adalah bagi memahami dan mendapatkan kepakaran berkaitan transformasi metodologi pendidikan negara Finland. *Programme for International Student Assessment (PISA)* telah mengiktiraf Finland sebagai negara yang memiliki sistem pendidikan terbaik di dunia terutamanya pendidikan peringkat rendah dan menengah.



Pengarah Pelaburan (Sektor Pendidikan) MARA Corporation, Dr. Sakina Sofia Baharom, bersama Duta Besar Finland, H.E. Petri Puhakka

Sesi perbincangan antara wakil Educluster Finland Ltd dan MARA Corporation

4. Memorandum Persefahaman (MOU) antara MARA Corporation dengan Malaysia Board of Technologists (MBOT) pada 1 Jun 2018

Pengiktirafan profesional oleh MBOT merangkumi pendidikan formal yang diperoleh daripada institusi yang telah mendapat akreditasi dari dalam dan luar negara, serta penilaian Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development [CPD]*). MBOT dan MARA Corporation telah bekerjasama membangunkan aplikasi bersepadu bermula dari pendaftaran keahlian kepada penilaian dan pemantauan CPD ahli-ahli profesional terlibat. MBOT telah menggunakan aplikasi tersebut bagi tujuan menilai dan memantau sekurang-kurangnya 11,000 profesional dalam bidang teknologi dan teknikal negara.


5. Graduate Employability Training Scheme (GETS)

Graduate Employability Training Scheme (GETS) merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan serta mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, seterusnya meningkatkan pembangunan ekonomi Malaysia menerusi pembangunan sumber manusia. Melalui skim ini juga adalah menjadi hasrat MARA melahirkan graduan dan tenaga kerja yang holistik. MARA Corporation telah dilantik untuk menyediakan latihan dan sebagai urus setia bagi latihan *visual effect design artist* dalam bidang kreatif bagi graduan lepasan sijil, diploma dan ijazah untuk syarikat Fly Studio Sdn. Bhd.

Program latihan ini dikelolakan selama sembilan (9) bulan dan telah disertai oleh 50 orang peserta. Pada akhir latihan, seramai 40 peserta terlibat berjaya diserap sebagai perantis kepada syarikat Flystudio, manakala lima (5) orang daripadanya terpilih untuk menjalani latihan perantisan di syarikat-syarikat yang mempunyai kerjasama dengan Flystudio di Jepun.



Peserta program GETS



Pelaksanaan latihan *visual effect design artist*

Penyampaian sijil kepada peserta latihan oleh Flystudio dan MARA Corporation

PUSAT PEMBANGUNAN REKA BENTUK MALAYSIA (DDEC)

Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC) telah membantu 6,007 orang usahawan melalui penganjuran pelbagai aktiviti berunsurkan perniagaan dan keusahawanan. Aktiviti yang dilaksanakan merangkumi latihan & perundingan, penjenamaan & pembungkusan, reka bentuk industri, reka bentuk dan binaan, dan pengurusan acara. Pencapaian ini telah melangkaui sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Perniagaan DDEC 2018 iaitu seramai 6,000 usahawan.

Sepanjang tahun 2018, DDEC telah terlibat dalam pelbagai program promosi melalui media sosial, penyertaan dalam pameran dan ekspo berkaitan keusahawanan serta menjalin kerjasama antara agensi berkaitan. DDEC juga telah bekerjasama dengan syarikat korporat seperti Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi melaksanakan program penjenamaan. Program tersebut dirangka khusus untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh DDEC serta mengukuhkan posisinya sebagai hab reka bentuk di Malaysia.

Antara aktiviti utama DDEC adalah seperti yang berikut:

1. Program Kerjasama Bersama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)

a. "KUEH.KITA" (Mei hingga September 2018, KLIA)

Program "KUEH.KITA" adalah hasil cetusan idea dan usahasama antara DDEC dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Cetusan idea bagi pelaksanaan program "KUEH.KITA" ini adalah demi menyahut seruan kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup pengusaha kuih-muih tradisional yang beroperasi secara mikro dan kecil-kecilan, agar dapat memperluas pasaran produk mereka ke arena yang lebih besar seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Selain itu, DDEC juga telah menghasilkan jenama khusus iaitu "KUEH.KITA" yang berlatarkan warna hitam dan merah jambu, bagi tujuan penjenamaan, pembungkusan dan promosi yang lebih berkesan. Program ini berlangsung sempena Kempen Ramadan Raya MAHB bermula pada bulan Mei sehingga September 2018.



Program KUEH.KITA membawa produk usahawan bumiputera dan usahawan BIO untuk diketengahkan.

b. KEMPEN HIMPUN (6 hingga 30 September 2018, Kawasan Pentas, Aras 5, Balai Pelepasan, KLIA)

HIMPUN adalah program bagi menzahirkan produk kreatif terbaik dari Malaysia. Program ini diadakan bagi menarik pengunjung dari dalam dan luar negara yang mengunjungi KLIA. Dengan koleksi produk berkualiti tempatan sehinggalah ke fesyen tradisional bernafas baharu, HIMPUN merupakan kolaborasi antara MAHB dan DDEC sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.



Program HIMPUN yang diperkenalkan di KLIA merupakan platform bagi memasarkan produk usahawan tempatan kepada pelanggan antarabangsa.

2. Program Penambahbaikan Pembungkusan Pelabelan Produk Usahawan Bimbingan RISDA

Objektif utama program ini adalah memberi imej baharu kepada pembungkusan produk terpilih bagi menembusi pasaran pasar raya tempatan. Projek penambahbaikan pembungkusan ini merupakan kesinambungan daripada program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2017 serta melibatkan usahawan dan produk baharu.

3. Program Rise Above

Program ini berbentuk kursus keusahawanan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai asas-asas penjenamaan dan pemasaran serta langkah-langkah yang diperlukan dalam membangunkan penjenamaan sesebuah perniagaan. Pelbagai agensi turut terlibat seperti SME Corp, TEKUN, MARDI, MyIPO dan KKM bagi memberi peluang kepada para usahawan mendapatkan informasi yang berkaitan. Program ini mensasarkan usahawan-usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) terutamanya di dalam perniagaan peruncitan. Program ini telah dijalankan di lapan (8) lokasi terpilih di seluruh negara iaitu di Perlis, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Kedah dan Kelantan.



Program ini membantu usahawan bersaing di peringkat antarabangsa dengan membawa jenama sendiri.

4. **Branding and Retail Training**

Program ini dibawakan oleh DDEC dan MAHB untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran berimpak tinggi bagi usahawan IKS yang berminat untuk mengkomersialkan dan meluaskan pasaran produk mereka ke pasaran baharu. Program sebanyak tiga (3) sesi ini telah diadakan di Cyberjaya. Bengkel ini bertujuan untuk membantu usahawan IKS bagi mengurangkan risiko apabila membawa masuk produk atau perkhidmatan baharu ke pasaran asing melalui pengkomersialan praktikal yang melibatkan proses seperti kaji selidik, perhubungan awam dan penjenamaan serta inovasi pambungkusan.

5. **Peningkatan Produktiviti Melalui Inovasi**

Usaha DDEC dalam memupuk budaya inovasi kreatif amat penting sebagai sebuah organisasi berteraskan kreativiti bagi meningkatkan produktiviti melalui pemantapan proses dan idea inovasi yang lain untuk manfaat komuniti. Idea yang dijana akan direalisasikan melalui penghasilan produk, mesin atau perkhidmatan yang akan dikomersialkan.



Portable Dual Detector (PODD)

Antara projek inovasi DDEC ialah *Portable Dual Detector* (PODD) yang merupakan usahasama dengan IIUM Advance Technologies Sdn. Bhd. (IAT) PODD adalah projek mereka cipta suatu peranti inovasi terkini yang bertujuan untuk mengesan alkohol dan lemak babi di dalam kandungan makanan.

6. **Best International Booth Design and Presentation Award, The 15th Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2018.**

Pada MIHAS 2018, DDEC telah dilantik oleh Takex Co Malaysia (Takex) untuk membuat reka bentuk binaan booth Takex bagi program MIHAS 2018. Reka bentuk yang bercirikan moden dan alam semula jadi dengan mengambil tema buluh telah melayakkan Takex untuk memenangi anugerah *Best International Booth Design and Presentation Award* pada program tersebut.

PUSAT TEKNOLOGI INDUSTRI PERABOT (FITEC)

Pusat Teknologi Industri Perabot (FITEC) ditubuhkan pada 28 Januari 1994 bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran dan potensi pengusaha perabot bumiputera dalam industri pasaran tempatan dan global. FITEC melaksanakan aktiviti latihan keusahawanan dan teknologi bagi membangunkan kapasiti dan keupayaan usahawan dan pekerja industri perabot. FITEC juga melaksanakan perkhidmatan pembekalan perabot pejabat, akademik dan asrama selain perkhidmatan pengujian perabot, perkhidmatan pembinaan kabin dan kontena serta mempelopori peluang pasaran lain yang berkaitan.

Aktiviti / Program:

1. **Program Latihan Teknologi Perabot**

Program latihan dan teknologi adalah bermatlamatkan pemindahan pengetahuan, kepakaran dalam teknologi pembuatan dan pengeluaran perabot kepada usahawan bumiputera yang terlibat dalam industri perabot tanah air. Program kursus teknikal yang dijalankan adalah seperti pembuatan kabinet dapur, sofa, aluminium dan reka bentuk komputer. Beberapa siri kursus telah dilaksanakan dalam melahirkan *technopreneur* dalam bidang reka bentuk, bidang pembuatan kabinet dan perabot logam.



Latihan secara amali membolehkan pelatih meningkatkan kemahiran secara langsung dalam menghasilkan produk.

Latihan Industri Perabot 2018	Jumlah
Jumlah Pelatih	688
Bilangan Program	45
Usahawan Baharu	5
Peluang Pekerjaan	581

2. Program Pembangunan Vendor Perabot FITEC

Program ini dilaksanakan untuk memenuhi objektif pembangunan usahawan bagi membolehkan usahawan perabot bumiputera berpeluang memperoleh pasaran terjamin yang disalurkan melalui FITEC. Program ini juga membantu meningkatkan ekuiti usahawan bumiputera dalam industri perabot tempatan selain berupaya meningkatkan kapasiti, kualiti dan kemahiran usahawan perabot dalam menguruskan pembekalan perabot kepada pihak pelanggan. Pembekalan perabot ini memfokuskan kepada pasaran Institusi Pendidikan MARA (IPMA) meliputi pembekalan perabot asrama, pejabat, bilik kuliah, dewan makan, makmal komputer dan lain-lain.

25 Usahawan Perabot
FITEC

RM 7,124,117.00
Nilai pembekalan sepanjang tahun 2018



3. Program IPMA Young Furniture Entrepreneur Programme (MyFurn)

Program ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan muda dalam bidang perabot dalam kalangan IPMA dan mewujudkan usahawan pelapis bagi industri perabot. Seramai 20 orang peserta sedang menjalani program yang bermula sejak Julai 2018 dan dijangka tamat pada Februari 2019.



Program ini sebagai asas untuk melahirkan lebih ramai usahawan perabot.

4. Program Graduate Employability Training Scheme (GETS)

Program ini diadakan bagi melatih para graduan yang berpotensi untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang industri perabot. Para peserta ditempatkan di premis / kilang para usahawan perabot bumiputera selama enam (6) bulan dan menjalani latihan industri pembuatan perabot dalam bidang kerja yang ditetapkan oleh majikan. Seramai 23 pelatih ditempatkan di enam (6) premis usahawan yang mengambil bahagian dan akan diserapkan secara terus sebagai pekerja di syarikat tersebut setelah tamat latihan.



Program ini membantu graduan memperolehi pekerjaan dalam bidang industri perabot.

Pencapaian 2018



Pensijilan Audit ISO 9001: 2015

Pengiktirafan ini menjamin FITEC mengamalkan kualiti dalam penghasilan produknya demi kepuasan pelanggan.

Program We are the Brain pada 8 Mac 2018 dengan kerjasama Majlis Reka Bentuk Malaysia

Program ini dijalankan dengan penglibatan lapan (8) pereka bentuk perabot antarabangsa dari Itali, Belgium dan Australia. Program ini telah mengumpulkan pereka bentuk industri tempatan dan antarabangsa dalam sesi forum yang membincangkan mengenai masa hadapan industri reka bentuk dunia.



Pelantikan Audit Teknikal EPH bagi Asia Tenggara sejak 2012

Jurutera Pengujian Perabot FITEC Encik Muhammad Ismanizam Ithnain telah dilantik sekali lagi bagi tahun 2018 sebagai Juruaudit Teknikal EPH bagi rantau Asia Tenggara.



Bengkel Pembangunan Reka Bentuk Perabot Perkayuan 2018

FITEC telah mengadakan program Bengkel Pembangunan Reka Bentuk Perabot Perkayuan pada 23 hingga 29 Oktober 2018 dengan penglibatan lebih 30 jurureka bentuk perabot dari seluruh Malaysia.



MARA EXCELLENT VENTURES SDN. BHD.

MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX) telah ditubuhkan pada tahun 2011 merupakan anak syarikat milik penuh MARA. MEX mempunyai tenaga pakar yang mahir dalam pembangunan modal insan dan berpengalaman dalam menyediakan latihan kepada sektor swasta dan agensi kerajaan. MEX menggabungkan konsep teori dan praktikal sebagai metodologi latihan berdasarkan penyelidikan akademik yang telah dibuat bagi memenuhi keperluan industri. Misi utama MEX ialah memupuk pembelajaran sepanjang hayat melalui pendidikan yang cemerlang dan memperkasakan modal insan melalui latihan profesional.

1. Akademi Latihan MEX

Akademi Latihan MEX menawarkan pembangunan latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam pelbagai sektor. Bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan dalam kualiti latihan, MEX bekerjasama dengan rakan strategik dari dalam dan luar negara bagi menyediakan latihan yang berkualiti serta memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang pesat. Pada tahun 2018 Akademi Latihan MEX telah menganjurkan 74 program latihan merangkumi aspek keguruan, pengurusan, bahasa, teknikal (TVET) dan keusahawanan.

Program	Jumlah
Institut Antarabangsa Latihan Keguruan MARA (IALKM)	39
Generic Program	12
TVET (Program Teknikal)	5
Keusahawanan	18
Jumlah Keseluruhan	74

2. MARA Ketengah International College (MKIC)

MARA KETENGAH International College (MKIC) menawarkan program A-Level kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom (UK). MKIC telah mendapat pengiktirafan sebagai pusat A-Level oleh Cambridge International Examination (CIE) pada 20 Ogos 2013. Pada masa ini terdapat tiga (3) program yang disediakan iaitu Perakaunan, Seni Bina dan Ekonomi. Selain memberi tumpuan kepada pencapaian kurikulum dan akademik, MKIC juga memberi penekanan kepada aspek kepimpinan, pembangunan sosial dan keusahawanan di dalam silibus mereka. Berikut ialah penempatan pelajar MKIC:

Tahun	Kohort	Jumlah Kemasukan Pelajar	Universiti Luar Negara	Universiti Tempatan
2013	Kohort 1	96	70	26
2014	Kohort 2	148	84	64
2015	Kohort 3	41	25	16
2016	Kohort 4	52	35	17
2017	Kohort 5	26	Proses Pembelajaran	


Program-Program di bawah Anjuran MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd



Program Pembangunan Video Tutorial PDP untuk KKTM, MJII dan IKM
Tarikh: 16 April 2018
Tempat: MJII Beranang, Selangor



Program Born to Lead
Tarikh: 26-29 November 2018
Tempat: Oakwood Hotel & Residence Kuala Lumpur



Bengkel Penerapan 21st Century Learning Design (CLD) bersama Tenaga Pengajar Kolej MARA (KM) dan Kolej Profesional MARA (KPM)
Tarikh: 14-16 November 2018
Tempat: Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur



Occupational Safety and Health at the Workplace
Tarikh: 3-4 September 2018
Tempat: MEX Academy, Kompleks Pertama, Kuala Lumpur



**SEKTOR KHIDMAT
PENGURUSAN**

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN MARA

Bil	Inisiatif	Sasaran 2018	Pencapaian 2018	Peratus
1	Latihan Staf	100%	142.18%	142.18%
2	Pembangunan Bakat	200	374	187%
3	Pembangunan Sistem Pangkalan Data	100%	90.00%	90.00%

Sektor Khidmat Pengurusan berfungsi sebagai pemudah/penyokong kepada semua program-program MARA. Fungsi ni dilaksanakan melalui pengukuhan kompetensi modal insan MARA, pengurusan kewangan yang efektif, pengurusan perolehan yang cekap, pelaksanaan inisiatif ICT, urusan selenggaraan dan pengurusan risiko. Kesemua inisiatif ini dilaksanakan oleh bahagian-bahagian di bawah Sektor Khidmat Pengurusan MARA yang akan terus memastikan kecekapan tadbir urus dalam jentera pentadbiran bagi mewujudkan ekosistem yang seimbang bagi merealisasikan misi, visi dan objektif MARA.

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Sumber Manusia (BSM) mendedikasikan pelaksanaan amanah rakyat dalam menzahirkan modal insan cemerlang yang bersifat holistik dan bertaraf global untuk mencapai keperluan guna tenaga mahir negara ke arah penciptaan peluang kekayaan. BSM meneruskan momentum sinergi kekuatan modal insan MARA seramai 11,329 orang warga kerja yang sedang berkhidmat mengikut sektor dan kumpulan untuk menggalas amanah rakyat mendepani aspirasi transformasi MARA.

Kedudukan Pengisian Jawatan dalam Perkhidmatan MARA Mengikut Sektor

Bil	Program	Pengurusan Tertinggi		Profesional		Pelaksana		Jumlah	
		P	I	P	I	P	I	P	I
1	Jabatan Ketua Pengarah	5	6	77	85	97	118	179	209
2	Pejabat MARA Negeri	6	4	200	204	808	777	1,014	985
3	Pendidikan	4	6	6,124	5,742	4,125	3,584	10,253	9,332
4	Keusahawanan	2	2	69	46	64	46	135	94
5	Khidmat Pengurusan	2	3	172	166	456	411	630	580
6	Pelaburan	1	1	44	34	154	94	199	129
Jumlah Keseluruhan		20	22	6,686	6,277	5,704	5,030	12,410	11,329

Nota : P = Peruntukan I = Pengisian

Bagi memperkukuhkan budaya kerja berprestasi tinggi dan menjadikan MARA sebagai sebuah organisasi yang unggul dan diberkati, aktiviti berikut telah dilaksanakan bagi menyokong aspirasi tersebut.

1. Program Pembangunan Bakat

Program Pembangunan Bakat merangkumi Program Pembangunan Staf, Program Pembangunan Kepimpinan, Program Jangka Pendek Luar Negara dan Program Pembangunan Kerjaya. Berikut adalah maklumat tentang pelaksanaan program tersebut:

i. Program Pembangunan Staf

Program Pembangunan Staf bagi tahun 2018 telah merekodkan 100 peratus warga kerja menghadiri latihan tidak kurang dari tujuh (7) hari setahun. Bilangan program yang ditawarkan meningkat sebanyak 6.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ringkasan pencapaian bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Bilangan Program	
		2018	2017
1	Fungsian	3,000	2,805
2	Generik	2,219	2,077
Jumlah Keseluruhan		5,219	4,882

Selaras dengan hasrat MARA dalam menggalakkan penggunaan sumber yang optimum dan penjimatan kos operasi, Model Pembelajaran dan Pembangunan 70:20:10 telah dijenamakan semula kepada *Experiential and Social Learning (EXSOL)* yang menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan oleh pegawai yang telah menghadiri kursus kepada staf MARA yang lain.



Kursus Program Transformasi Minda MARA khusus untuk pegawai lantikan baharu untuk tujuan pengesahan jawatan

Persidangan Audit Dalam kepada semua Penolong Pegawai Tadbir Kanan (PPTK) dan Ketua Kerani pusat pentadbiran MARA di seluruh Malaysia



Kursus Basic Occupational First Aid

ii. Program Pembangunan Kepimpinan

Program Pembangunan Kepimpinan adalah program terpenting dalam menyediakan barisan kepimpinan MARA pada masa hadapan. Program ini direka khusus untuk memperkukuh kompetensi kepimpinan dalam kelompok bakat MARA. Sepanjang tahun 2018, seramai 466 pegawai dalam kelompok bakat MARA pada Gred 41 hingga JUSA telah mengikuti pelbagai program. Program tersebut adalah seperti berikut:

- a. *Leadership Talk Series* I, II dan III bagi gred 41 hingga JUSA
- b. *Middle Management Leadership Accelerated Program (M-LEAP)* bagi gred 48 hingga 52
- c. *Design Thinking and Coaching Innovation* bagi gred 48 dan 52
- d. *Sustainable Futures: Unpacking the Issues Workshop* bagi gred 41 dan 44
- e. *Training of Trainers (Entrepreneurship) Program* dengan kerjasama Entrepreneurship Development Institute of India (EDII) bagi gred 41 dan 44
- f. Program Aspirasi MARA 2018 bagi pegawai gred 41 dan 44



Leadership Talk Series bersama Tan Sri Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar, 4 April 2018, Kuala Lumpur

Training of Trainers (Entrepreneurship) Program dengan kerjasama Entrepreneurship Development Institute of India (EDII), 15 hingga 28 Julai 2018, Pulau Pinang



Program Aspirasi MARA 2018 pada 9 Ogos 2018 di Kuala Lumpur

Penglibatan pegawai-pegawai dalam program jangka pendek luar negara juga salah satu pendekatan strategik MARA dalam menerapkan ilmu di peringkat global. Sepanjang tahun 2018, seramai dua belas (12) orang pegawai telah terpilih mengikuti kursus kepimpinan dan program kejuruan di luar negara seperti Singapura, Thailand, Taiwan, Korea Selatan, Australia dan United Kingdom.



Program Global Educator Exchange (E2), 12 hingga 16 Mac 2018, Singapura

Capacity Building Programme by OECD Korea Policy Centre, 22 hingga 28 April 2018, Seoul, Korea Selatan



9th ASEAN Senior Management Development Program 2018, 15 hingga 22 Julai 2018, Bangi

2018 Taiwan Institute of Diplomacy and International Affairs (IDIA) Summer Program for Southeast Asian Countries, 8 hingga 16 September 2018, Taiwan

iii. Program Pembangunan Kerjaya

Program ini dilaksanakan secara berterusan dalam membangunkan kapasiti pegawai pegawai MARA agar lebih kompeten dan berkeupayaan melalui peningkatan ilmu pengetahuan dan kepakaran. MARA telah meluluskan seramai 253 pegawai untuk melanjutkan pengajian pada tahun 2018 berbanding 229 pegawai pada tahun 2017.

PROGRAM	MOD	PENGAJIAN				
		DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	SIJIL PROFESIONAL
Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)	Sepenuh Masa	0	0	0	0	2
Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)		0	0	0	1	0
Program Dalaman (in-house)	Sepuluh Masa	103	0	10	0	24
Pengajian Luar Kampus (PLK)		0	45	60	8	0
JUMLAH		103	45	70	9	26

Pencapaian 2018

MARA melalui pembangunan sumber manusia meneruskan budaya kecemerlangan dengan menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan yang menjadi tunjang ke arah pengukuhan modal insan. Berikut adalah pencapaian yang telah diperolehi:

i. Kategori Penilaian Outcome Terbaik (KPO)

Program *e-learning* yang dilaksanakan oleh MARA telah mendapat pengiktirafan di peringkat kementerian apabila berjaya menduduki Tempat Ke-3 menerusi Kategori Penilaian Outcome Terbaik pada Majlis Anugerah Kualiti dan Inovasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) 2018.



Pasukan Kajian Penilaian Outcome Bahagian Sumber Manusia

ii. Asean Psychology & Counseling Conference (APCC)

MARA telah menganjurkan *Asean Psychology & Counselling Conference* (APCC 2018) pada 26 dan 27 September 2018 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur bertujuan memupuk kesedaran masyarakat untuk mewujudkan suasana sejahtera di tempat kerja menerusi pendekatan psikologi yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti organisasi.



Penerima anugerah dalam APCC 2018

BAHAGIAN KEWANGAN

Pada tahun 2018, Bajet Mengurus MARA telah diluluskan sebanyak RM3,324,656,500.00. Jumlah ini adalah bertujuan memperkukuh tadbir urus MARA terutamanya dalam aktiviti pendidikan, keusahawanan, pelaburan dan khidmat pengurusan untuk memperkasa ekonomi bumiputera. Peruntukan mengurus adalah seperti yang berikut:

Perkara	2018			2017		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
Pengajuran pelajaran	2,000,000,000	2,000,000,000	100	-	-	-
Belanja operasi	1,324,656,500	1,324,396,900	99.98	1,509,385,000	1,505,163,891	99.72
Jumlah keseluruhan	3,324,656,500	3,324,396,900	99.99	1,509,385,000	1,505,163,891	99.72

Nota

- Pada tahun 2017, peruntukan Pengajuran Pelajaran diterima di bawah Belanja Pembangunan.

MARA sentiasa berusaha untuk menambah baik dan mengekalkan kecekapan dalam pengurusan kewangan. Fokus MARA tertumpu kepada usaha yang berterusan bagi meningkatkan kualiti dan inovasi dalam pengurusan kewangan dan strategi penjimatan serta perbelanjaan secara berhemah. Usaha tersebut adalah seperti berikut:

Fokus Pertama : Kualiti dalam Pengurusan Kewangan

Tahun 2018 ialah tahun ketiga MARA menggunakan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dalam penyediaan Penyata Kewangan. Penggunaan piawaian perakaunan MFRS ini setanding dengan piawaian antarabangsa iaitu *International Financial Reporting Standards* (IFRS).

Fokus Kedua : Inovasi dalam Pengurusan Kewangan

Payment Gateway adalah gerbang bayaran elektronik yang digunakan oleh pelanggan MARA yang membuat bayaran secara terus atas talian kepada MARA yang dikenali sebagai *MARA Electronic Payment System* atau *MARAEps*. Melalui kemudahan ini bayaran yang didebitkan dari akaun bank pelanggan akan dipindahkan terus ke akaun bank MARA secara *realtime*.



MARA telah memenangi tempat kedua Anugerah Kualiti dan Inovasi KPLB 2018 bagi Kategori Pengurusan Kewangan.



MARA telah memenangi tempat kedua Anugerah Kualiti dan Inovasi KPLB 2018 bagi Kategori Inovasi Perkhidmatan Awam.

Fokus Ketiga : Strategi Menjana Pendapatan dan Penjimatan

Strategi ini telah dilaksanakan melalui inisiatif berikut :

- i. Keuntungan pelaburan jangka pendek sebanyak RM55,624,485.00 dan pelaburan jangka panjang sebanyak RM784,282.00. Manakala keuntungan / hibah bank yang diperoleh adalah sebanyak RM 237,802.00.
- ii. Keuntungan atau hibah yang diperoleh melalui *Sweeping Account* sebanyak RM638,111.02 dengan kadar faedah harian sebanyak 1% hingga 4%.
- iii. Penjimatan melalui pertukaran mata wang asing untuk penghantaran wang ke pejabat luar negara bagi tahun 2018 sebanyak RM421,173.00.00.

BAHAGIAN ASET DAN PEROLEHAN

Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan (BAP) bertanggungjawab dalam menguruskan keseluruhan aset alih dan tidak alih MARA, perolehan, fasiliti dalam dan luar ibu pejabat serta pemantauan pentadbiran kontrak MARA (bekalan alatan dan perkhidmatan). Objektif utama bahagian ini adalah :

- i. Memastikan aset diuruskan dengan cekap dan sistematik
- ii. Menguruskan perolehan secara telus dan berintegriti
- iii. Menyediakan fasiliti yang bersih, selesa dan selamat
- iv. Memastikan tadbir urus kontrak secara efisien dan efektif

Rasionalisasi 2018 : Unit Registri dan Rekod , Go Live DDMS di Ibu Pejabat MARA

Unit Registri dan Rekod (URR) beroperasi serentak dengan pelaksanaan *Digital Document Management System (DDMS 2.0)* pada 19 November 2018. URR merupakan unit baharu di bawah seliaan Cawangan Fasiliti BAP.

Pengurusan Aset

- i. Mempertingkatkan pegangan ekuiti dan pemilikan aset untuk bumiputera melalui tadbir urus yang profesional serta mengamalkan integriti yang tinggi.
- ii. Memastikan penggunaan aset milik MARA secara optimum dan memaksimumkan nilai setiap aset tersebut melalui sistem penyampaian yang cekap dan komprehensif.

Inisiatif	2018	2017
Tanah	3,064 lot	3,020 lot
Bangunan	2,493 lot	2,458 lot
Kenderaan	642 unit	799 unit
Alatan	228,502 unit	222,924 unit

Perolehan

Melaksanakan proses perolehan awam secara profesional, cekap dan berkesan secara adil dan terbuka dengan mengamalkan integriti yang tinggi, kepercayaan awam serta pematuhan kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.

Perolehan	2018	2017
Bekalan	18	40
Perkhidmatan	44	37

Sistem Perolehan Elektronik (SPE)

SPE membolehkan perolehan dilaksanakan secara atas talian dan telus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan MARA.

Tahun	Pembelian Terus	E-Bidding
2018	Jumlah Perolehan : 872 Nilai : RM2,709,971.42	-
2017	Jumlah Perolehan : 1,223 Nilai : RM3,797,879.82	Jumlah Sesi: 7 Nilai: RM27,549,934.00

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Kecekapan pengurusan teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT) bertujuan menyokong keperluan strategik MARA serta membudayakan penggunaan ICT kepada warga kerja MARA. MARA telah berjaya mengekalkan kecekapan pengurusan ICT pada tahap optimum melalui pelaksanaan inisiatif ICT seperti berikut:

1. Information Security Management System (ISMS)

Pada 28 Jun 2018, MARA berjaya melaksanakan audit pematuan ISO/IEC 27001:2013 bagi tahun pertama. Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan satu piawaian bertulis yang menggariskan asas-asas utama bagi mewujudkan, melaksana, menyelenggara dan menambah baik sistem pengurusan keselamatan maklumat dalam sesebuah organisasi.



2. Penggunaan Aplikasi Microsoft Teams

Objektif utama aplikasi ini adalah untuk mengaplikasikan perkongsian maklumat secara nyata (*real time*) antara ahli mesyuarat. Bagi fasa pertama, pelaksanaan penggunaan aplikasi tersebut adalah untuk ahli TERAJU MARA sebelum diperluaskan penggunaannya kepada ahli Majlis MARA.



3. Minecraft Education Edition

Objektif utama penggunaan aplikasi *Minecraft Education Edition* merupakan kolaborasi dan *versatile platform* yang boleh digunakan untuk mempertingkatkan kompetensi pembelajaran *21st Century*. Sebanyak 1,500 lesen diperuntukkan menerusi kontrak langganan *Microsoft Education Enrolment Solution (EES)*. Pembahagian lesen bagi fasa pertama adalah seperti berikut:

	Pusat MARA / Bahagian	Jumlah Lesen
 Contoh paparan muka hadapan Minecraft	Kontrak Langganan Microsoft Education Enrolment Solution (EES)	
	Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau	21
	Institut Kemahiran MARA Sik	21
	Institut Kemahiran MARA Sungai Petani	21
	Bahagian Kemahiran dan Teknikal	12
	Bahagian Pendidikan Tinggi	300 untuk 10 pusat
	Kolej MARA	30
	Kolej Profesional MARA	30
Bahagian Teknologi Kreatif dan Multimedia	30	

BAHAGIAN BINAAN DAN SELENGGARAAN

Fungsi utama Bahagian Binaan dan Selenggaraan (BBS) adalah melaksana dan mengawal aktiviti pengurusan pembinaan dan selenggaraan mengikut dasar dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Fungsi ini dilaksanakan meliputi dua (2) aspek iaitu pembinaan projek baharu dan selenggaraan projek baharu/sedia ada.

Aspek pembinaan melibatkan urusan pembinaan projek baharu, menaiktarafkan dan tambahan bangunan baharu manakala selenggaraan meliputi skop kerja seperti kerja baik pulih, naik taraf dan peningkatan imej bangunan. Sepanjang tahun 2018, MARA telah mengurus dan melaksanakan aktiviti projek pembinaan dan selenggaraan sebanyak 92 projek. MARA telah berjaya menyiapkan 11 projek pembinaan dan 6 projek selenggaraan bersekali dengan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada tahun 2018. Antara projek MARA yang telah siap dan masih dalam pembinaan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:



Pembinaan tambahan dua (2) Blok Bangunan Transit GIATMARA Jeli, Kelantan



Pembinaan projek MRSM Bera, Pahang



Pembinaan kedai berkonsepkan kontena di Bangi, Selangor

BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INSPEKTORAT

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat (BPIN) adalah bahagian yang bertanggungjawab untuk membuat kawalan terhadap pelbagai risiko organisasi dan pematuhan prosedur keselamatan. Selaras dengan visi, misi, objektif dan strategi MARA, bahagian ini sentiasa menggalakkan komitmen daripada semua peringkat, membuat penambahbaikan secara berterusan, mengamalkan ketelusan dalam pengurusan, mempunyai pendekatan bersepadu dan mengamalkan metodologi pengurusan yang mampan.

1. Pensijilan MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)

Program ini telah bermula sejak tahun 2017, menjadi pemangkin terbaik kepada pematuhan Standard Budaya. Sehingga tahun 2018, 71 premis layak menerima pensijilan MQS.

2. Penarafan IPMA Cemerlang

Penarafan Bintang Institusi Pendidikan MARA (STRIM) merupakan penjenamaan semula serta penambahbaikan kepada Standard Pendidikan MARA (SPMa) sebelum ini. Pada tahun 2018, lawatan verifikasi telah diadakan di 69 Institusi Pendidikan MARA (IPMA) di seluruh negara.

3. Lawatan Inspektorat

Lawatan dibuat bagi memastikan peningkatan kualiti tadbir urus dan imej pusat pentadbiran MARA dilaksanakan secara berterusan. Sepanjang tahun 2018, BPIN telah membuat 129 lawatan inspektorat ke pusat di seluruh negara.

Anugerah dan Penghargaan



Pasukan MARA Emergency Response Team (MERT) telah memberi impak positif kepada imej MARA melalui kejayaan dalam beberapa program



Bagi tahun 2018, MARA mendapat tempat ketiga untuk Kategori Anugerah Kualiti Pengurusan Keselamatan dalam Anugerah Kualiti dan Inovasi 2018 di peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).



**KAJIAN
PENILAIAN
OUTCOME**

KAJIAN PENILAIAN *OUTCOME*

MARA telah melaksanakan sembilan (9) kajian penilaian *outcome* bagi projek/ program MARA yang berikut:

1. Program Pembangunan Staf Menerusi Platform *Flexible Learning Environment Experience (FLEx)*

Pengenalan

FLEx adalah salah satu platform yang direka untuk menyokong pengurusan latihan dan pembangunan staf MARA. Keseluruhan reka bentuk sistem ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran latihan yang mudah dan berkesan di mana peserta boleh menimba ilmu dan berkongsi pengetahuan serta kemahiran dan dapat bekerjasama dengan pengajar dan rakan-rakan. FLEx disediakan untuk peserta mengakses sumber atau bahan-bahan latihan selain untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dan pengajar.

Objektif kajian:

- Mengenal pasti peratusan staf yang kompeten dari aspek *Character, Capacity and Capability (3C)*
- Mengenal pasti peratusan kepuasan pengguna terhadap latihan menerusi FLEx
- Mengenal pasti peratusan penjimatan kos latihan setahun melalui pelaksanaan latihan menerusi FLEx

PROGRAM/ PROJEK	PROGRAM PEMBANGUNAN STAF MENERUSI PLATFORM FLEx			
KPI	i. 80% staf kompeten (3C) setelah mengikuti latihan menerusi FLEx ii. 90% tahap kepuasan penerima latihan terhadap latihan menerusi FLEx iii. 50% penjimatan kos latihan setahun melalui pelaksanaan latihan menerusi FLEx			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
Menyediakan modal insan yang kompeten (3C) menerusi platform FLEx: <i>Character, Capacity and Capability</i>	i. 5,600 staf mengikuti latihan melalui FLEx	i. 5,319 staf mengikuti latihan melalui FLEx	i. 80% staf kompeten setelah mengikuti latihan menerusi FLEx	i. 89.6% staf kompeten setelah mengikuti latihan menerusi FLEx
	ii. 11 program dilaksanakan menerusi FLEx	ii. 11 program dilaksanakan menerusi FLEx	ii. 90% pengguna berpuas hati mengikuti latihan menerusi FLEx	ii. 93.3% pengguna berpuas hati mengikuti latihan menerusi FLEx
			iii. 50% penjimatan kos latihan setahun tanpa pendekatan kaedah konvensional	iii. 96% penjimatan kos latihan setahun tanpa pendekatan kaedah konvensional

2. Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan atau *Business Advancement and Standard Development (BASE)*

Pengenalan

Program BASE bermatlamat untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran, kecekapan pengurusan serta membantu usahawan/syarikat bumiputera menembusi pasaran yang lebih luas. Usaha ini dilaksanakan melalui bimbingan, khidmat nasihat, bantuan dan galakan perniagaan. Melalui program BASE, Program Pembangunan Standardisasi Pengilang Bumiputera (PROGRESS), Program Peningkatan dan Pengembangan Pembangunan Syarikat (PROCEED) dan Program Transformasi dan Pemulihan Syarikat (PROTECT) dirangka khusus bagi membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bumiputera menembusi pasaran yang lebih jauh sama ada pada peringkat tempatan mahupun global.

Objektif kajian:

- Mengukur pencapaian syarikat memperoleh peningkatan jualan sebanyak 10%
- Mengukur pencapaian syarikat memperoleh pertambahan jaringan pasaran
- Mengukur pencapaian syarikat memperoleh peningkatan 10% bilangan pekerja

PROGRAM/ PROJEK	PROGRAM PENINGKATAN DAN PEMBANGUNAN STANDARD PERNIAGAAN (BASE)			
KPI	i. 50% syarikat memperoleh peningkatan 10% nilai jualan syarikat ii. 50% syarikat memperoleh pertambahan jaringan pasaran iii. 30% syarikat memperoleh peningkatan 10% bilangan pekerja			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
Meningkatkan dan mengukuhkan keupayaan syarikat PKS bumiputera yang berdaya saing dan mampu menembusi pasaran global	Membangun 500 syarikat yang mendapat kemudahan BASE dalam tempoh RMKe-10	655 syarikat mendapat kemudahan BASE dalam tempoh RMKe-10	i. 50% syarikat memperoleh peningkatan 10% nilai jualan syarikat	i. 54.1% syarikat memperoleh peningkatan 10% nilai jualan syarikat
			ii. 50% syarikat memperoleh pertambahan jaringan	ii. 98% syarikat bersetuju memperoleh pertambahan jaringan pasaran
			iii. 30% syarikat memperoleh peningkatan 10% bilangan pekerja	iii. 34.3% syarikat memperoleh peningkatan 10% bilangan pekerja

3. Program Kimpalan 6G MARA-PETRONAS

Pengenalan

MARA melalui kolaborasi dengan syarikat Petroleum National Berhad (Petronas) telah membangunkan program dikenali sebagai Program MARA-Petronas. Program ini bertujuan melahirkan sebanyak mungkin tenaga kerja pakar dalam bidang kimpalan melalui penekanan kepada kimpalan 6G. Kumpulan berpendapatan rendah dari golongan B40 merupakan kumpulan sasaran dalam program ini bagi memastikan kumpulan ini tidak terus terpinggir. Berdasarkan data yang diperoleh daripada 82 orang responden, hampir 98.8% pelajar adalah berasal daripada keluarga dalam kumpulan B40.

Objektif kajian:

- Mengkaji kebolehpasaran lepasan pelajar selepas mengikuti program MARA- Petronas
- Mengkaji perolehan pendapatan selepas mengikuti program MARA-Petronas
- Mengukur tahap kepuasan pelajar yang telah tamat mengikuti program MARA-Petronas

PROGRAM/ PROJEK	KEBERKESANAN PROGRAM KIMPALAN 6G MARA-PETRONAS			
KPI	i. 85% kebolehpasaran pelajar yang mengikuti Program Sijil Kimpalan 6G dalam tempoh 6 bulan ii. 85% pelajar Sijil Kimpalan 6G yang memperoleh sekurang-kurangnya RM2,000 selepas menamatkan program iii. 85% mencapai tahap kepuasan hati melalui Program Kimpalan 6G			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
i. Melahirkan tenaga kerja mahir dan pakar di dalam bidang kimpalan 6G	i. Bilangan bumiputera yang mendapat pensijilan Kimpalan 6G	i. 1,407 pelajar bumiputera berjaya menamatkan program (99.6%) – 2012-2017	i. Kebolehpasaran pelajar program adalah sekurang-kurangnya 85% dalam tempoh 6 bulan	i. 90.7% graduan bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas tamat latihan
ii. Memenuhi keperluan yang selari dengan industri minyak & gas	ii. Bilangan program/kemahiran 6G yang ditawarkan	ii. 7 sijil kompetensi (6GR SMAW, 6GCGTAW/ SMAW, 6G GTAW, 6G STAINLESS STEEL GTAW, Safety, Fire Fighting / First Aid, Piping System)	ii. Sekurang-kurangnya 85% graduan memperoleh pendapatan RM2,000 dan ke atas	ii. 86.9% graduan berpengalaman mendapat gaji minimum RM2,000.00
iii. Meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi lepasan pelajar program	iii. Bilangan pengambilan pelajar setahun	iii. Pengambilan pelajar tiga (3) kali setahun – 240 orang pelajar setahun	iii. Sekurang-kurangnya 85% graduan berpuas hati dengan program kimpalan 6G	iii. 99.25% pelajar berpuas hati dengan kualiti program Kimpalan 6G

OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
iv. Memberi peluang kepada lepasan pelajar dalam bidang kimpalan menyambung pelajaran dalam bidang latihan teknikal	iv. Bilangan pusat latihan Kimpalan 6G empat (4) IKM	iv. Empat (4) buah IKM sebagai pusat latihan Kimpalan 6G (IKM Jasin, IKM TSYA, IKM Sg. Petani, IKM Kota Kinabalu)		

4. Kajian Keberkesanan Program Usahawan Teknikal (PUTEK)

Pengenalan

Program PUTEK disediakan untuk membantu MARA dalam melahirkan usahawan teknikal (*technopreneur*) bumiputera melalui bantuan kemudahan mesin dan peralatan serta modal pusingan sebagai persediaan kepada usahawan untuk memulakan dan seterusnya mengembangkan perniagaan. Dari tahun 2011 hingga 2015 MARA telah diperuntukkan kewangan daripada EPU sebanyak RM37.5 juta. Kemudahan yang disediakan di bawah program PUTRA meliputi kemudahan pembiayaan modal pusingan serta mesin dan peralatan sehingga RM500,000.00 yang berbentuk pinjaman tanpa faedah (60%) dan geran (40%). Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur keberkesanan Program PUTEK dari aspek peningkatan nilai jualan dan peningkatan penghasilan produk dalam perniagaan/ syarikat.

Objektif kajian:

- Menilai peningkatan jualan syarikat
- Menilai keupayaan syarikat dalam peningkatan teknologi
- Menilai keupayaan syarikat melalui peningkatan penghasilan produk
- Menilai keupayaan syarikat mewujudkan peluang pekerjaan

PROGRAM/ PROJEK	KEBERKESANAN PROGRAM USAHAWAN TEKNIKAL (PUTEK)			
KPI	i. 25% syarikat mendapat peningkatan 15% nilai jualan syarikat ii. 80% syarikat mempunyai peningkatan dalam teknologi iii. 25% syarikat mendapat peningkatan 10% penghasilan produk iv. 25% syarikat mewujudkan 5% peluang pekerjaan			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
Melahirkan dan mewujudkan usahawan-usahawan dalam bidang teknikal bumiputera	Melahirkan 400 orang usahawan teknikal ✓ Tahun 2011: RM7.5 juta	592 usahawan teknikal ✓ Tahun 2011: 113 usahawan	i. 25% syarikat mendapat peningkatan 15% nilai jualan syarikat	i. Sebanyak 36.74% syarikat telah menunjukkan peningkatan 15% nilai jualan

OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tahun 2013: RM10 juta ✓ Tahun 2014 : RM10 juta ✓ Tahun 2015 : RM10 juta 	✓ Tahun 2012: 106 usahawan	✓ Tahun 2013: 119 usahawan	ii. 80% syarikat mempunyai peningkatan dalam teknologi	ii. Sebanyak 231 syarikat (99%) telah meningkat sebanyak 10% dalam teknologi
	✓ Tahun 2014: 133 usahawan	✓ Tahun 2015: 121 usahawan	iii. 25% syarikat mendapat peningkatan 10% penghasilan produk	iii. Sebanyak 45.84% syarikat telah menunjukkan peningkatan 10% penghasilan produk
			iv. 25% syarikat mewujudkan 5% peluang pekerjaan	iv. 64.80% syarikat telah mewujudkan 5% peluang pekerjaan

5. Program DwiSijil SPMRSM IGCSE, MRSM Tun Abdul Razak

Pengenalan

Program SPMRSM IGCSE merupakan program sistem pendidikan dwisijil iaitu IGCSE dan SPM. Melalui program ini pelajar yang terlibat akan menduduki peperiksaan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) semasa di Tingkatan 4 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semasa di Tingkatan 5. SPMRSM IGCSE merupakan sistem pendidikan alternatif bertaraf antarabangsa yang diperakui oleh British GCSE dan International GCE O Level yang ditawarkan oleh *Cambridge Assessment International Education* (CAIE). Selain peperiksaan IGCSE yang perlu diduduki oleh pelajar, fokus juga diberi kepada penerapan lima (5) *Cambridge Learner Attributes* iaitu Keyakinan (*Confident*), Bertanggungjawab (*Responsible*), Inovatif (*Innovative*), Keterlibatan (*Engaged*) dan Reflektif (*Reflective*). Fokus kajian ini adalah terhadap pelaksanaan program Dwisijil SPMRSM IGCSE di MRSM Tun Abdul Razak (TAR) yang merupakan MRSM perintis bagi program ini.

PROGRAM/ PROJEK	PROGRAM DWISIJIL SISTEM PENDIDIKAN MRSM IGCSE (SPMRSM IGCSE)			
KPI	1. 50% pelajar mencapai sekurang-kurangnya Gred 5C dalam peperiksaan IGCSE 2. 60% pelajar mencapai sekurang-kurangnya 6A dalam peperiksaan SPM 3. 75% responden (ibu bapa, guru dan pelajar) bersetuju dan berpuas hati terhadap (i) ciri yang dihayati oleh pelajar berdasarkan 5 <i>Cambridge Learner Attributes</i> dan (ii) infrastruktur MRSM TAR 4. Nilai korelasi positif pencapaian akademik antara IGCSE dengan SPM 5. 100% pelajar akan melanjutkan pelajaran ke IPT dengan 80% memilih bidang profesional			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
i. Menyediakan perkhidmatan pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Kelas - 28 • Makmal - 17 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelas - 28 (100%) • Makmal - 17 (100%) 	<ul style="list-style-type: none"> • 50% pelajar mendapat sekurang- 	<ul style="list-style-type: none"> • Peratusan pelajar mendapat sekurang-

OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
menengah alternatif melalui Sistem Pendidikan ii. Melahirkan pelajar holistik yang mempunyai lima (5) <i>Cambridge Learner Attributes</i> yang seimbang dari segi pencapaian akademik dan pembentukan nilai diri iii. Melahirkan generasi yang memilih bidang profesional di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel - 2 • Surau - 1 • Dewan Besar - 1 • Dewan Selera - 1 • Pusat Sumber - 1 • Asrama Lelaki - 420 katil • Asrama Perempuan - 420 katil • Kompleks sukan - 1 • Kompleks pentadbiran - 1 • Guru - 63 orang 	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel - 2 (100%) • Surau - 1 (100%) • Dewan Besar - 1 (100%) • Dewan Selera - 1 (100%) • Pusat Sumber - 1 (100%) • Asrama Lelaki - 420 katil (100%) • Asrama perempuan - 420 katil (100%) • Kompleks sukan - 1 (100%) • Kompleks pentadbiran - 1 (100%) • Guru - 63 orang (100%) 	kurangnya 5C dalam Peperiksaan IGCSE • 60% pelajar mendapat sekurang-kurangnya 6A dalam Peperiksaan SPM • 75% responden bersetuju dan berpuas hati terhadap: → Ciri yang dihayati oleh pelajar berdasarkan lima (5) <i>Cambridge Learner Attributes</i> .	kurangnya 5C dalam peperiksaan IGCSE → Kohort 1- 79% → Kohort 2-80% → Kohort 3-71% • Peratusan pelajar mendapat sekurang-kurangnya 6A dalam SPM: → Kohort 1- 66% → Kohort 2- 50% → Kohort 3- 53% • Perincian peratus keyakinan terhadap ciri <i>Cambridge Learner Attributes</i> : → 83.6% - <i>Confident</i> → 84.8% - <i>Responsible</i> → 88.6% - <i>Reflective</i> → 79.5% - <i>Innovative</i> → 79.8% - <i>Engaged</i> → Infrastruktur MRSM TAR • Peratusan responden yang berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur: → 80.5% - Blok Akademik → 83.5% - surau → 91.6% - Dewan Besar, → 78.7% - Dewan Selera → 77.5% - Pusat Sumber Pembelajaran → 74.1% - Asrama → 84.9% - Kemudahan padang permainan 81.5% responden setuju dan berpuas hati dengan

OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
				dengan kemudahan infrastruktur MRSM TAR
			<ul style="list-style-type: none"> Korelasi positif yang tinggi dalam pencapaian akademik antara IGCSE dengan SPM 	<ul style="list-style-type: none"> Korelasi positif yang tinggi dalam pencapaian akademik antara peperiksaan IGCSE dan SPM iaitu antara 0.409 (sederhana) hingga 0.856 (sangat tinggi) bagi enam subjek yang diduduki oleh pelajar kohort 1 hingga kohort 3
			<ul style="list-style-type: none"> 100% pelajar melanjutkan pelajaran ke IPT dengan 80% daripadanya memilih bidang profesional 	<ul style="list-style-type: none"> 100% pelajar MRSM Tun Abdul Razak (2011-2017) berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara dengan 87.3% daripadanya memilih bidang profesional

6. Program Penyewaan Premis Perniagaan di Arked & Bazar MARA

Pengenalan

MARA menyediakan ruang dan lot premis komersial untuk disewa kepada usahawan bumiputera sebagai platform memasarkan produk dan perkhidmatan di tempat yang strategik dengan kadar sewa yang kompetitif. Antara premis komersial MARA yang terawal adalah di Lot Komersial Jalan Munshi Abdullah, Melaka pada tahun 1958 serta di Arked Munawir di Negeri Sembilan pada tahun 1966.

Sehingga 2018, terdapat sebanyak 304 projek Arked dan Bazar MARA di seluruh negara dengan keseluruhan ruang niaga sebanyak 5,467 lot ruang niaga. Bagi memastikan kelangsungan usahawan untuk terus menjalankan perniagaan, MARA berusaha untuk menyediakan lot ruang niaga yang kondusif, pada harga yang kompetitif di arked dan bazar MARA. Di samping itu, pelbagai aktiviti keusahawanan dan program pembangunan penyewa dilaksanakan bagi memastikan perniagaan usahawan sentiasa berdaya maju.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengukur pencapaian *outcome* usahawan yang menyewa di arked dan bazar MARA dari aspek:

- Peningkatan nilai jualan sebelum dan selepas menyewa di arked dan bazar MARA
- Peningkatan peluang pekerjaan baru yang diwujudkan
- Pengembangan perniagaan usahawan
- Kepuasan hati usahawan dengan kemudahan/fasiliti yang disediakan

PROGRAM/ PROJEK	PENYEWAAN PREMIS PERNIAGAAN ARKED DAN BAZAR MARA			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
KPI	<ol style="list-style-type: none"> 70% usahawan dapat meningkatkan nilai jualan sekurang-kurangnya 25% selepas menyewa di arked/bazar MARA 80% peningkatan peluang pekerjaan 80% usahawan memperoleh 15% pengembangan perniagaan selepas menyewa di arked/bazar MARA 85% kepuasan hati usahawan terhadap kemudahan guna sama di arked dan bazar MARA 			
i. Menyediakan lot ruang niaga untuk usahawan	• Arked - 120 projek dengan 3,516 lot niaga diurus dan diselenggara	• Arked - 120 projek dengan 3,516 lot niaga diurus dan diselenggara	• 70% usahawan meningkat nilai jualan sekurang-kurangnya 25%	• 94.1% usahawan meningkat nilai jualan sekurang-kurangnya 25%
ii. Meneroka peluang dalam peningkatan pendapatan	• Bazar - 184 projek dengan 1,951 lot niaga diurus dan diselenggara	• Bazar - 184 projek dengan 1,951 lot niaga diurus dan diselenggara	• 80% peningkatan peluang pekerjaan	• 97.9% peningkatan peluang pekerjaan
iii. Mewujudkan peluang pekerjaan	• Pengisian sebanyak 3,165 (90%) lot arked	• Pengisian sebanyak 2,912 lot arked (82.82%)	• 80% usahawan memperoleh 15% pengembangan perniagaan	• 94.8% usahawan memperoleh 15% pengembangan perniagaan
iv. Menilai peningkatan pendapatan usahawan	• Pengisian sebanyak 1,756 (90%) lot bazar	• Pengisian sebanyak 1,631 lot bazar (83.65%)	• 85% kepuasan hati usahawan terhadap arked dan bazar MARA	• 99.3% kepuasan hati usahawan terhadap arked dan bazar MARA

7. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres GLC (SPiKE GLC)

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), MARA telah diluluskan peruntukan sebanyak RM62,200,000.00 bagi melaksanakan Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres GLC (SPiKE GLC) bagi tahun 2016. Sehubungan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres GLC (SPiKE GLC) dalam membantu mempertingkatkan taraf perniagaan kontraktor atau vendor bumiputera.

Kajian ini akan memfokuskan kepada kepentingan, cabaran dan sumbangan Program Pembiayaan Perniagaan MARA bukan sahaja kepada kontraktor atau vendor bumiputera tetapi juga sebagai medium ejen perubahan kepada peningkatan taraf perniagaan dan ekonomi usahawan bumiputera.

PROGRAM/ PROJEK	SKIM PEMBIAYAAN KONTRAK EKSPRES - GLC (SPIKE GLC)			
KPI	1. 100% kutipan bayaran balik pembiayaan SPIKE GLC 2. 70% responden mendapat peningkatan jualan tahunan melebihi 25% 3. 70% responden mendapat peningkatan keuntungan tahunan syarikat melebihi 25% 4. 60% responden mendapat peningkatan bilangan kontrak yang diterima 5. 60% responden mendapat peningkatan nilai kontrak yang diterima 6. 88% kepuasan pelanggan [Indeks Kepuasan Pelanggan (cemerlang & baik dan Biro Pengaduan Awam)] 7. 5% peningkatan gred / kelas kontraktor			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
i. Memperkasa kontraktor dan vendor bumiputera yang mendapat kerja kontrak daripada GLC dengan bantuan kewangan / modal	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan kepada kontraktor yang mendapat kerja kontrak dari GLC bagi tahun 2016 Pengeluaran Pembiayaan SPIKE GLC bagi tahun 2016 sebanyak RM62.2 juta 	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan kepada 621 orang kontraktor bagi tahun 2016 Pengeluaran Pembiayaan SPIKE GLC bagi tahun 2016 sebanyak RM62.2 juta 	i. 100% kutipan bayaran balik pembiayaan SPIKE GLC ii. 70% responden mendapat peningkatan jualan tahunan melebihi 25% iii. 70% responden mendapat peningkatan keuntungan tahunan melebihi 25% iv. 60% responden mendapat peningkatan dalam bilangan kontrak yang diterima v. 60% responden mendapat peningkatan nilai kontrak yang diterima vi. 88% responden berpuas hati dengan SPIKE GLC vii. 5% Peningkatan gred / kelas kontraktor	i. 100% kutipan bayaran balik pembiayaan SPIKE GLC ii. 59% responden mendapat peningkatan jualan melebihi 25% iii. 62% responden mendapat peningkatan keuntungan melebihi 25% iv. 75% responden mendapat peningkatan dalam bilangan kontrak yang diterima v. 65% responden mendapat peningkatan nilai kontrak yang diterima vi. 90% responden berpuas hati dengan SPIKE GLC vii. 8% Peningkatan gred / kelas kontraktor
ii. Meningkatkan peluang dan kapasiti kontraktor dan vendor mendapat kontrak / projek daripada GLC				
iii. Menyediakan skim pembiayaan jangka pendek yang Islamik, mudah dan cepat				

8. Program PUTRA

Pengenalan

Program PUTRA adalah inisiatif bagi melahirkan usahawan kecil dinamik daripada golongan belia/generasi muda, terutamanya dalam kalangan pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang mahu memulakan perniagaan buat kali pertama. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), MARA melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM124,400,000.00 untuk melaksanakan Program PUTRA bagi tahun 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Program PUTRA dalam membantu bakal-bakal usahawan memulakan perniagaan.

Objektif Kajian

Mengkaji keberkesanan Program Pembiayaan Kontrak Ekspres GLC (SPiKE-GLC) kepada kontraktor bumiputera daripada segi:

- Kutipan bayaran balik
- Peningkatan jualan tahunan syarikat
- Peningkatan keuntungan tahunan syarikat
- Peningkatan bilangan kontrak yang diterima
- Peningkatan nilai kontrak yang diterima
- Kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan dan produk SPIKE GLC
- Peningkatan gred/kelas kontraktor dalam setahun

PROGRAM/ PROJEK	PROGRAM PUTRA			
KPI	1. 70% usahawan memperoleh nilai jualan sekurang-kurangnya RM30,000.00 setahun 2. 40% usahawan mewujudkan peluang pekerjaan [sekurang-kurangnya dua (2) hingga tiga (3) orang] 3. 80% usahawan berkeyakinan untuk meneruskan perniagaan			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
Melahirkan usahawan kecil dinamik daripada golongan belia/generasi muda untuk memulakan perniagaan	Bilangan usahawan yang lahir dari program ini 2014 : 2,800 2015 : 4,000 2016 : 400 2017 : 1,050 2018 : 575 (setakat Jun)	2014 : 2,889 2015 : 5,768 2016 : 497 2017 : 1,231 2018 : 835 (setakat Jun)	1. 70% usahawan memperoleh nilai jualan sekurang-kurangnya RM30,000.00 2. 40% usahawan mewujudkan peluang pekerjaan	1. 79.3% usahawan berjaya memperoleh nilai jualan sekurang-kurangnya RM30,000.00 setahun 2. Sebanyak 53% usahawan berjaya mewujudkan peluang pekerjaan (sekurang-kurangnya 2 hingga 3 orang) 3. 96% usahawan mempunyai keyakinan diri untuk berdaya saing dalam bidang perniagaan

9. Projek Pembinaan Kompleks Perniagaan, Jalan Tuanku Abdul Rahman Wilayah Persekutuan (MENARA MARA)

Pengenalan

Bangunan MARA yang pertama setinggi sembilan (9) tingkat dengan satu (1) *basement parking* terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman dibina pada tahun 1965 dengan kos RM3,473,851.06. Bangunan ini asalnya menempatkan Ibu Pejabat MARA sehingga tahun 1986. Kemudiannya bangunan ini digunakan sebagai Pusat Latihan Akademik Infotech MARA (AIM), Institut Perdagangan MARA (IPM) dan juga Pusat Latihan Kakitangan MARA (ILHAM).

Dalam RMKe-8, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (UPE) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk projek peningkatan bangunan sedia ada kepada bangunan kompleks perniagaan. Di bawah kajian separuh penggal RMKe-8 projek ini telah mendapat tambahan peruntukan sebanyak RM20 juta, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan kepada RM50 juta.

Pada tahun 2006 MARA telah mendapatkan peruntukan tambahan daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) sebanyak RM140 juta. Pada 12 Julai 2006 dalam Mesyuarat Pasca Kabinet Y.B Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah menyarankan pembangunan semula bangunan MARA lama ini dikaji semula agar dapat melambangkan kejayaan bumiputera di bandar raya Kuala Lumpur.

Objektif Kajian:

- i. Mengkaji peningkatan hasil jualan usahawan yang menyewa di Menara MARA
- ii. Mengkaji perkembangan usahawan yang menyewa di Menara MARA dari aspek pengembangan operasi
- iii. Mengenal pasti tahap kepuasan usahawan dan pengunjung Menara MARA
- iv. Mengkaji prestasi kutipan sewa Menara MARA bagi tahun 2015 hingga 2017

PROGRAM/ PROJEK	PEMBINAAN KOMPLEKS PERNIAGAAN, JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, WILAYAH PERSEKUTUAN			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT		OUTCOME	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
KPI	1. 25% usahawan meningkatkan nilai jualan 2. Pengembangan perniagaan usahawan ke lokasi lain sebanyak 25% 3. 85% tahap kepuasan pelanggan 4. 80% kutipan bayaran sewa dari tahun 2015 hingga 2017			
Menyediakan ruang niaga, pusat latihan, pejabat dan bilik penginapan bagi meningkatkan penglibatan usahawan bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> • Tiga (3) tingkat <i>basement parking</i> • Lima (5) tingkat komersial • 55 ruang niaga • Dua (2) tingkat pusat latihan • 18 tingkat pejabat • Lima (5) tingkat penginapan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiga (3) tingkat <i>basement parking</i> • Lima (5) tingkat komersial • 55 ruang niaga • Dua (2) tingkat pusat latihan • 18 tingkat pejabat • Lima (5) tingkat penginapan 	i. 25% usahawan meningkatkan nilai jualan ii. Pengembangan perniagaan usahawan ke lokasi lain sebanyak 25% iii. 85% tahap kepuasan pelanggan iv. 80% kutipan bayaran sewa dari tahun 2015 hingga 2017	i. 45% usahawan berjaya meningkatkan nilai jualan ii. Pengembangan perniagaan usahawan ke lokasi lain sebanyak 43.4% iii. 91.7% tahap kepuasan usahawan & 88% tahap kepuasan pengunjung iv. 96% tahun 2015, 98% tahun 2016, 99% tahun 2017 kutipan bayaran sewa diperoleh



**TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT**

TABUNG
**SUMBANGAN
PEMBUKAAN AKAUN SSPN**
Simpan, Simpan, Simpan,
Jitang! Dana Ujara!

TABUNG
**SUMBANGAN
PEMBUKAAN AKAUN SSPN**
Simpan, Simpan, Simpan,
Jitang! Dana Ujara!

TABUNG
**SUMBANGAN
PEMBUKAAN AKAUN SSPN**
Simpan, Simpan, Simpan,
Jitang! Dana Ujara!

TABUNG
**SUMBANGAN
PEMBUKAAN AKAUN SSPN**
Simpan, Simpan, Simpan,
Jitang! Dana Ujara!

TABUNG
**SUMBANGAN
PEMBUKAAN AKAUN SSPN**
Simpan, Simpan, Simpan,
Jitang! Dana Ujara!

YAYASAN PELAJARAN MARA

Yayasan Pelajaran MARA telah ditubuhkan di bawah Seksyen 25, Akta Majlis Amanah Rakyat 1966. Menurut peraturan-peraturan Yayasan Pelajaran MARA yang diwartakan pada 1 Mei 1969, maksud dan tujuan penubuhan YPM adalah seperti berikut:

1. mengadakan kemudahan pelajaran dan latihan kepada bumiputera;
2. menggalakkan pelajaran dan latihan bumiputera; dan
3. menubuhkan dan mengadakan biasiswa, pemberian dan lain-lain bantuan wang kepada bumiputera bagi maksud membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.

Dalam tempoh masa 13 tahun pertama penubuhan, fokus YPM lebih tertumpu kepada aktiviti pengumpulan harta dan aset. Tempoh masa 18 tahun seterusnya (1983 - 2001) adalah masa yang sangat aktif bagi YPM memenuhi maksud dan tujuan penubuhan YPM yang pertama dan kedua iaitu mengadakan kemudahan pelajaran dan latihan bagi bumiputera, dan menggalakkan pelajaran dan latihan bumiputera.

Kini, fokus Yayasan Pelajaran MARA tertumpu sepenuhnya kepada penubuhan, pentadbiran dan pengurusan tabung dana "Kumpulan Wang YPM" bagi tujuan bantuan kewangan untuk meningkatkan taraf pendidikan dan taraf hidup golongan bumiputera.

Aktiviti / Program YPM

1. Pembangunan Dana

- i. Mendapatkan dana melalui jalinan strategik bersama individu, agensi kerajaan, GLC, syarikat swasta, Majlis Agama Islam Negeri dan badan bukan kerajaan;
- ii. Mengumpul dan menguruskan dana untuk aktiviti tanggungjawab sosial (CSR);
- iii. Mengumpul dan memanfaatkan dana zakat yang diterima; dan
- iv. Menjadi ejen kutipan zakat bagi pihak Lembaga Zakat Selangor.

Jumlah Kutipan dan Sumbangan Dana Bagi Tahun 2017 dan 2018

Tahun	Korporat (RM)	Individu (RM)	Zakat (RM)	Jumlah (RM)
2017	774,286.00	25,440.00	66,345.09	866,071.09
2018	5,226,281.91	944,156.00	37,751.00	6,208,189.75

Nota : Kutipan dana tertinggi daripada korporat / organisasi penaja sejak penubuhan YPM



Booth Pameran YPM bersempena program BLESS MARA 2018 di Alor Setar, Kedah

2. Tuisyen MARA 2018

Program Tuisyen MARA 2018 merupakan program tuisyen secara percuma kepada pelajar-pelajar calon SPM dan UPSR yang berpendapatan rendah khususnya di kawasan luar bandar. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Peserta program merupakan pelajar bumiputera dari keluarga berpendapatan rendah dan tahap pencapaian akademik sederhana daripada sekolah-sekolah sekitar pusat terpilih. Tuisyen MARA dilaksanakan di MRSM atau sekolah yang terpilih.



Tuisyen MARA



Majlis perasmian penutupan Tuisyen MARA 2018 di MRSM Beseri, Perlis

3. Skim Pembiayaan Pendidikan Tinggi (SPIN)

Program ini membolehkan pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera yang memperoleh keputusan akademik sederhana dan tercicir dari arus perdana pendidikan untuk menyambung pengajian ke peringkat seterusnya.



Penerima tajaan pembiayaan SPIN di MYLAND, Melaka

Melalui program ini, Skim Pembiayaan Pendidikan (SPIN) disasarkan kepada pelajar bumiputera berlatar belakang keluarga berpendapatan bawah RM3,000.00 dengan menyediakan pembiayaan yuran pengajian bagi mengikuti kursus-kursus Pra Universiti, sijil dan program kemahiran terpilih.

4. Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP)

Program ini menyediakan bantuan kewangan secara *one-off* bagi meringankan masalah kewangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi. Skop bantuan di bawah SDEP berbentuk bantuan persediaan kemasukan, yuran pengajian, yuran tertunggak dan sara diri.



Penerima tajaan Maybank Islamic Berhad di Sekolah Bina Insan, Puchong

5. Skim Bantuan Persekolahan YPM

Yayasan Pelajaran MARA (YPM) melaksanakan inisiatif CSR kepada pelajar miskin yang sedang bersekolah. Bantuan yang disampaikan adalah sebagai galakan untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar. Inisiatif berbentuk bantuan peralatan dan kelengkapan persekolahan serta wang tunai yang berperanan memastikan pelajar dari golongan pertengahan dan rendah mendapat perhatian sewajarnya selain memberi sokongan moral kepada ibu bapa dan penjaga dalam membantu menyediakan keperluan persekolahan.

Skim ini terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:

- i. Skim Bantuan Persekolahan – sekolah rendah dan menengah;
- ii. Skim Bantuan Persekolahan – NGO / rakan strategik;
- iii. Skim Bantuan Persekolahan – program khas; dan
- iv. Skim Bantuan Khas Persekolahan.



Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan kepada pelajar di Sik / Baling, Kedah

6. Skim Anak Angkat

Skim ini menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar bagi meneruskan persekolahan sehingga tamat Tingkatan 5. Skim ini adalah strategi dalam usaha murni YPM untuk mengajak masyarakat bersama-sama mengambil peduli terhadap nasib anak-anak yang kurang bernasib baik agar dapat menikmati alam persekolahan dengan lebih sempurna melalui bantuan yang diberikan.

Bil	Negeri	Jumlah Anak Angkat
1	Perlis	48
2	Kedah	85
3	Pulau Pinang	67
4	Perak	496
5	Selangor	226
6	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	104
7	Melaka	62
8	Negeri Sembilan	68
9	Johor	122
10	Pahang	110
11	Terengganu	98
12	Kelantan	129
13	Sabah	49
14	Sarawak	116
Jumlah Keseluruhan		1,780

Jumlah Penyumbang Mengikut Kategori

14 Korporat
83 Individu
7 YPM

98
Jumlah Keseluruhan



Program Anak Angkat YPM membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk meneruskan persekolahan

7. Sukarelawan YPM

Yayasan Pelajaran MARA mengorak langkah untuk mempunyai skuad sukarelawan sendiri bagi membantu program-program khidmat pendidikan di seluruh negara. Sehubungan itu bermula Jun 2018, Seksyen Kesukarelawan dan Kepimpinan telah diwujudkan bagi menyelaras aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan kepimpinan. Seksyen ini berperanan menggembelng usaha dan tenaga khidmat sukarelawan dan kepimpinan dalam kalangan masyarakat dan meningkatkan semangat kesukarelawan dan kepimpinan dalam kalangan individu yang pernah menerima manfaat daripada YPM, golongan belia, NGO, orang awam, serta menjalankan kerjasama bersama para penyumbang dalam melaksanakan program. Seramai 534 orang sukarelawan berjaya dilahirkan pada tahun 2018.



Sambutan Hari Sukarelawan 2018 bersama sukarelawan YPM di Taman Tasik Dato' Keramat, Kuala Lumpur

8. Malaysia Japan Higher Education Program (MJHEP)

Malaysia Japan Higher Education Program [MJHEP] adalah salah satu program di bawah Dasar Pandang ke Timur yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada tahun 1982.

Bermula pada Mac 1993 YPM telah melaksanakan tanggungjawab sebagai agensi pelaksana selama 25 tahun. Sebelum ini program ini dikenali dengan nama Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi (DPPT) atau *Higher Education Loan Fund Project* (HELP). Projek ini telah melalui 4 (empat) fasa pelaksanaan iaitu:

1. Projek DPPT I/HELP I (1993 – 2004) – 291 graduan;
2. Projek DPPT II/HELP II (1999 – 2009) – 349 graduan;
3. Projek DPPT III/HELP III (2005 – 2015) – 548 graduan; dan
4. Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun / *Malaysia Japan Higher Education Program* (MJHEP) – (2011 – 2023) – 365 graduan.

Objektif program ini adalah untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi yang akan menyumbang kepada pembangunan industri dan ekonomi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.



Majlis "Sotsugyou Shiki" 2018
Pelajar Tajaan YPM di Hotel
Premiera, Menara MARA, Kuala
Lumpur



PERISTIWA KORPORAT 2018



29 Jan

Sesi Townhall bersama Ketua Pengarah MARA



25 Feb

Festival Hujung Minggu Kuala Lumpur (FHMKL) 2018



10 Apr

Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (IPMA)



3 Jul

Sambutan Hari Pendidik 2018



23 Jan

Program Building Leaders & Entrepreneurial Society (BLESS) Zon Utara



8 Feb

The BrandLaureate SMEs Strategic Business Partner Award 2018



15 Mac

Majlis Wacana bersama Tokoh MARA di Sambutan Hari MARA ke-52



8 Jun

Sesi Taklimat bersama YB Menteri KPLB



2 Sept

Larian MARA Sihat 2018



26 Sept

Majlis Perasmian Asean Psychology & Counselling Conference (APCC)



14 Okt

Majlis Konvokesyen Universiti Kuala Lumpur Ke - 15



2 Nov

Majlis Malam Apresiasi 2018



13 Nov

Majlis Anugerah Hari Inovasi MARA 2018



14 Ogos

Majlis Perasmian MARA-NAICO International Aerospace Symposium (MINAS) 2018



22 Sept

Majlis Perasmian Program MERCU: Aspirasi Keusahawanan Bumiputera 2018



26 Sept

Majlis Amanat YBM KPLB Bersama Ahli Majlis MARA



26 Okt

MARA Japan Industrial Institute Robofight Competition 2018



10 Dis

Majlis Podium Perdana Siswa IPMA 2018

2018



PENYATA KEWANGAN

MAJLIS AMANAH RAKYAT DISATUKAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (BERAUDIT)



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AMANAH RAKYAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 67.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

1. Penghutang Syarikat Berkaitan Terlebih Nyata Sejumlah RM136,262,387

Penghutang syarikat subsidiari terlebih nyata sejumlah RM136,262,387 iaitu sejumlah RM133,930,822 bagi Mara Corporation Sdn. Bhd dan sejumlah RM2,331,565 bagi Universiti Teknikal Mara Sdn. Bhd.

2. Pemiutang Syarikat Berkaitan Terkurang Nyata Sejumlah RM56,281,863

Majlis Amanah Rakyat tidak merekodkan baki pemiutang syarikat subsidiari berjumlah RM56,281,863 iaitu sejumlah RM41,321,847 bagi Yayasan Pelajaran Mara dan sejumlah RM14,960,016 bagi GIATMARA Sdn. Bhd. di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018. Sejumlah RM56,281,863 tersebut didapati direkodkan sebagai lebih terkumpul dalam tahun semasa.

3. Elaun Rosot Nilai Penghutang Pinjaman Pelajaran Terkurang Nyata Sejumlah RM118,182,937

Elaun Rosot Nilai Penghutang Pinjaman Pelajaran terkurang nyata sejumlah RM118,182,937 kerana Majlis Amanah Rakyat tidak mengambil kira elaun rosot nilai ke atas 4,639 pinjaman berstatus 'Telah Dibawa Kepada Unit Undang-undang'.

4. Penghutang Program *The Baron* Tidak Diiktiraf Sejumlah RM290,855,171

Program *The Baron* adalah satu program khas bagi mewujudkan, membangun dan meningkatkan peluang-peluang perniagaan dalam industri strategik melalui penyediaan kemudahan dan pelbagai insentif. Objektif utama program ini adalah untuk membantu usahawan korporat Bumiputera memiliki bilangan ekuiti, memberikan kuasa mentadbir dan seterusnya menerajui sebuah syarikat berpotensi di mana penerima pinjaman dikehendaki membuat bayaran balik pinjaman mengikut terma dalam perjanjian. Sehingga 31 Disember 2018, Majlis Amanah Rakyat tidak melaporkan sejumlah RM290,855,171 sebagai penghutang Program *The Baron* melibatkan seramai 93 peminjam dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

5. Wang Tunai dan Baki di Bank Terkurang Nyata Sejumlah RM56,933,450

Wang tunai dan baki di bank dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 terkurang nyata sejumlah RM56,933,450 walaupun amaun tersebut telah dikreditkan ke akaun bank Majlis Amanah Rakyat dalam tahun 2018.

6. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Terkurang Nyata Sejumlah RM2,500,000

Pelaburan dalam syarikat subsidiari terkurang nyata sejumlah RM2,500,000 kerana sebanyak 2,500,000 unit saham berjumlah RM2,500,000 milik Asia Aerotechnic Sdn. Bhd. telah dihapuskan walaupun masih dalam pegangan Majlis Amanah Rakyat.

7. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Terlebih Nyata Sejumlah RM1,970,921

Pelaburan dalam syarikat subsidiari iaitu Asia Aerotechnic Sdn. Bhd terlebih nyata sejumlah RM1,970,921 kerana termasuk dalam kos pelaburan tersebut adalah sejumlah RM1,970,921 yang merupakan perbelanjaan bagi program EASA.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Majlis, Majlis Amanah Rakyat bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489). Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Amanah Rakyat atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489), saya juga melaporkan

- a. Syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya telah dinyatakan di Nota 48 dalam penyata kewangan.
- b. Laporan Juruaudit ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari tidak mengandungi teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan selain daripada berikut:
 - i. Juruaudit yang dilantik untuk mengaudit penyata kewangan syarikat subsidiari Yayasan Pelajaran Mara telah menyatakan Pendapat Berteguran ke atas Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Mara bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Asas kepada pendapat berteguran adalah disebabkan juruaudit tidak dapat mengesahkan atau mengesahkan secara alternatif akaun belum terima kumpulan dan akaun pemiutang perniagaan kumpulan masing-masing berjumlah RM2,716,287 dan RM3,352,631 dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018.
 - ii. Penyata kewangan syarikat subsidiari Mara Corporation Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 merekodkan kerugian bersih sejumlah RM3,171,996 bagi tempoh kewangan tersebut. Liabiliti semasa telah melebihi aset semasa sejumlah RM43,207. Di samping itu, Majlis Amanah Rakyat tidak menyediakan surat sokongan kewangan untuk membolehkan Mara Corporation Sdn. Bhd. memenuhi liabiliti dan kewajipannya. Kesan kepada situasi ini menyebabkan juruaudit syarikat Mara Corporation Sdn. Bhd. memberi Pendapat Penafian ke atas penyata Kewangan Mara Corporation Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- c. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489) untuk disimpan oleh Majlis Amanah Rakyat telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018. Majlis Amanah Rakyat perlu mempertingkatkan kawalan kualiti dan membuat semakan dengan lebih teliti terhadap penyata kewangan yang akan dikemukakan untuk diaudit.
- b. Laporan ini dibuat untuk Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



DATO' CHE ISA BIN CHE KOB
b.p.KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 NOVEMBER 2019



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Majlis

Kami, Dr. Hasnita Binti Dato' Hashim dan Dato' Azhar Bin Abdul Manaf, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis Amanah Rakyat dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

Nama : 
Dr. Hasnita Binti Dato' Hashim
Gelaran : Pengerusi
Tarikh : 26 NOV 2019
Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Majlis,


Nama : 
Dato' Azhar Bin Abdul Manaf
Gelaran : Ahli Majlis
Tarikh : 26 NOV 2019
Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AMANAH RAKYAT

Saya, Rohayah Binti Mohd Zain, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Amanah Rakyat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 20 NOV 2019)


(680313 - 11 - 5186)



Lot 1.14, Tingkat Bawah,
Bangunan Medan Mara,
50350 Jalan Raja Laut,
Kuala Lumpur.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Kumpulan

Nota	2018			2017		
	Dana mengurus RM	Dana lain-lain RM	Jumlah RM	Dana mengurus RM	Dana lain-lain RM	Jumlah RM
4	757,862,630	36,607,475	794,470,105	835,199,108	30,837,089	866,036,197
5	170,793,898	-	170,793,898	150,464,552	-	150,464,552
6	1,283,842,981	-	1,283,842,981	1,555,735,000	-	1,555,735,000
6	291,374,685	525,120,933	816,495,618	120,017,202	478,930,287	598,947,489
6	-	2,330,230,044	2,330,230,044	1,888,806,478	-	1,888,806,478
6	-	1,579,210	1,579,210	-	65,500,000	65,500,000
	2,503,874,194	2,893,537,662	5,397,411,856	2,661,415,862	2,464,073,854	5,125,489,716
	(22,528,203)	-	(22,528,203)	(49,326,748)	-	(49,326,748)
	(92,866,244)	-	(92,866,244)	(24,289,313)	-	(24,289,313)
7	(1,322,913,687)	-	(1,322,913,687)	(1,319,803,700)	-	(1,319,803,700)
	(66,063,911)	(296,265,818)	(362,329,749)	(63,243,959)	(284,604,575)	(347,848,534)
8	(79,117,572)	(259,556,839)	(338,674,411)	(21,444,525)	43,621,335	22,176,810
9	(1,307,622,106)	(2,319,774,347)	(3,627,396,453)	(1,294,102,857)	(2,217,432,577)	(3,511,535,434)
	(387,237,549)	17,940,658	(369,296,891)	(110,795,240)	5,658,037	(105,137,203)
10	7,893,256	-	7,893,256	18,060,396	-	18,060,396
11	(4,992,931)	-	(4,992,931)	(9,373,330)	-	(9,373,330)
	2,900,325	-	2,900,325	8,687,066	-	8,687,066
	73,625,765	-	73,625,765	(50,806,932)	-	(50,806,932)
	(310,711,459)	17,940,658	(292,770,801)	(152,915,106)	5,658,037	(147,257,069)
12	(17,882,559)	-	(17,882,559)	(14,527,571)	-	(14,527,571)
	(1,901,505)	-	(1,901,505)	(1,694,834)	-	(1,694,834)
	(339,496,523)	17,940,658	(321,554,865)	(169,137,511)	5,658,037	(163,479,474)
13	15,956,420	-	15,956,420	6,747,756	-	6,747,756
	(314,539,103)	17,940,658	(296,598,445)	(162,389,755)	5,658,037	(156,731,718)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

Kumpulan

Nota	2018			2017		
	Dana mengurus RM	Dana lain-lain RM	Jumlah RM	Dana mengurus RM	Dana lain-lain RM	Jumlah RM
	(10,000,042)	-	(10,000,042)	-	-	-
	(260,230)	-	(260,230)	2,846,790	-	2,846,790
	3,260,266	-	3,260,266	14,145,006	-	14,145,006
	(7,009,006)	-	(7,009,006)	16,991,796	-	16,991,796
	(321,548,109)	17,940,658	(303,607,451)	(145,397,959)	5,658,037	(139,739,922)
	(314,400,146)	17,940,658	(296,459,488)	(163,464,863)	5,658,037	(157,806,826)
	(138,957)	-	(138,957)	1,075,108	-	1,075,108
	(314,539,103)	17,940,658	(296,598,445)	(162,389,755)	5,658,037	(156,731,718)
	(321,409,152)	17,940,658	(303,468,494)	(146,473,067)	5,658,037	(140,815,030)
	(138,957)	-	(138,957)	1,075,108	-	1,075,108
	(321,548,109)	17,940,658	(303,607,451)	(145,397,959)	5,658,037	(139,739,922)

Pendapatan komprehensif lain, bersih cukai
Perkara tidak akan direklasifikasi ke keuntungan atau kerugian
Perubahan nilai sokongan pelaksanaan ekuiti pada nilai sokongan
Perkara akan atau mungkin direklasifikasi ke keuntungan atau kerugian
Perubahan nilai sokongan instrumen hutang pada nilai sokongan
Nilai sokongan aset kewangan sedia dijual
Perbezaan tukaran mata wang asing bagi operasi luar negara

Pendapatan komprehensif lain tahun semasa
Lebihan pendapatan (perbelanjaan) komprehensif tahun semasa

Pembahagian keuntungan (kerugian) kepada:-
Pemilik
Kepentingan bukan kawalan

Pembahagian jumlah pendapatan komprehensif kepada:-
Pemilik
Kepentingan bukan kawalan

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		MARA	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Liabiliti bukan semasa				
Bayaran balik biasiswa pelajaran tertunda	40	8,857,968	9,833,200	8,857,968
Pinjaman	35	124,102,610	208,299,241	150,533,839
Pemintang sewa beli	41	24,443	86,224	-
Peruntukan	38	59,653,769	59,555,771	58,765,344
Geran Pembangunan tertunda	6	8,590,564,864	8,726,594,364	8,180,830,375
Geran Penganjuran Pelajaran tertunda	6	9,376,443,874	9,531,673,918	9,298,470,461
Geran Pembiayaan Perniagaan tertunda	6	113,420,790	-	113,420,790
Geran Program Keusahawanan Pelajar tertunda	42	7,021,161	7,054,618	-
Liabiliti cukai tertunda	15	346,535	448,728	-
		18,280,436,014	18,543,546,064	17,739,370,082
		18,808,960,579	19,167,608,085	17,988,684,365
JUMLAH LIABILITI				
		2,128,020,210	2,440,987,598	1,616,465,875
Jumlah aset bersih				
		2,128,020,210	2,440,987,598	1,891,805,141
EKUITI				
Lebihan terkumpul				
Lebihan terkumpul dana mengurus		1,467,784,750	1,795,379,657	1,120,870,655
Cadangan pelaburan (Dana Kakitangan)		211,440,620	193,756,132	211,440,620
		1,679,225,370	1,989,135,789	1,332,311,275
Dana endowmen		148,000,000	145,000,000	-
Rizab terjemahan mata wang		4,117,977	857,711	-
Dana tabung kebajikan kakitangan		5,251,890	5,251,890	-
Dana tabung khas pendidikan		200,000,000	200,000,000	200,000,000
Rizab nilai sakama		81,624,155	87,769,001	84,154,600
Keperluan bukan kawalan		12,800,818	12,973,207	-
		2,128,020,210	2,440,987,598	1,891,805,141
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI				
		20,933,980,789	21,608,595,683	19,605,150,210

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Kumpulan	Lebihan/Defisit RM	Cadangan Pelaburan (Dana Kakitangan)		Rozab nilai sakama	Dana amalwaman	Dana Program Penganjuran Pelajaran	Dana khas pembinaan perniagaan	Dana tabung kebijakan kakitangan	Dana khas tabung khas pendidikan	Keperluan bukan kawalan	Jumlah	RM
		RM	RM									
Padai 1 Januari 2017, apartei ditujutukur sebelum Perubahan tahun sebahai	125,110,149 1,833,734,373	188,096,095 -	(11,976,923) 689,297	(30,548,172) 115,470,383	145,000,000 -	8,916,546,934 (8,916,546,934)	367,220,012 (367,220,012)	5,251,890 -	200,000,000 -	9,902,702,314 (7,333,872,897)	11,179,438 718,661	9,913,881,752 (7,333,154,232)
Padai 1 Januari 2017, apartei ditujutukur semula	1,958,844,520	198,098,095	(11,287,295)	84,922,211	145,000,000	-	-	5,251,890	200,000,000	2,508,829,421	11,898,099	2,580,227,520
Nilai sakama aset kewangan sebelum dipul	-	-	-	2,846,790	-	-	-	-	-	2,846,790	-	2,846,790
Perbezaan ukuran mata wang yang bagi operasi luar negara	-	-	-	14,143,006	-	-	-	-	-	14,143,006	-	14,143,006
Pendapatan komprehensif lain	(163,464,863)	5,658,037	-	2,846,790	-	-	-	-	-	(16,991,796)	-	16,991,796
Keuntungan atau kerugian Perubahan keperluan dalam syarikat subidiari	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(157,806,830)	1,075,108	(156,731,718)
Padai 31 Disember 2017, apartei ditujutukur semula	1,795,379,657	193,756,132	857,711	87,769,001	145,000,000	-	-	5,251,890	200,000,000	2,438,014,391	12,973,207	2,440,987,598
Padai 1 Januari 2018, apartei ditujutukur sebelum Perubahan tahun kepai	51,410,175 1,745,969,482	193,756,132 -	(13,125,603) 13,983,374	(45,248,098) 133,017,099	145,000,000 -	9,041,702,426 (9,041,702,426)	358,459,416 (358,459,416)	5,251,890 -	200,000,000 -	9,937,306,278 (7,569,191,887)	12,187,846 751,929	9,949,394,124 (7,568,439,958)
Keuntungan komprehensif lain Perubahan ukuran mata wang yang bagi operasi luar negara	(11,194,361)	(256,170)	-	4,124,426	-	-	-	-	-	(9,326,505)	-	(9,326,505)
Padai 1 Januari 2018, apartei ditujutukur semula	1,782,184,896	193,499,962	857,711	91,893,427	145,000,000	-	-	5,251,890	200,000,000	2,418,687,886	12,939,775	2,431,627,661
Nilai sakama aset kewangan sebelum dipul	-	-	-	(10,000,042)	-	-	-	-	-	(10,000,042)	-	(10,000,042)
Perubahan nilai sakama mutuam kewangan	-	-	-	(269,230)	-	-	-	-	-	(269,230)	-	(269,230)
Perbezaan ukuran mata wang yang bagi operasi luar negara	-	-	-	3,260,266	-	-	-	-	-	3,260,266	-	3,260,266
Pendapatan komprehensif lain Keuntungan atau kerugian	(914,408,146)	17,940,658	-	(10,269,273)	-	-	-	-	-	(7,000,000)	-	(7,000,000)
Padai 31 Disember 2018	1,407,384,750	211,440,620	4,117,977	81,624,155	145,000,000	-	-	5,251,890	200,000,000	2,115,219,392	12,800,818	2,128,020,210

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

MAARA

	Lebelan Jerkumul RM	Cadangan Pelaburan (Dana Kakitangan) RM	Risalah nilai saksama RM	Dana Program Pengajaran Pelajaran RM	Dana khas pembinaan perumahan RM	Dana khas tabung khas pendidikan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2017, seperti dinyatakan sebelumnya Pelarasan tahun sebelum Reklasifikasi	(494,346,580) 1,963,419,615	188,098,095	69,442,112	8,838,573,521 (1,596,199,603) (7,242,373,918)	367,220,012 (367,220,012)	200,000,000	9,168,987,160
Pada 1 Januari 2017, seperti dinyatakan semula	1,469,073,035	188,098,095	69,442,112	-	-	200,000,000	1,926,613,242
Perubahan nilai saksama aset kewangan sedia dijual Keuntungan tahun semasa	(54,207,038)	5,658,037	13,740,900	-	-	-	13,740,900
Pada 31 Disember 2017, seperti dinyatakan semula	1,414,865,997	193,756,132	83,183,012	-	-	200,000,000	1,891,805,141
Pada 1 Januari 2018, seperti dinyatakan sebelumnya Keseti mengimpak MF RS 9 Pelarasan tahun sebelum Reklasifikasi	(532,592,041) 1,947,458,038	193,756,132 (256,170)	83,183,012	8,963,729,013	358,459,416	200,000,000	9,266,535,532
Pada 1 Januari 2018, seperti dinyatakan semula	1,414,865,997	193,499,962	83,183,012	-	-	200,000,000	1,891,548,971
Perubahan nilai saksama pelaburan ekuiti Keuntungan tahun semasa	(293,995,342)	17,940,658	971,588	-	-	-	971,588
Pada 31 Disember 2018	1,120,870,655	211,440,620	84,154,600	-	-	200,000,000	1,616,465,875

PENYATA ALIRAN TUNAI
PADA 31 DISEMBER 2018

	Kumpulan		MAARA	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat				
Operasi berterusan	(292,770,801)	(147,257,069)	(276,054,685)	(48,549,001)
Operasi dihentikan	4,008,425	(17,658,323)	-	-
Pelarasan untuk:				
Geran Pembangunan dilunaskan	(816,495,618)	(598,947,489)	(525,120,933)	(478,930,287)
Geran Pergerakan Pelajaran dilunaskan	(2,330,230,044)	(1,888,806,478)	(2,330,230,044)	(1,888,806,478)
Geran Pembiayaan Perniagaan dilunaskan	(1,579,210)	(65,500,000)	(1,579,210)	(65,500,000)
Geran program keusahawanan pelajar dilunaskan	(33,457)	(1,190)	-	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	362,329,749	347,848,534	305,497,271	296,063,867
Bahagian keuntungan dari syarikat bersekutu	(73,625,765)	50,806,932	-	-
Peruntukan rosot nilai:				
Penghutang	-	-	(600,260)	4,931,931
Pinjaman	338,674,411	-	263,785,730	(22,176,810)
Pinjaman Syarikat	-	-	17,611,576	1,480,480
Pelaburan	-	18,744,486	22,778,500	-
Aset tak ketara	2,004,836	677,943	-	-
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	-	33,000,000	-
Peruntukan rosot nilai tidak lagi diperlukan:				
Penghutang am	-	(22,019,688)	-	(1,366,817)
Peruntukan ganjaran persaraan dan faedah kakitangan	10,508,512	17,029,566	7,534,229	9,078,232
Pelunasan ke atas aset tak ketara	459,699	2,622,773	141,235	126,000
Keuntungan ke atas jualan hartanah, loji dan peralatan	(579,416)	(32,644)	(12,571)	(64,275)
Keuntungan dari penilaian pelaburan hartanah	101,775	(21,942,365)	-	-
Keuntungan ke atas jualan aset kewangan	(11,616,812)	(4,177,703)	-	-
Kerugian ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	500,662	7,293,092	1,110,231	7,279,252
(Keuntungan) / Kerugian ke atas terjemahan mata wang asing	2,643,725	4,959,419	-	-
Hapuskiri ke atas hartanah, loji dan peralatan	2,161,039	936,438	2,161,039	222,689
Kos kewangan	4,992,931	9,373,330	2,911,302	2,822,627
Pendapatan dividen	(7,055,665)	(22,055,615)	(31,180,516)	(24,448,082)
Pendapatan faedah	(1,439,346)	(1,588,492)	(1,439,346)	(1,573,750)
Keuntungan skim pembiayaan	(50,719,379)	(57,154,132)	(35,168,129)	(29,263,339)
Rosot nilai: muhibah atas penyatuan	31,115,635	-	-	-
Rosot nilai pelaburan syarikat bersekutu	34,442,400	-	-	-
Perbelanjaan pembiayaan muqassah	19,235,068	17,324,637	19,235,069	17,324,637
Perbelanjaan dari kendalian sebelum perubahan modal kerja	(2,772,966,646)	(2,369,524,038)	(2,525,619,512)	(2,221,349,124)
Perubahan dalam:-				
Penghutang	(24,531,105)	54,319,531	185,576,087	(60,456,022)
Aset kontrak	824,037	(1,858,925)	-	-
Liabiliti kontrak	1,055,145	-	-	-
Inventori	1,395,914	745,710	-	-
Pinjaman	713,959,039	166,312,609	450,839,598	225,583,207
Pemiutang	19,167,076	7,549,220	(51,846,656)	(97,388,056)
Kos pembangunan hartanah	(1,040,029)	1,400,345	-	-
Tunai digunakan untuk aktiviti operasi	(2,062,136,569)	(2,141,055,548)	(1,941,050,483)	(2,153,609,995)
Bayaran zakat	(676,406)	(1,576,090)	-	-
Bayaran faedah kakitangan	(13,616,835)	(7,440,691)	(6,734,620)	(7,004,571)
Bayaran cukai pendapatan	(22,885,911)	(1,475,401)	-	-
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(2,099,315,721)	(2,151,547,730)	(1,947,785,103)	(2,160,614,566)

PENYATA ALIRAN TUNAI
PADA 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		MARA	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Penerimaan dari:				
Jualan aset kewangan	115,081,668	285,332,966	516,033,809	300,000,000
Jualan hartanah, loji dan peralatan	5,803,898	2,374,707	12,571	64,285
Jualan operasi dibentangkan	156,930,290	112,259,759	-	-
Jualan syarikat bersekutu	11,713,084	250,000	-	-
Pembelian:				
Aset kewangan	(38,011,848)	(11,951,498)	-	-
Aset tak ketara	(3,679,201)	(6,795,486)	(101,570)	-
Aset kewangan pada nilai saksama	-	-	(504,363,124)	-
Hartanah, loji dan peralatan	(299,565,234)	(338,904,807)	(234,441,053)	(254,765,683)
Dividen diterima	7,055,665	22,055,615	31,380,516	24,448,082
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	1,823,544	1,823,544	-	-
Faedah diterima	1,439,346	1,588,492	1,439,346	1,573,750
Keuntungan skim pembiayaan	50,719,379	57,154,132	35,168,129	29,263,339
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	-	656,370,623	(26,223,114)
Pinjaman kepada syarikat subsidiari	-	-	(533,637,664)	(6,143,084)
Tunai bersih (digunakan untuk)/dijana daripada aktiviti pelaburan	9,310,591	125,187,424	(29,338,417)	68,217,575
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran belanja mengurus penganjuran pelajaran diterima	2,175,000,000	2,000,000,000	2,175,000,000	2,000,000,000
Dana pembiayaan perniagaan diterima	115,000,000	65,500,000	115,000,000	65,500,000
Geran Kerajaan Tertunda diterima	685,295,314	622,313,293	356,736,388	453,696,919
Penggunaan Dana Kakitangan	-	-	(20,345,300)	(24,603,889)
Bayaran kepada institusi MARA	(4,829,195)	(13,658,214)	(78,603,852)	(52,482,978)
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(182,832,958)	(128,273,527)	-	-
Bayaran balik pemiutang sewabeli	(61,781)	(212,256)	-	-
Kos kewangan	(4,992,931)	(9,373,330)	(2,911,302)	(2,822,627)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan	2,782,578,449	2,536,295,966	2,544,875,934	2,439,287,425
Perubahan bersih dalam aliran tunai dan persamaan tunai				
Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan setara tunai	692,573,319	509,935,660	567,752,414	346,890,434
Tunai dan persamaan tunai pada awal tahun	1,660,600,635	1,136,519,969	1,007,448,280	660,557,846
Tunai dan persamaan tunai pada akhir tahun	2,356,434,220	1,660,600,635	1,575,200,694	1,007,448,280
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI				
Wang tunai dan dana jangka pendek	663,760,324	1,063,469,604	432,481,644	796,566,321
Depositi di bank berlesen	1,688,585,621	591,605,786	1,142,719,050	210,881,959
Depositi di institusi kewangan	9,293,068	14,438,406	-	-
Bank overdraft dan pinjaman jangka pendek	(5,264,792)	(8,913,161)	-	-
	2,356,434,220	1,660,600,635	1,575,200,694	1,007,448,280

PENYATA ALIRAN TUNAI
PADA 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

Nota Penyata Aliran Tunai:-

Penyesuaian liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan

2018 Kumpulan	Baki awal tahun RM	Aliran tunai pembiayaan RM	Kesan pertukaran mata wang asing RM	Lain-lain pergerakan bukan tunai RM	Baki akhir tahun RM
	Dinyatakan Semula				
Pemiutang sewa beli	86,224	(61,781)	-	-	24,443
Pinjaman	124,529,836	(74,333,802)	-	-	50,196,034
Pinjaman Kerajaan	224,634,558	(108,499,156)	-	-	116,135,402
Geran Pembangunan tertunda	8,726,594,364	685,295,313	-	(821,324,813)	8,590,564,864
Geran Penganjuran Pelajaran tertunda	9,531,673,918	2,175,000,000	-	(2,330,230,044)	9,376,443,874
Geran Pembiayaan Perniagaan tertunda	-	115,000,000	-	(1,579,210)	113,420,790
Geran program keusahawanan pelajar	7,054,618	-	-	(33,457)	7,021,161
MARA					
	Baki awal tahun RM	Aliran tunai pembiayaan RM	Kesan pertukaran mata wang asing RM	Lain-lain pergerakan bukan tunai RM	Baki akhir tahun RM
	Dinyatakan Semula				
Pinjaman Kerajaan	224,634,558	(108,499,156)	-	-	116,135,402
Geran Pembangunan tertunda	8,427,818,772	(246,988,397)	-	-	8,180,830,375
Geran Penganjuran Pelajaran tertunda	9,453,700,505	2,175,000,000	-	(2,330,230,044)	9,298,470,461
Geran Pembiayaan Perniagaan tertunda	-	115,000,000	-	(1,579,210)	113,420,790

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966 sebagai Badan Berkanun.

Misi MARA adalah menerajui bidang kewahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera.

Aktiviti-aktiviti MARA adalah seperti berikut: -

- Membangunkan usahawan berjaya dan inovatif
- Melahirkan modal insan global dan berintegriti
- Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- Memudahkan sistem penyampaian

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 48.

Pejabat berdaftar dan Premis utama MARA beralamat di Ibu Pejabat MARA, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan utama Kumpulan dan MARA sepanjang tahun kewangan semasa.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 (beraudit) telah diluluskan oleh Majlis MARA pada 26 November 2019 dan diperakui oleh Jawatankuasa Audit MARA pada 12 November 2019.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan MARA telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRSs – *Malaysian Financial Reporting Standards*) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRSs – *International Financial Reporting Standards*).

2.2 Perubahan polisi perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan MARA adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya kecuali Pindaan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti berikut:

Pada 1 Januari 2018, Kumpulan dan MARA telah menerima pakai penambahbaikan kepada Piawaian Perakaunan MFRS, Pindaan dan Interpretasi kepada piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

Piawaian/Pindaan/Interpretasi IC	Perihal
MFRS 9	Instrumen Kewangan
MFRS 15	Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan
Pindaan kepada MFRS 1	Pemakaian Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan
Pindaan kepada MFRS 2	Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Bayaran Berasaskan-Saham
Pindaan kepada MFRS 128	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
Pindaan kepada MFRS 140	Pindahan Pelaburan Hartanah
Interpretasi IC 22	Urusiaga Mata Wang Asing dan Balasan Pendahuluan

Polisi perakaunan Kumpulan dan MARA perlu diubah dan pelarasan secara retrospektif dibuat berikutan dengan pemakaian MFRS 9 Perkara ini dinyatakan di dalam Nota 45. Kebanyakan piawaian, pindaan dan interpretasi IC lain yang tertera di atas tidak memberi kesan kepada amaun yang diiktiraf dalam tahun terdahulu dan dijangka tidak memberi kesan besar kepada tempoh semasa atau akan datang.

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan MARA belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Kumpulan dan MARA bercadang untuk mengguna pakai piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, Pajak
- Pindaan kepada MFRS 3, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2015 – 2018
- Pindaan kepada MFRS 9, Ciri-ciri Prabayar dengan Pampasan Negatif
- Pindaan kepada MFRS 11, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2015 – 2018
- Pindaan kepada MFRS 112, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2015 – 2018
- Pindaan kepada MFRS 123, Kos Pinjaman
- Pindaan kepada MFRS 128, Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
- Interpretasi IC 23, Ketidakpastian mengenai Kaedah Perakaunan Cukai Pendapatan

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan kepada MFRS 3, Definisi Perniagaan
- Pindaan kepada MFRS 101, Definisi Material
- Pindaan kepada MFRS 108, Definisi Material

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, Kontrak Insurans

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Kumpulan dan MARA akan menerima pakai, yang mana berkenaan, piawaian-piawaian di atas apabila ia berkuatkuasa. Pemakaian piawaian dan pindaan di atas dijangka tidak memberi kesan material ke atas pendedahan atau amaun yang diiktiraf di penyata kewangan Kumpulan pada tempoh semasa dan terdahulu kecuali MFRS 16, Pajak.

MFRS 16 menggantikan MFRS 117 Pajak dan Interpretasi berkaitan dengan memperkenalkan satu model perakaunan untuk pajak yang terkandung di dalam lembaran imbalan. Penerima pajak mengiktiraf aset hak mengguna mewakili hak menggunakan aset mendasari dan liabiliti pajak yang mewakili obligasi penerima pajak untuk membuat bayaran. Terdapat pengecualian pengiktirafan untuk pajak jangka pendek dan pajak nilai rendah. Perakaunan untuk pemberi pajak masih kekal sama dengan piawaian semasa yang mengklasifikasikan sebagai pajak kewangan atau operasi.

Kumpulan dan MARA sedang menaksir kesan kewangan yang mungkin timbul dari pemakaian MFRS 16.

2.4 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.5 Mata wang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang fungsian untuk MARA.

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disepak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disepak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada perkara signifikan melibatkan ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai polisi perakaunan yang mempunyai kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf di penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan seperti berikut: -

i. Penilaian Hartanah Pelaburan

Taksiran nilai saksuma bagi hartanah pelaburan diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai berkelayakan profesional yang diiktiraf dan bersesuaian serta memiliki pengalaman terkini berkenaan lokasi dan kategori hartanah yang dimiliki.

ii. Cukai Tertunda Dan Cukai Pendapatan

Kumpulan adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disepak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

iii. Gantian Cuti Rehat

Nilai semasa obligasi gantian cuti rehat merujuk kepada anggaran perkiraan cuti rehat terkumpul layak dibayar sebagai balasan apabila kakitangan bersara bagi kumpulan kakitangan tertentu yang masih berkhidmat pada akhir tahun kewangan. Anggaran adalah berdasarkan gaji semasa kakitangan pada akhir tahun kewangan.

iv. Rosot Nilai Aset Kewangan Pinjaman, Pembiayaan dan Dagangan Belum Terima

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pembiayaan dan Dagangan belum terima secara individu dan kolektif pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke untung atau rugi. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah risiko kemungkiran dan jangkaan kadar kerugian. Kumpulan dan MARA menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian dan pemilihan input untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan sejarah terdahulu, keadaan pasaran semasa dan juga anggaran berpandangan ke hadapan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

Lanjutan dari pemakaian MFRS 5 Instrumen Kewangan dan MFRS 15 Pendapatan daripada Kontrak dengan Pelanggan pindaan dibuat kepada polisi perakaunan berikut:-

- Instrumen kewangan;
- Pendapatan; dan
- Rosot nilai.

Kesan perubahan dinyatakan pada Nota 45

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan MARA dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan MARA serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dari perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasikan yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Kesuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang baki menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pelanggan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Syarikat subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status syarikat subsidiari akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.7.2.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuan syarikat subsidiari. Berdasarkan kaedah ini, syarikat subsidiari disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan ditaksir pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, dicampur kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya ditaksir mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai mahabbah seperti di Nota 3.10.2. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus ke untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih syarikat subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan bukan kawalan ditaksir pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti syarikat subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti syarikat subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atau aset yang dipindahkan.

Untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih syarikat subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk semua terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf ke untung atau rugi disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam MARA ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke untung rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksamanya daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah menghapuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berasaskan ekuiti atau instrumen kewangan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

3.3 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak tanggungan, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan pelaburan dalam syarikat bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam syarikat bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk mahabbah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan selepas ditolak rosot nilai terkumpul atas mahabbah.

Bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf ke untung atau rugi dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos berserta pelarasan untuk menunjukkan perubahan ke atas bahagian aset bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu berkenaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu (Sambungan)

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.7.2.

3.4 Mata Wang Asing

3.4.1 Transaksi dan Baki Dalam Mata Wang Asing

Transaksi dalam mata wang asing dikira bersamaan dengan mata wang fungsian masing-masing bagi syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal mata wang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan. Aset kewangan dan liabiliti dalam mata wang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berakhir tahun kewangan.

Perkara-perkara bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemah menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf ke untung atau rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam Lain-Lain pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab terjemahan mata wang asing di penyata kedudukan Kewangan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan ke untung atau rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus ke penyata kedudukan kewangan.

3.4.2 Operasi Asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza berbanding mata wang yang dilaporkan (iaitu Ringgit Malaysia ("RM")) dalam penyata kewangan disatukan diterjemah kepada RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemah pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh berakhir tahun kewangan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata untung rugi diterjemah pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain menerusi riza) pertukaran mata wang asing.

3.5 Instrumen Kewangan

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi satu pihak kepada peruntukan perundangan kontrak instrumen berkenaan.

3.5.1 Aset Kewangan

a. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Tahun terdahulu

Aset kewangan dikelaskan mengikut keadaan, sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan penghutang atau aset kewangan sedia-dijual. Pengelasan aset dilakukan semasa pengiktirafan awal.

Aset kewangan yang diiktiraf di permulaan pada nilai saksama, lazimnya merupakan harga transaksi dan untuk aset kewangan tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dicampur dengan kos transaksi langsung untuk mendapatkan instrumen kewangan berkenaan.

Tahun semasa

Aset kewangan (kecuali penghutang dagangan tanpa komponen pembiayaan ketara) dinyatakan semasa permulaan pada nilai saksama dan untuk aset kewangan tidak melalui untung atau rugi, dicampur dengan kos transaksi langsung untuk mendapatkan instrumen kewangan berkenaan. Penghutang dagangan tanpa komponen pembiayaan diiktiraf pada nilai transaksi semasa permulaan.

b. Pengelasan dan Taksiran Berikutan

Tahun terdahulu

Penilaian berikutan untuk aset kewangan bergantung kepada pengelasan aset berkenaan seperti berikut:-

i. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi mengandungi aset kewangan dipegang untuk diperdagang termasuk derivatif dan aset kewangan yang ditentukan secara spesifik untuk berkategori begini semasa permulaan.

Aset kewangan dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi untuk berikutnya ditaksir pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi. Kaedah pengiraan nilai saksama adalah seperti di Nota 3.6.

ii. Pinjaman dan penghutang

Pengelasan pinjaman dan penghutang mengandungi instrumen hutang tidak tersiarharga di pasaran aktif. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang ditaksir pada kos tertimas menggunakan kaedah faedah efektif (Nota 3.5.4).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (Sambungan)

3.5.1 Aset Kewangan (Sambungan)

b. Pengelasan dan Taksiaran Berikutnya (Sambungan)

iii. Aset kewangan sedia dijual

Aset kewangan sedia dijual adalah aset kewangan bukan derivatif di mana Kumpulan mempunyai hasrat untuk mengelaskan instrumen pelaburan di bawah kelas aset kewangan ini sewaktu pembelian dibuat yang mana aset kewangan tersebut tidak dikelaskan di bawah lain-lain kelas aset kewangan.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai aset kewangan sedia dijual adalah instrumen pelaburan ekuiti yang merangkumi ekuiti tersiar harga dan ekuiti tidak tersiar harga sama ada diuruskan secara dalaman atau pun melalui pengurus dana luar dan instrumen pelaburan berpendapatan tetap.

Penilaian berikutnya ke atas aset kewangan sedia dijual adalah pada nilai saksama yang mana keuntungan atau kerugian dinyatakan ke pendapatan komprehensif lain kecuali untuk rosot nilai, perbezaan pertukaran mata wang asing dari item moneter yang mana diiktiraf ke untung atau rugi.

Tahun semasa

Pemakaian MFRS 9 *Instrumen Kewangan* memerlukan aset kewangan dikelaskan mengikut keperluan, samada pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau kos terluas.

Kumpulan dan MARA menentukan pengelasan aset kewangan semasa pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepasnya kecuali Kumpulan dan MARA memutar model pembiayaan untuk mengurus aset kewangan pada hari pertama tempoh pelaporan berikutnya pemutaran model pembiayaan.

i. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kesemua aset kewangan tidak dikelaskan sebagai dinyatakan pada kos terluas akan ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Aset kewangan dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir selanjutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi. Kaedah untuk pengukuran nilai saksama dinyatakan di Nota 3.6.

ii. Kos terluas

Kategori kos terluas mengandungi aset kewangan yang dipegang secara model pembiayaan berobjektif memegang aset untuk menerima aliran tunai kontrakual dan terma kontrakual mewujudkan tarikh spesifik aliran tunai untuk bayaran prinsipal dan faedah ke atas aman prinsipal yang masih berbayar. Aset kewangan ini tidak ditentukan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan berkenaan ditaksir pada kos terluas menggunakan kaedah faedah efektif (Nota 3.5.4). Pendapatan faedah diiktiraf ke untung atau rugi.

Aset kewangan pada kos terluas tertakluk kepada rosot nilai seperti di Nota 3.7.1

iii. Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain

Instrumen hutang

Kategori nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain merangkumi instrumen hutang dimana objektif model pembiayaannya dicapai dengan menunggu aliran tunai kontrakual dan menjual instrumen hutang. Terma kontraknya, mewujudkan tarikh spesifik aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran aman prinsipal dan faedah terhadap aman prinsipal yang belum dijelaskan. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, kerugian dan keuntungan pertukaran matawang asing dan rosot nilai diiktiraf ke untung atau rugi. Keuntungan dan kerugian bersih lain diiktiraf di pendapatan komprehensif lain. Apabila dinyahiktiraf, keuntungan dan kerugian terkumpul di pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada untung atau rugi.

Pelaburan ekuiti

Kategori ini merangkumi pelaburan ekuiti yang tidak dipegang untuk perdagangan, dan Kumpulan dan MARA membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk mendedahkan perubahan nilai saksama selepas pengiktirafan awal di dalam pendapatan komprehensif lain. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan ke untung atau rugi melainkan dividen jelas mewakili perolehan semula sebahagian daripada kos pelaburan. Keuntungan dan kerugian bersih yang lain diiktiraf di pendapatan komprehensif lain. Apabila dinyahiktiraf, keuntungan dan kerugian terkumpul di pendapatan komprehensif lain tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi.

3.5.2 Liabiliti Kewangan

a. Pengiktirafan dan Taksiaran Awal

Tahun terdahulu

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut keadaan, sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, atau liabiliti kewangan pada kos terluas. Pengelasan dibuat semasa pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf di permulaan pada nilai saksama ditolak, untuk kes pinjaman dan pembiayaan, kos langsung transaksi.

Liabiliti kewangan Kumpulan dan MARA mengandungi pinjaman, pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang.

Tahun semasa

Pemakaian MFRS 9 *Instrumen Kewangan* memerlukan liabiliti kewangan dikelas mengikut keperluan, sebagai ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau kos terluas. Liabiliti kewangan diiktiraf di permulaan pada nilai saksama dan untuk instrumen kewangan selain dari nilai saksama melalui untung atau rugi, ditambah kos langsung transaksi untuk mendapatkan atau mengeluarkan instrumen kewangan berkenaan.

Liabiliti kewangan Kumpulan dan MARA mengandungi pinjaman, pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (Sambungan)

3.5.2 Liabiliti Kewangan

b. Pengelasan dan Taksiaran Berikutnya

Tahun terdahulu

Taksiaran berikut untuk liabiliti kewangan bergantung kepada pengelasan seperti berikut:-

i. Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi mengandungi liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif untuk kontrak jaminan atau ditentukan sebagai instrumen lindung nilai yang berefektif) dan liabiliti kewangan yang ditentukan sebagai kategori ini secara spesifik semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan dikategori sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi.

ii. Liabiliti kewangan pada kos terluas

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan lain ditaksir pada kos terluas menggunakan kaedah faedah efektif (Nota 3.5.4).

Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf atau melalui proses pelunasan.

Tahun semasa

Taksiaran berikut untuk liabiliti kewangan bergantung kepada pengelasan seperti berikut:-

i. Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi mengandungi liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif untuk kontrak jaminan atau ditentukan sebagai instrumen lindung nilai yang berefektif) perkara-perkara berkontingen untuk penggabungan pembiayaan dan liabiliti kewangan yang ditentukan sebagai kategori ini secara spesifik semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan dikategori mengikut nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi.

ii. Kos terluas

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan lain ditaksir pada kos terluas menggunakan kaedah faedah efektif (Nota 3.5.4).

Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf atau melalui proses pelunasan.

3.5.3 Instrumen Kewangan Difatset

Aset dan liabiliti kewangan difatset dan aman bersih dinyatakan pada penyata kedudukan kewangan hanya sekiranya terdapat secara sedia ada, hak perundangan untuk mengofset aman yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan secara kaedah bersih atau menzahirkan aset dan menyelesaikan liabiliti secara bersentak.

3.5.4 Instrumen Kewangan pada Kos Terluas

Tahun terdahulu

Pelunasan kos ditaksir menggunakan kaedah faedah efektif. Kaedah ini menggunakan kadar faedah efektif yang mendiskau secara jitu anggaran penerimaan atau pembayaran aliran tunai masa hadapan sepanjang hayat instrumen kewangan kepada aman bawa bersih instrumen kewangan berkenaan. Pelunasan kos mengambil kira sebarang kos transaksi dan diskaun atau premium untuk penyelesaian.

Tahun semasa

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif ke atas aman bawa kasar kecuali untuk aset kewangan yang telah dirosot nilai yang mana kadar faedah efektif dikenakan ke atas kos terluas.

3.5.5 Nyahiktiraf Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak penerimaan aliran tunai dari aset berkenaan telah luput atau, Kumpulan atau MARA telah memindahkan hak penerimaan aliran tunai dari aset berkenaan atau telah bersedia untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa langkah secara ketara kepada pihak ketiga di bawah urusan "pass-through" tanpa mengekalkan kawalan atau (secara ketara) segala risiko dan habuan ke atas aset berkenaan.

Bila aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan diantara aman bawa dan jumlah balasan diterima (termasuk sebarang aset baru diterima ditolak tanggungan liabiliti baru) dan keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf ke ekuiti diiktiraf ke untung atau rugi.

Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf bila obligasi terhadap liabiliti berkenaan sudah ditenyap, batal atau luput. Apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawa liabiliti kewangan yang terhapus atau dipindah kepada pihak lain dan balasan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai atau liabiliti disanggung, diiktiraf ke untung atau rugi. Dalam keadaan dimana pemilik melepaskan hutang, keuntungan diiktiraf ke ekuiti sebagai rizab lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 Taksiran nilai saksama

Kecuali transaksi pajakan, nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima sebagai jualan aset atau dibayar untuk pindahan liabiliti secara transaksi teratur di antara peserta urusniaga pada tarikh taksiran dilakukan. Taksiran ini mengandaikan transaksi untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau di pasaran yang paling berpulangan tinggi.

Nilai saksama instrumen kewangan yang diniaga secara aktif di pasaran kewangan teratur ditentukan secara merujuk kepada harga bidaan tersiar di kala urusniaga ditutup pada tarikh pelaporan. Untuk instrumen kewangan tanpa pasaran aktif, nilai saksama dibuat menggunakan kaedah penilaian. Kaedah berkenaan termasuk menggunakan transaksi pasaran secara tulus, rujukan kepada nilai saksama instrumen lain yang seakan, analisa aliran tunai didiskaunkan atau model penilaian lain.

Untuk aset bukan kewangan, taksiran nilai saksama mengambil kira kepupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi menggunakan aset berkenaan secara terbaik atau secara menjual kepada peserta urusniaga lain yang dijangka akan memanfaatkan aset berkenaan sebaik mungkin.

Untuk menaksir nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Kumpulan dan MARA menggunakan data pasaran yang boleh diperhati secara sejauh mungkin. Nilai saksama dikelaskan kepada peringkat berbeza di dalam hierarki nilai saksama berdasarkan kepada input yang diguna untuk kaedah penilaian seperti berikut:-

Tahap 1 Harga tersiar (tanpa dilaraskan) di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2 Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.

Tahap 3 Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan.

Kumpulan dan MARA mengiktiraf pindahan diantara hierarki nilai saksama di kala berlaku peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan berkenaan.

3.7 Rosot Nilai

3.7.1 Aset Kewangan

Kecuali dinyatakan secara spesifik di bawah, Kumpulan dan MARA secara umum memakai polisi perakaunan berikut secara retrospektif. Walau bagaimana pun, sebagaimana yang dibenarkan oleh MFRS 9 *Instrumen Kewangan*, Kumpulan dan MARA memilih untuk tidak menyatakan semula maklumat perbandingan.

Tahun terdahulu

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi, dan pelaburan dalam anak syarikat, usaha sama dan bersekutu) ditaksir pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan samada terdapat bukti objektif rosot nilai berikutan dari satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset berkenaan. Sekiranya terdapat bukti objektif, anggaran dibuat ke atas nilai boleh pulih aset kewangan berkenaan. Jangkaan kerugian disebabkan oleh peristiwa masa hadapan tidak diiktiraf walau pun berkemungkinan akan berlaku.

Rosot nilai berkaitan dengan pinjaman atau penghutang diiktiraf ke untung atau rugi dan ditaksir sebagai perbezaan di antara amaun bawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset berkenaan. Nilai bawa aset berkenaan dikurangkan dengan menggunakan akaun elau.

Sekiranya nilai saksama instrumen kewangan bertambah di tempoh berikutan dan pertambahan berkenaan secara objektifnya berkait dengan peristiwa berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf ke untung atau rugi, kerugian berkenaan dibalikkan setakat mana nilai bawa aset tidak melebihi amaun bawa sekiranya rosot nilai tidak diiktiraf ke untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan ditaksir pada kos terluas diiktiraf ke untung atau rugi dan nilai bawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elau.

Tahun semasa

Kumpulan dan MARA mengiktiraf elau kerugian untuk kerugian kredit dijangka ke atas aset kewangan ditaksir pada kos terluas.

Kumpulan dan MARA menaksir kerugian elau ke atas sekuriti hutang pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat, kecuali untuk sekuriti hutang yang dikenalpasti mempunyai risiko kredit rendah pada tarikh pelaporan. Sekuriti hutang lain yang berisiko kredit tidak berubah secara ketara sejak pengiktirafan awal ditaksir secara kerugian kredit dijangka untuk 12 bulan.

Kerugian elau untuk penghutang dagangan sentiasa ditaksir pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat.

Untuk menentukan samada risiko kredit aset kewangan sudah bertambah secara ketara sejak pengiktirafan awal dan semasa membuat anggaran kerugian kredit, Kumpulan dan MARA mempertimbangkan maklumat bersokong dan munasabah yang berkaitan dan tersedia tanpa menanggung kos dan usaha melampau. Ini termasuk maklumat kuantitatif dan kualitatif beserta analisa, berdasarkan kepada pengalaman sejarah Kumpulan dan taksiran kredit bermaklumat termasuk maklumat menandang ke hadapan, di mana tersedia.

Kumpulan menganggap risiko kredit aset kewangan meningkat secara ketara bila melepasi tempoh mula tertunggak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.7 Rosot Nilai (Sambungan)

3.7.1 Aset Kewangan (Sambungan)

Kumpulan menyifatkan aset kewangan sebagai dimungkir apabila pemungkir tidak mungkin dapat memenuhi obligasi kredit mereka secara penuh, tanpa ruang untuk Kumpulan dan MARA kepada tindakan seperti pencaitan sekuriti.

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat adalah kerugian kredit dijangka hasil dari segala peristiwa kemungkir sepanjang hayat sesuatu aset kewangan, manakala 12 bulan kerugian kredit dijangka ialah bahagian kerugian kredit hasil dari peristiwa kemungkir yang mungkin berlaku dalam masa 12 bulan dari tarikh pelaporan.

Tempoh maksima diambil kira untuk penganggaran kerugian kredit ialah tempoh kontraktual maksima risiko kredit yang terdedah kepada Kumpulan.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan ditaksir pada kos terluas diiktiraf ke untung atau rugi dan amaun bawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elau.

3.7.2 Aset lain

Amaun bawa aset lain, selain dari inventori dan aset cukai tertunda, disemak semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan samada terdapat petanda rosot nilai. Amaun bawa disemak lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan kepada keadaan menggambarkan amaun bawa mungkin terosot nilai, sebagaimana dinyatakan di dalam polisi perakaunan aset berkenaan.

Sekiranya wujud petanda, amaun boleh pulih aset berkenaan akan dianggar. Kerugian rosot nilai diiktiraf bila amaun bawa aset atau unit janaan tunai untuk aset berkenaan melebihi amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke untung atau rugi.

Unit janaan tunai ialah aset terkecil yang dikenal pasti untuk menjana aliran tunai hasil kegunaan berterusan yang secara umum bebas dari aset atau kumpulan lain.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf berkaitan dengan unit janaan tunai diperuntukkan dulu untuk mengurangkan mubilah yang diperuntuk kepada unit dan kemudian pengurangan dibuat kepada aset lain di dalam unit secara kaedah pro-rata.

Amaun boleh pulih ialah amaun tertinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos melupus dan nilai hasil guna. Untuk menaksir nilai hasil guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan nilai masa wang pada taksiran pasaran semasa dan risiko spesifik kepada aset berkenaan. Untuk aset yang tidak menjana aliran tunai secara berasingan, nilai boleh pulih ditentukan untuk unit janaan tunai yang melingkungi aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai untuk mubilah tidak dibalikkan semula di tempoh berikutnya. Untuk aset lain, kerugian rosot nilai akan dibalikkan sekiranya terdapat perubahan kepada anggaran yang dulunya diguna untuk penentuan amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya ke tahap amaun bawa aset tidak melebihi amaun bawa yang telah ditentukan, selepas susut nilai dan peluasan, sekiranya tiada kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya.

Pembalikan rosot nilai dikredit ke untung atau rugi dalam tahun kewangan pembalikan diiktiraf.

3.8 Hartanah, Loji dan Peralatan

3.8.1 Pengiktirafan dan Taksiran

Aset-aset dipermodal apabila kos pembelian adalah RM2,000 dan ke atas semut.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersesuaian dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau dibebankan ke untung atau rugi, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dikiratkan pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh ditaksir dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke untung atau rugi.

3.8.2 Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilaikan secara berasingan.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.8 Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

3.8.2 Susut Nilai (Sambungan)

	Kumpulan	MARA
Bangunan milik bebas	2% hingga 10%	2%
Bangunan pegangan pajak	Sepanjang tempoh pajakan	Sepanjang tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	10% hingga 25%	25%
Alat-alat pejabat, kelengkapan dan komputer	5% hingga 33 1/3%	15% hingga 25%
Mesin, jentera dan alat-alat bengkel	7 1/2% hingga 20%	15%
Ubahsuaian	2% hingga 20%	2%

Tanah dan bangunan pegangan pajak diluluskan sepanjang tempoh pajakan.

Tanah milik bebas dan bangunan dalam pembinaan tidak disusut nilaikan.

Pada tarikh berakhir tahun kewangan, nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh dialihdayakan dan nilai penggunaannya.

3.9 Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan.

Pelaburan hartanah asalnya dinyatakan pada kos yang termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk mendapatkan aset berkenaan.

Pelaburan hartanah kemudian dimaafkan pada nilai saksama dengan mengiktirafkan perbezaan ke untung atau rugi dalam tempoh kewangan berkenaan.

Sekiranya penilaian nilai saksama tidak dapat diperolehi tanpa melibatkan kos atau usaha melampau, aset berkenaan akan diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul sehingga terdapat penilaian yang boleh dipakai. Nilai bawa aset berkenaan kemudiannya diambil sebagai kos.

Keuntungan atau kerugian nilai saksama akibat dari pengelasan semula diiktiraf ke untung atau rugi.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila dijual atau penggunaan dibentangkan dan tiada manfaat ekonomi yang akan diperolehi apabila dihapuskan. Perbezaan di antara terimaan bersih dan nilai bawa diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh tahun kewangan aset berkenaan dinyahiktiraf.

3.10 Aset Tak Ketara

3.10.1 Lesen dan Perisian Teknologi Maklumat

Perbelanjaan yang wujud daripada lesen dan perisian teknologi maklumat khusus ditaksir pada kos pengiktirafan. Selepas pengiktirafan awal, aset tak ketara adalah bawa pada kos setelah ditolak perulangan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Aset tak ketara diluluskan berdasarkan asas garis lurus di sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi selama lapan (8) hingga (13) tahun (10% - 15%) dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset berkenaan mungkin telah mengalami rosot nilai.

3.10.2 Muhibah

Muhibah pada awalnya ditaksir berasaskan kos, sebagai lebih kepada kos pembelian dan aman diiktiraf bagi kepentingan bukan terwalan ke atas aset bersih yang dikenal pasti akan diperolehi dan liabiliti yang ditanggung. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang dibeli melebihi kos pembelian yang diiktiraf, keuntungannya diiktiraf ke untung atau rugi. Selepas pengiktirafan awal, muhibah ditaksir pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibah disamak semula untuk rosot nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang menggambarkan nilai bawa mungkin mengalami rosot nilai. Rosot nilai atas muhibah tidak boleh dicatat semula. Polisi bertubuh pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 3.7.2.

3.11 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos (ditentukan dengan dasar masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai pasaran bersih.

Kos bahan mentah meliputi semua kos belian asal dan kos lain yang terlibat untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa. Kos kerja dalam proses dan barang siap meliputi kos bahan mentah, buruh langsung dan sebahagian overhead pengeluaran.

Nilai boleh realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa pemiagaan ditolak kos jualan dan hartanah dan lain-lain anggaran kos penyediaan.

3.12 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila wujud obligasi semasa yang konstruktif dan dari segi perundangan, kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan aman obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disamak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaras untuk membayangkan anggaran secara terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, peruntukan tersebut akan dibatalkan.

Apabila pendiskonan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2018

